

**Bil. 40**

**Isnin  
10 Julai 2000**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEPULUH  
PENGGAL KEDUA  
MESYUARAT KEDUA**

# KANDUNGAN

## **MENGANGKAT SUMPAH:**

Y.B. Tuan Sothinathan A/L Sinaa Goundar (Telok Kemang) (Halaman 1)

## **PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:**

Mengalau-ahu Ahli Baru (Halaman 1)

Memperkenankan Akta-akta (Halaman 1)

Perutusan Daripada Dewan Negara (Halaman 2)

Kebenaran Bercuti Kepada Ahli (Halaman 3)

## **JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 3)

## **USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH**

### **PERATURAN MESYUARAT 18:**

**Rompakan Bersenjata di Kem Tentera di Gerik**  
- Y.B. Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) (Halaman 16)

## **RANG UNDANG-UNDANG :**

Rang Undang-undang Tribunal Perkhidmatan Awam  
(Pembubaran) 2000 (Halaman 18)

Rang Undang-undang Cakera Optik 2000 (Halaman 28)

Rang Undang-undang Badan-badan Berkanun  
(Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Halaman 50)

Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 2000 (Halaman 76)

## **USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada  
Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan (Halaman 78)

## **UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:**

Kebebasan Bersuara Perlu Dipulihkan Sepenuhnya  
- Y.B. Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor (Pendang) (Halaman 78)

Penguatkuasaan Kod Etika Hakim-hakim 1994  
- Y.B. Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman) (Halaman 83)

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail,  
S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad,  
D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P.,  
S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K.,  
S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri  
Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N.,  
D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Ling Liong Sik, S.P.M.P.,  
D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P.,  
D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik,  
S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan, Tun Dato’ Daim  
Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo  
Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah  
Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul  
Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S.,  
D.U.B.C.(T). (Pekan)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato Law Hieng Ding,  
P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar,  
S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna , Tan  
Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I.,  
S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)

“ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J,  
P.I.S (Bakri)

“ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ Dr.  
Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)

“ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Khalil bin Yaakob,  
P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Abdul Kadir  
bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar  
Baharu)

“ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M.  
(Selandar)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Seri Ong Ka  
Ting, D.P.M.P. (Pontian)

“ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Seri Mohamed Nazri bin  
Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

- Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Rais bin Yatim, D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Effendi Norwawi (Kuala Rajang)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Penerangan Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- \* Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Haji Noh bin Haji Omar, K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan Sothinathan a/l Sinaa Goundar (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P; A.M.N. (Tapah)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Tuan Rizalman bin Abdullah, J.P. (Tenom)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- ” Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
- “ Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)

Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)

- “ Dato’ Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- “ Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- “ Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- “ Dato’ Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- “ Dato’ Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
- “ Tuan Juslie bin Ajirol (Libaran)
- “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- “ Tan Sri Dato’ Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- “ Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- “ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)

Yang Berhormat Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)

- “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- “ Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- “ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- “ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- “ Dato' Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
- “ Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- “ Tuan Moktar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhammad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Mustafa bin Ali (Dungun)
- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- “ Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- “ Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- “ Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- “ Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
- “ Dato' Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- “ Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)

- Yang Berhormat Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- “ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Dato’ Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- “ Dato’ Tiong Thai King, (Lanang)
- “ Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- “ Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

#### MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato’ Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S.

**DEWAN RAKYAT****PEGAWAI-PEGAWAI KANAN  
Setiausaha Dewan Rakyat**

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

**Ketua Penolong Setiausaha**  
Zamani bin Haji Sulaiman  
Haji Mustakin bin Selamat  
Shahrom bin Haji Hasan

**Penolong Setiausaha**  
Haji Mustafa bin Abdul Rahman  
Ruhana binti Abdullah  
Riduan bin Rahmat

**BENTARA MESYUARAT**

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh  
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan  
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop  
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop  
Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Shamsina binti Janor  
Ramlah binti Mohd. Yusuff  
Jamilah Intan binti Haji Bohari  
Khairul Azila binti Haji Khairuddin  
Nurziana binti Ismail  
Noor Effarizan binti Mat Satib  
Taharah binti Mohamed  
Nik Elyana binti Ahyat  
Abu Bakar bin Haji Hasan

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK**

Kamal bin Oyub  
Haji Latif bin Ismail  
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT**

**Isnin, 10 Julai 2000**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**MENGANGKAT SUMPAH**

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah:

– Yang Berhormat Tuan Sothinathan a/l Sinaa Goundar  
(Telok Kemang)

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI BARU**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat sumpah sebentar tadi. Saya berharap semoga Ahli Yang Berhormat yang baru dipilih itu dapat memberi sumbangan yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya, dan semoga beliau dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.  
[Tepuk]

**MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam mesyuarat yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perbekalan 2000;
2. Akta Institut Teknologi MARA (Pindaan) 2000;
3. Akta Perbekalan Tambahan (1999) 2000;
4. Akta Kewangan 2000;
5. Akta Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 2000;
6. Akta Perindustrian Niaga Hadapan (Pindaan) 2000;
7. Akta Perindustrian Sekuriti (Depositari Pusat) (Pindaan) 2000;
8. Akta Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000;
9. Akta Reka Bentuk Perindustrian (Pindaan) 2000;
10. Akta Petunjuk Geografi 2000;
11. Akta Cap Dagangan (Pindaan) 2000;
12. Akta Penguatkuasaan Konvensyen Periuk Api Pembina Anggota 2000;
13. Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (Pindaan) 2000;

14. Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2000;
15. Akta Syarikat (Pindaan) 2000; dan
16. Akta Hakcipta (Pindaan) 2000.

#### **PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam sidang persidangan penggal-penggal yang lalu. Saya jemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

*[Setiausaha membacakan Perutusan]*

#### **Perutusan Daripada Dewan Negara Kepada Dewan Rakyat**

"Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah meluluskan rang undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. DR.1/2000 - Rang Undang-undang Perbekalan 2000;
2. DR.2./2000 - Rang Undang-undang Institut Teknologi MARA (Pindaan) 2000;
3. DR.14/2000 - Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1999) 2000;
4. DR.8/2000 - Rang Undang-undang Kewangan 2000
5. DR.17/2000 - Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 2000;
6. DR.18/2000 - Rang Undang-undang Perindustrian Niaga Hadapan (Pindaan) 2000;
7. DR.19/2000 - Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) (Pindaan) 2000;
8. DR.15/2000 - Rang Undang-undang Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000;
9. DR.9/2000 - Rang Undang-undang Reka Bentuk (Pindaan) 2000;
10. DR.10/2000 - Rang Undang-undang Petunjuk Geografi 2000;
11. DR.11/2000 - Rang Undang-undang Cap Dagangan (Pindaan) 2000;
12. DR.12/2000 - Rang Undang-undang Penguatkuasaan Konvensyen Periuk Api Pembina Anggota 2000;
13. DR.13/2000 - Rang Undang-undang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (Pindaan) 2000;
14. DR.21/2000 - Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2000;
15. DR.20/2000 - Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) 2000; dan

16. DR.22/2000 - Rang Undang-undang Hakcipta (Pindaan) 2000.

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA”.

#### KEBENARAN BERCUTI KEPADA AHLI

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu pada menjalankan kuat kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25 April 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52(2) Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Dato' Profesor Emeritus Haji Shahnon bin Ahmad, Ahli Parlimen bagi kawasan Sik dari 10 hingga 20 Julai 2000.

#### JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]** minta Menteri Pendidikan menyatakan tentang usaha dan tindakan yang diambil oleh Kementerian Pendidikan mengenai:

- (a) mengenal pasti punca dan penyelesaian masalah di kalangan pelajar sekolah yang semakin berleluasa dewasa ini; dan
- (b) kadar keciciran yang tinggi dan kualiti pengajaran yang menurun di sekolah-sekolah di kawasan Orang Asli.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]:** Tuan Yang di-Pertua, terdapat 10 soalan yang menyentuh mengenai isu salah laku dan masalah disiplin di sekolah. Soalan tersebut adalah dari Ahli-ahli Yang Berhormat seperti berikut, iaitu Yang Berhormat bagi Rompin, hari ini, Yang Berhormat bagi Parit Buntar juga hari ini, Yang Berhormat bagi Pasir Mas, Yang Berhormat bagi Rasah, Yang Berhormat bagi Alor Gajah, Yang Berhormat bagi Hulu Langat, Yang Berhormat bagi Tumpat, Yang Berhormat bagi Klang, Yang Berhormat bagi Kuala Kedah.

Jadi, bagi kesepuluh-sepuluh soalan itu akan terus saya jawab sekali gus memandangkan persamaan dari segi soalan-soalan yang telah diajukan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan, ingin saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, minta kebenaran dahulu ya kalau hendak menjawab kesemua sekali.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Saya mohon kebenaran daripada Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab kesepuluh-sepuluh soalan itu sekali gus pada pagi ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

[Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan jawapan saya terlebih dahulu ingin saya jelaskan kepada Dewan yang mulia ini mengenai dengan istilah gengsterisme. Ramai daripada kita dan juga yang kita terbaca dalam akhbar dan mana-mana penjelasan yang telah diberi, selalu istilah gengsterisme telah digunakan. Pada pendapat saya, ini adalah tidak tepat sama sekali. Kerana gengsterisme ia mempunyai konsep yang tertentu dan maksud yang tertentu. Oleh yang demikian, adalah tidak tepat kalau kita kata ada atau wujudnya gengsterisme di sekolah.

Oleh yang demikian, kita juga pada istilah yang lain dari segi sosiologi, kita juga boleh gunakan *deviant* ataupun yang menyimpang daripada norma-norma yang

telah diterima. Oleh yang demikian, bagi saya bermula daripada hari ini, ingin saya nyatakan eloklah kalau kita gunakan istilah 'salah laku di sekolah'. Sebab sekiranya kita gunakan istilah gengsterisme kita bermaksud seolah-olah sekolah kita adanya kumpulan-kumpulan gengster dengan adanya segala macam ceremony, dengan izin, iaitu ritual yang tertentu sehinggalah ia memperlihatkan bahawa seolah-olah sekolah kita itu tidak lagi selamat untuk kita menghantar anak-anak kita dididik.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya teruskan jawapan ini. Kementerian Pendidikan telah menjalankan kajian mengenai salah laku di sekolah menengah harian pada tahun 1999. Kedapatan kajian ini menunjukkan bahawa kewujudan dan kegiatan kumpulan tertentu khususnya yang melibatkan para pelajar sangat sukar dikesan.

Saya ingin menekankan di sini bahawa sebenarnya masalah salah laku di kalangan pelajar adalah tidak serius jika mengambil kira jumlah pelajar di seluruh negara. Apa yang ingin dijelaskan ialah tentang kes-kes salah laku dan pelanggaran yang melibatkan pelajar di sekolah. punca utama salah laku pelajar adalah lebih berkait rapat dengan faktor diri, keluarga dan persekitaran. Antaranya ialah masalah keluarga; pengaruh rakan sebaya; bebas atau tiada kawalan keluarga; lemah dalam akademik; suka menonjolkan kebolehan diri dan sifat suka melanggar undang-undang.

Bilangan kes pelajar yang terlibat dengan salah laku dan ini termasuk membakar premis sekolah dari tahun 1997 hingga 1999 adalah seperti berikut:

	1997	1998	1999
Kes samseng	107	77	85
Membakar premis sekolah	6	19	10

Antara tindakan yang diambil terhadap pelajar tersebut ialah memberi amaran, nasihat, kaunseling, rotan, digantung persekolahan, dibuang sekolah atau dilaporkan kepada polis. Jika sabit, pelajar berkenaan akan dibawa ke muka pengadilan. Insiden salah laku pelajar yang menghadapi masalah disiplin sejak tahun 1997 sehingga 1999 adalah seperti berikut:

Misalnya, tahun 1997 - dari bilangan pelajar, bilangan insiden di sekolah rendah sahaja kita dapati terdapat 25,749; bilangan pelajar yang terlibat ialah 5,149; dan peratus daripada bilangan murid sebenar ialah 0.18%. Manakala sekolah menengah pada tahun 1997 kita dapati bilangan insiden 80,937; bilangan pelajar terlibat ialah 16,187; peratus daripada bilangan murid sebenar ialah 0.90%.

Tahun 1998 - juga terlibat 30,364; bilangan pelajar yang terlibat di sekolah rendah 6,072; peratus daripada bilangan murid sebenar ialah 0.21%. Manakala di sekolah menengah terdapat insiden 81,929; bilangan pelajar yang terlibat ialah 16,385; peratus daripada bilangan murid sebenar ialah 0.86.

Tahun 1999 - 17,495; bilangan pelajar yang terlibat 3,459; peratus daripada bilangan murid sebenar ialah 0.12%. Manakala di sekolah menengah terdapat bilangan insiden 62,273; bilangan pelajar terlibat 12,454; peratusannya ialah 0.65%.

Ini adalah insiden-insiden termasuk ponteng sekolah dan sebagainya. Macam-macam salah laku, ini kita kata. Saya tidak dapat perincian satu-persatu, kalau dikehendaki kemungkinan saya akan hebahkan benda ini kemudian.

Usaha berterusan telah dan akan diambil untuk meningkatkan mutu disiplin dan mengawal kes-kes salah laku di kalangan pelajar sekolah. Antara langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang yang telah diambil oleh Kementerian Pendidikan ialah:

- (i) menubuhkan kelab pencegahan jenayah dengan kerjasama Yayasan Pencegah Jenayah;

- (ii) mengadakan jawatankuasa pelaksanaan disiplin di Kementerian Pendidikan untuk meneliti masalah disiplin di peringkat sekolah;
- (iii) mengadakan sistem merit, de-merit, dengan izin, di mana pelajar yang didapati salah akan diberi de-merit, dengan izin;
- (iv) mengadakan program mentor mentee, dengan izin, antara guru dengan pelajar-pelajar bermasalah;
- (v) memberi bimbingan dan kaunseling kepada pelajar yang bermasalah;
- (vi) kawalan terhadap rekod-rekod kedatangan dan melapor kepada ibu bapa pelajar yang ponteng; dan
- (vii) menguatkuasakan semua peraturan sekolah dengan tegas.

Langkah jangka panjang:

- (i) memantapkan lagi peranan dan fungsi jawatankuasa permuafakatan di peringkat negeri dan daerah;
- (ii) memperluaskan penyertaan pelajar dalam pasukan kadet polis;
- (iii) penerapan nilai-nilai murni dalam kurikulum dan kokurikulum;
- (iv) kursus berkaitan disiplin dipertingkatkan di kalangan guru;
- (v) mengadakan kerjasama dengan pihak polis;
- (vi) menjalankan kempen-kempen menghindari jenayah; dan
- (vii) mengadakan kem motivasi, kem jaya diri dan bina insan.

Bagi soalan (b), Kementerian Pendidikan mendapati kadar keciciran yang tinggi berlaku di kalangan pelajar Orang Asli semasa tempoh peralihan dari Tahap 1 ke Tahap 2 hingga ke peringkat yang lebih tinggi.

Ia berpunca akibat kegagalan menguasai kemahiran asas, membaca, menulis dan mengira (3M). Antara usaha yang telah diambil bagi mengatasi masalah tersebut ialah mengadakan program khas bagi murid-murid Orang Asli. Program khas ini memberi peluang kepada pelajar Orang Asli di Tahun 2 yang lemah dalam penguasaan kemahiran asas 3M melanjutkan tempoh persekolahan daripada enam tahun kepada tujuh tahun.

Bagi meningkatkan kualiti pengajaran, modul dan bahan bantu mengajar bagi program khas untuk mata pelajaran Bahasa Melayu dan Matematik telah disediakan. Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terima kasih Dato' Setiausaha Parlimen, jawapan yang panjang lebar tentang gejala keganasan sekolah. Tadi dimaklumkan kepada Dewan yang mulia ini tentang tindakan-tindakan yang diambil, tetapi boleh dianggapkan tindakan itu reaktif, kalau kita lihat semasa kita sekolah dahulu tidak ada – kenapa? Sudah semestinya itu yang boleh ditanya oleh masyarakat umum di negara ini ialah sudah semestinyalah kerana dunia sekarang ini dunia yang global, yang IT, anak sekolah sudah masuk menular kepada minda mereka daripada TV, cyber café, movie hollywood. di Barat kita dengar bukan anak sekolah memukul tetapi membunuh guru dan anak murid.

Bagaimana satu cadangan yang proaktif mengetahui bahawa impak ini kepada minda anak-anak sekolah ini nanti. Bagaimana kalau mungkin ialah penguatan

minda itu sendiri untuk menghayati atau menghalang kemasukan gejala keganasan melalui media violence ini tadi, sama ada IT, Internet semua.

Sekarang ini hendak tahu cerita Internet senang sahaja, pergi cyber café bayar RM5 dapatlah apa movie, apa cerita semua keluar untuk anak-anak kita. Bagaimana kita menghadapi cabaran ini. Saya minta sedikit pandangan Dato' Setiausaha Parlimen.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Rompin untuk mendapat penjelasan yang lebih lanjut, antaranya telah dinyatakan bahawa seolah-olah dahulu tidak ada dan mengapa hari ini ada. Jadi, perbandingan kita kadangkala kita rasa macam dahulu ini kita well discipline. Memang macam Yang Berhormat bagi Rompin very well discipline, sebab itu dia jadi Yang Berhormat.  
[Ketawa]

Jadi, kita rasa dalam hal ini sebenarnya berlaku salah laku, macam saya sebutkan tadi, salah laku. Umpamanya macam ponteng sekolah, itu dikatakan salah laku. Menumbuk kawan ataupun pertengkaran berlaku dan sebagainya, ini tidak dapat kita katakan bahawa dahulu tidak pernah berlaku, mengapa sekarang berlaku?

Bagi saya, untuk kita katakan dia berlaku secara besar-besaran, maknanya seolah-olah pada hari ini apa yang telah digambarkan adanya disiplin yang begitu teruk, merosot. Saya tetap sama sekali sangkal perkara itu kerana telah saya jelaskan tadi, kalau difikirkan dari segi jumlah angkanya kalau kita kata pada hari ini kita dapat 4.8 million pelajar di semua sekolah menengah dan rendah misalnya. Jadi, kalau kita gunakan dari segi pendekatan statistik, kita hanya dapat 0.0 dan apa-apa, seterusnya.

Jadi, ini bermakna ia adalah dari segi sudut statistik amat tidak signifikan. Tetapi walau bagaimanapun, pihak kementerian dari masa ke semasa tetap memandangkan perkara ini begitu serius walaupun ia berlaku satu, dua misalnya, kita tetap melapor. Dan saya berterima kasih juga kepada pihak sekolah, kepada pihak jabatan negeri, setiap kali mereka ada kes-kes yang berlaku sama ada kes itu kecil atau besar tetap dilapor kepada pihak kita dan langkah-langkah yang tertentu telah pun diambil.

Jadi, apa yang berlaku hari ini bukanlah saya hendak katakan pihak kita hendak menutup apa-apa kesalahan ataupun apa-apa salah laku daripada pihak pelajar sehingga kita rasa-rasa seolah-olah semuanya berjalan begitu betul.

Saya tetap mengatakan ada masalah tetapi masalah itu bukanlah satu masalah yang besar. Kalaulah masalah yang begitu besar sehingga disiplin tidak dapat dikawalkan lagi, bermakna kalau kita lihat pada setiap tahun prestasi dari segi akademik terutama sekali peperiksaan kita dapati kian meningkat. Ini membuktikan bahawa disiplin tetap terkawal di sekolah.

Saya ambil contoh misalnya .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.  
[Ketawa] Cukup panjanglah itu. Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Sebab saya jawab ini untuk sepuluh soalan. Jadi, supaya ia dapat dijelaskan dengan begitu baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya tahu ada lagi pihak-pihak yang bangun, tetapi saya rasa jawapan saya itu sekurang-kurangnya untuk kita terus beri jawapan kepada sepuluh soalan tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, cukuplah, cukuplah.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Kepong. Silakan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya jawapannya dengan perubahan istilah, dengan senarai langkah dan prosedur yang panjang dan jawapan yang panjang lebar itu dapat mengabui mata .....

**Beberapa Ahli: Soalan?**

**Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila.**

**Dr. Tan Seng Giaw: Adakah Yang Berhormat sedar bahawa, Rompin pun nakal juga pada masa sekolah. [Ketawa]**

**Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat, sila pertanyaannya.**

**Dr. Tan Seng Giaw: Walaupun dia sekarang hendak menyangkalkan semuanya.**

Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat sedar bahawa ada sekolah-sekolah yang sengaja tidak melaporkan kejadian salah laku ataupun gengsterisme. Gengsterisme itu bagi saya merupakan sebahagian daripada salah laku.

Saya beri satu misalan.

**Beberapa Ahli: Soalan!**

**Dr. Tan Seng Giaw: Kerana tak faham, dia salah laku sahaja. Rompin pun salah laku juga. Saya hendak cakap, dia hendak cakap juga. Ini salah laku. [Ketawa]**

**Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila teruskan Yang Berhormat. Sila teruskan, apa dia itu?**

**Dr. Tan Seng Giaw: Misalnya, pada lima, enam tahun yang lepas, di Sekolah Raja Abdullah di Jinjang. Saya pernah dengan penyokong-penyokong saya menangkap pelajar, pelajar yang ugut, yang mengambil wang daripada pelajar yang lain. Dia ada gengnya dan dia memungut wang daripada pelajar-pelajar, kalau tidak mereka belasah, hentam dan sebagainya. Dan inilah yang berlaku. Dan saya pernah ....**

**Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, apa pertanyaannya Yang Berhormat?**

**Dr. Tan Seng Giaw: Dan saya pernah buat jerat. Jerat untuk menangkapnya.**

**Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah!**

**Dr. Tan Seng Giaw: Selepas menangkap, Guru Besar tidak mahu melaporkan kepada kementerian, memang tidak mahu kerana nama sekolah akan rosak, itulah masalah dan ....**

**Tuan Yang di-Pertua: Ya, apa soalnya Yang Berhormat?**

**Dr. Tan Seng Giaw: Soalnya, [Ketawa] Saya pun sudah buat soalan dah, "Adakah beliau sedar", itu soalan.**

**Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila teruskan.**

**Dr. Tan Seng Giaw: Dan soalan yang lebih lengkap lagilah, kerana jawapannya panjang lebar, soalan memang panjang lebar juga, setimpal dengan jawapan.**

Tuan Yang di-Pertua, apakah yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat dan kementerian Yang Berhormat mengenai sekolah yang berisiko tinggi, apakah maksud.

**Tuan Yang di-Pertua: Itu dua soalan dah Yang Berhormat. Tadi, adakah dilaporkan atau tidak, dan nombor duanya, sekolah berisiko tinggi.**

**Dr. Tan Seng Giaw: Ada berkaitan Tun**

**Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, jawab yang satu sahaja tadi, Yang Berhormat.**

**Dr. Tan Seng Giaw: Baik, terima kasih.**

**Tuan Yang di-Pertua: Adakah perkara ini dilaporkan kepada kementerian ya. Berkenaan dengan peras ugut itu.**

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya soalan berpusing-pusing, macam ada soalan, kadang-kadang hendak beri komen. Jadi, ini saya rasa salah soalan seperti salah laku. Saya harap lain kali kalau hendak bawa soalan, biarlah soalan itu tepat, yang mana satu Yang Berhormat hendak. Yang Berhormat ....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Soalan tepat ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sila jawab soalan tadi.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tidak ada soalan apa, tadi dia tanya saya, saya sedar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pertanyaannya, adakah perkara ini dilaporkan kepada kementerian atau tidak.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tetap, kita dilapor. Kemudian ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudahlah!

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Kemudian, keduanya tanya saya sedar atau tidak, saya sedar!

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah, cukuplah itu.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Soalan itu, sekolah yang berisiko tinggi, apa yang dimaksudkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah. Yang itu soalan nombor dua itu. Soalan nombor dua tidak dibenar Yang Berhormat.

**Tuan Mahfuz bin Haji Omar:** Soalan tambahan Tun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat cukuplah. Dua-dua soalan ini cukup panjanglah di atas soalan ini sahaja.

**Tuan Mahfuz bin Haji Omar:** Isu besar ini Tun.

2. **Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, apakah rancangan kerajaan untuk membantu sektor-sektor perusahaan negara ini bagi menghadapi liberalisasi pasaran di bawah Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA).

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Fu Ah Kiow]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mengambil beberapa langkah bagi membantu sektor-sektor perusahaan negara ini menghadapi liberalisasi. Ini meliputi penyebaran maklumat mengenai peluang-peluang pasaran di luar negara, mengambil kira cadangan-cadangan sektor swasta Malaysia dalam perundingan dan memberikan perlindungan yang wajar kepada industri tempatan.

Maklumat mengenai peluang-peluang pasaran hasil liberalisasi diberi antara lain melalui dialog tahunan MITI, mesyuarat jawatankuasa bersama industri di peringkat negeri dan pelbagai bengkel yang disertai oleh agensi-agensi kerajaan, persatuan profesional, persatuan perusahaan dan dewan perniagaan dan industri.

Forum-forum tersebut juga memberi peluang kepada industri untuk mengemukakan cadangan dan menyuarakan masalah-masalah yang dihadapi berhubung dengan pelaksanaan komitmen negara terhadap AFTA dan WTO. Di peringkat perundingan, kerajaan mengambil kira pandangan dan maklum balas industri dalam menentukan skop dan kemampuan komitmen negara bagi sesuatu sektor. Malaysia berpegang teguh kepada prinsip liberalisasi beransur-ansur atau, dengan izin, progressive liberalization, bagi industri-industri tempatan yang belum berkemampuan melaksanakan liberalisasi, kerajaan akan mengecualikan sektor berkenaan ataupun melanjutkan tempoh pelaksanaan liberalisasi.

Kerajaan memastikan supaya kepentingan industri tempatan dilindungi melalui mekanisme seperti tindakan anti lambakan dan timbal balas (safeguards) serta langkah-langkah tarif dan bukan tarif yang diperuntukkan di bawah WTO dan AFTA.

Namun begitu industri tempatan Malaysia sentiasa diingatkan mengenai perlunya meningkatkan daya saing mereka supaya dapat meraih manfaat daripada pembukaan pasaran eksport yang lebih luas ekoran daripada liberalisasi pasaran.

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Pertama, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang baru. [Tepuk] Tahniah! Ini soalan tambahan, memandangkan syarat-syarat WTO dan AFTA terutama WTO sangat mencabar untuk industri di negara kita ini seperti dari segi syarat, penjagaan alam sekitar, syarat tentang sama ada industri kita ada menjaga kebajikan dan keselamatan pekerja dan harga komoditi dan kualiti barang-barang industri kita serta tentang syarat hak asasi manusia, bagaimana pihak kementerian dapat ambil kira faktor-faktor ini untuk menjaga kepentingan sektor industri supaya barang-barang keluaran kita akan dapat bersaing dengan barang-barang keluaran dari negara lain. Sekian, terima kasih.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, memang benar bahawa banyak negara maju sentiasa mengenakan banyak halangan dagangan bukan tarif seperti *eco-labelling* dan juga lain-lain cara halangan kuantitatif seperti kuota dan juga lain-lain halangan teknikal seperti yang ada kaitan dengan perlindungan alam sekitar dan sebagainya. Walau bagaimanapun, kerajaan juga sentiasa menggalak pengusaha tempatan cuba mendapatkan pensijilan yang ada kaitan dengan perlindungan persekitaran iaitu ISO 14000 dan juga sentiasa berunding dengan pihak bersama dengan negara-negara yang sedang membangun untuk mendapatkan syarat yang terbaik untuk negara kita dalam menghadapi halangan yang bukan tarif.

**Tuan Mustafa bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menerangkan dari sudut kesan liberalisasi yang akan berlaku kepada negara ini di bawah WTO dan di bawah AFTA dan oleh kerana jawapan tadi menyebut bahawa proses *progressive liberalization* ini akan berlaku, bolehkah Yang Berhormat menerangkan tentang aktiviti perdagangan yang mungkin kita masih lagi terus dengan perlindungan (protectionism) dalam negara kita.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, program AFTA memerlukan semua negara anggota ASEAN menurunkan duti import bagi semua barangan yang diperdagangkan di rantau ini ke paras 0% hingga 5% dan menghapuskan semua bentuk halangan bukan tarif. Pengurangan duti import di bawah AFTA telah dilaksanakan oleh enam negara anggota asal ASEAN iaitu Brunei Darulssalam, Indonesia, Malaysia, Philippines, Singapura dan Thailand mulai tahun 1993 dan dijangka akan mencapai matlamatnya pada tahun 2002 untuk lain-lain negara baru di anggota ASEAN iaitu Vietnam dijangka akan mencapai matlamat tersebut pada 1 Januari 2006, untuk Laos, PDR dan Myanmar pada tahun 1 Januari 2008 dan untuk Cambodia pada 1 Januari 2010.

Sehingga 1 Januari 2000, 82.3% daripada barangan yang diperdagangkan di rantau ini telah ditawarkan untuk konsesi tarif dan bagi enam negara anggota ASEAN – 98% daripada keseluruhan barangan telah ditawarkan bagi konsesi tarif. Daripada jumlah barangan yang tersebut, duti import bagi 92% barangan berkenaan telah dikurangkan ke paras duti 0% hingga 5%.

Bagi enam negara asal terdapat hanya 170 barangan pertanian yang belum diproses yang dianggap sensitif dan amat sensitif yang masih belum ditawarkan untuk konsesi tarif. Untuk negara Malaysia, Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah menawarkan 96% daripada semua barangan kecuali CBU (*Completely Build Up*) dan CKD (*Completely Knock Down*) kenderaan bermotor dan produk-produk yang diletakkan di bawah senarai sensitif dan senarai amat sensitif seperti beras, gula, tembakau, buah-buahan, ayam, khinzir dalam senarai pengecualian am dan untuk Malaysia, kita juga telah dapat mendapat persetujuan dari anggota-anggota ASEAN

untuk melanjutkan pembukaan industri automatif pada tahun 2005. Ini adalah untuk melindungi sektor itu sebab kita anggap sektor itu sebagai satu sektor industri berat dan masih belum bersedia untuk pembukaan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Abu Seman bin Haji Yusop.

**Tuan Mustafa bin Ali:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Mustafa bin Ali:** Sebahagian daripada soalan saya hanya dijawab mengenai AFTA tetapi mengenai WTO, adakah proses progressive liberalisation ini juga akan berlaku?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun negara yang lebih maju sentiasa mendesak negara membangun untuk mempercepatkan pembukaan dalam pampasan WTO tetapi negara-negara membangun seperti Malaysia dan lain-lain negara berpendapat bahawa liberalisasi perlu dilakukan secara berperingkat mengikut kemampuan negara dan kesediaan negara masing-masing. Maka, kita beranggapan kalau kita tidak membuat persediaan yang mencukupi dan terus membuka pasaran, maka kita akan menghadapi kerugian dan kita belum dapat bersaing dalam pasaran antarabangsa. Sekian, terima kasih.

3. **Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop [Alor Gajah]** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah kes dan wang yang telah dikesan hilang daripada mesin juruwang automatik (ATM) di bank-bank seluruh negara bagi tahun 1999 dan tahun ini dan apakah tindakan kementerian ke atas bank-bank yang gagal membayar pampasan kepada mangsa disebabkan kelemahan sistem keselamatan ATM bank-bank yang berkenaan dan juga di atas bank-bank yang tidak mahu bertanggungjawab di atas kejadian tersebut.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua, daripada statistik yang diperolehi daripada institusi-institusi kewangan, jumlah aduan yang diterima adalah sebanyak 2,499 kes dan jumlah wang yang terlibat adalah sebanyak RM3,073,150 bagi tahun 1999. Setakat 30 Jun 2000 pula, sebanyak 2,399 kes aduan yang berjumlah sebanyak RM3,495,597 telah pun diterima. Peningkatan aduan dalam tahun 2000 adalah disebabkan oleh kes pengklonan kad dua buah bank tempatan dalam bulan Mei dan juga April.

Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan garis panduan perlindungan pengguna bagi pemindahan dana elektronik pada 10 Disember 1998 dan garis panduan mengenai standard minimum keselamatan minimum bagi mesin ATM bertarikh 29 Mac 2000. Garis panduan pertama ialah mengenai hak liabiliti dan tanggungjawab pelanggan serta institusi kewangan berkenaan pemindahan dana elektronik.

Antara langkah-langkah yang perlu diambil oleh institusi kewangan termasuklah mengadakan sistem menyeluruh untuk menyiasat dan menyelesaikan setiap aduan pelanggan mengenai pengeluaran wang melalui mesin ATM. Di dalam membuat keputusan sama ada untuk menolak atau membayar pampasan, institusi kewangan dikehendaki mengemukakan bukti-bukti pengeluaran dijalankan secara sah seperti rekod-rekod transaksi, gambar video kamera dan sebagainya. Sekiranya pelanggan tidak berpuas hati dengan pihak bank, pelanggan boleh merujuk kepada Biro Perantaraan Bank.

Garis panduan kedua menggariskan keperluan minimum yang harus dipatuhi oleh institusi perbankan mengenai tahap keselamatan sistem ATM. Garis panduan tersebut berkuat kuasa mulai 1 Julai 2000. Dengan langkah-langkah yang telah diambil, keadaan keseluruhannya sekarang adalah terkawal dan kepentingan para pelanggan dalam konteks keselamatan ATM adalah terjamin. Terima kasih.

**Tuan Ronald Kiandee:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Masalah kehilangan wang menerusi ATM ini bukan sahaja membebankan kepada bank tetapi pengguna bank keseluruhannya. Saya ingin tahu apakah langkah interim yang telah diambil oleh Bank Negara Malaysia untuk memastikan bahawa kejadian serupa ini tidak berlaku di masa-masa hadapan?

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, mengenai langkah interim untuk mengukuhkan lagi pengeluaran wang melalui kad ATM itu adalah sah, perkara-perkara berikut telah pun dicadangkan:

- (i) menguatkuasakan pembatalan kesahihan kad ATM apabila berlaku pengeluaran ATM secara tidak sah;
- (ii) mengeluarkan wang yang melebihi melalui kad ATM pada tiap-tiap hari. Itu juga hendak diawasi; dan
- (iii) Pengeluaran wang kerap-kerap kali atau beberapa kali melalui kad ATM pada tiap-tiap hari yang begitu banyak dan jika dicampurkan jumlah pengeluarannya itu melebihi had yang patut dikeluarkan pada ketika itu.

Selain daripada itu, institusi bank juga mestilah melihat kembali Information System Salvation Unit dan parameters yang digunakan apabila pengeluaran wang kad ATM ini dan notis hendak dilekatkan di dinding dan di tempat-tempat yang boleh dilihat bagaimanakah prosedur-prosedur yang hendak dilakukan apabila didapati bahawa wang telah dikeluarkan melalui kad ATM yang tidak sah.

Selain daripada itu, kad ATM yang tidak sah kalau didetect ataupun dikenal pasti ditelan oleh mesin yang berkenaan dan masa untuk business kad ATM ini mengeluarkan duit melalui kad ATM hendaklah dikurangkan supaya dapat kita memberikan pemantauan yang lebih. Terima kasih.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar sejak beberapa tahun dahulu para pengguna telah membuat aduan mengenai kehilangan wang mereka, oleh kerana kelemahan sistem ATM tetapi pihak bank tidak mengaku kelemahan mereka dan cuma mengaku kelemahannya dan memberi pampasan selepas insiden yang berskel besar berlaku di Seremban pada tahun lepas. Jadi, sanggupkah kerajaan mengarahkan supaya pihak bank ataupun polis mengkaji semula aduan-aduan yang pernah diterima untuk memastikan bahawa aduan yang diterima itu yang telah disifatkan sebagai tidak berasas memang tidak berasas. Ini adalah penting, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana dalam Malaysia banyak pihak yang tidak akan mengaku kelemahan sendiri, hanya setelah berlakunya insiden yang besar seperti rompakan senjata di Grik. Kerajaan tidak pernah mengaku kelemahan, cuma bila insiden berskel besar yang berlaku barulah mengaku ada kelemahan sendiri. *[Ketawa]*

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kita telah mengatakan bahawa ada siaran-siaran yang telah dikeluarkan kepada institusi perbankan supaya dituruti dan kalau kita lihat pada tahun 1999, misalnya, aduan yang diterima sebanyak 2,499 yang Ringgit Malaysianya berjumlah RM3,073,150. Itu tahun 1999. Aduan yang ditolak ialah sebanyak 2,359 yang berjumlah RM2,660,396 dan pampasan yang dibayar ialah sebanyak 112 kes yang berjumlah RM362,837. Kalau kita lihat sehingga 30 Jun 2000 pada tahun ini, April-Jun sahaja, aduan yang diterima adalah sebanyak 1,532 yang melibatkan RM2,199,079, aduan yang ditolak 739 yang melibatkan RM1,016,081, pampasan yang dibayar adalah sebanyak 689 kes yang berjumlah RM1,185,393.

Selain daripada menyalahkan institusi perbankan, kita juga hendakkan juga orang-orang yang ada kad ATM ini hendaklah berwaspada. Contohnya, kalau kehilangan dompet lekas diberitahu supaya dapat diganti dengan kad yang baru. Yang keduanya, penggunaan kad ATM oleh pihak ketiga ini. Kebanyakannya, kadang-kadang pegawai-pegawai masa terlalu suntuk, bila hendak keluarkan duit melalui

budak pejabat dan sebagainya, dan pin nombor itu diberi kepada pihak yang ketiga dan orang yang dikenali meninjau dan mencuri pandangan maklumat. Ini selalunya kalau saya katakan dahulu di Dewan Negara, kadang-kadang orang perempuan ini lebih rendah daripada orang lelaki, apabila dia masukkan kad ditekan pin nombor, orang boleh menjenguk di belakang dan menyalin kad itu dan kita hendakkan supaya resit yang ada itu disimpan, bukan dibuang begitu sahaja kerana resit itu akan dicantumkan dengan pin yang diingat melalui melihat daripada belakang itu, kita akan dapat mengeluarkan wang.

Selain daripada itu sekarang ini, semua bank kita minta supaya menukar kad ATM mulai pada tahun ini. Terima kasih.

4. **Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan keadaan yang sebenarnya krisis tebusan Sipadan di Jolo, Filipina. Apakah masalah dan cara penyelesaiannya untuk menyelamatkan para tebusan ini.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Kepong berserta dengan pertanyaan daripada 7 lagi Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Bandau, Kinabatangan, Yan, Gaya, Beluran, Sipitang dan Kuala Terengganu secara serentak memandangkan pertanyaan-pertanyaan tersebut saling berkaitan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia mengakui bahawa krisis tebusan di Jolo telah berlarutan terlalu lama iaitu hampir tiga bulan. Malaysia amat khuatir tentang keselamatan dan kesihatan kesemua tebusan termasuk 8 warganegara Malaysia. Malaysia telah pun berjaya menghantar dua pasukan bantuan kemanusiaan ke Jolo bagi memberikan bantuan seperti perubatan dan makanan kepada tebusan-tebusan. Kerajaan Malaysia juga telah mengambil usaha-usaha diplomatik bagi meminta pemerintah Filipina agar penyelesaian kepada krisis ini dapat dicapai secepat mungkin melalui proses rundingan.

Malaysia mengambil pendekatan ini kerana Malaysia akur kepada komitmen pemerintahan pemerintah Filipina untuk mencari penyelesaian melalui meja rundingan serta Malaysia menghormati realiti bahawa tebusan-tebusan berada di Wilayah Filipina. Prinsip tatasusila hubungan dua hala dan antarabangsa memerlukan kita untuk menghormati kedaulatan dan integriti wilayah jiran kita. Walau bagaimanapun, kita agak kecewa kerana rundingan berjalan terlalu perlahan tanpa banyak kemajuan. Jadi, Malaysia tahu bahawa semua pihak mahukan isu ini diselesaikan dengan segera tetapi kita berdepan dengan isu yang amat rumit yang mengaitkan isu politik dan sosio-ekonomi dalam negeri jiran kita. Jadi, di dalam hal ini kita dukacita kerana ia telah mengheret warganegara asing termasuk warganegara Malaysia yang tidak bersalah sebagai tebusan.

Jadi, isu ini memerlukan kerjasama, memerlukan persefahaman dan tolak ansur daripada kedua-dua pihak yang berunding ke arah mencari penyelesaian yang muktamad dan segera. Kita telah menyeru kepada pihak-pihak ini agar dapat mencapai kata sepakat demi kepentingan tebusan-tebusan yang tidak bersalah.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia bersyukur kerana seorang tebusan Malaysia telah dibebaskan tanpa syarat oleh kumpulan penculik dan Malaysia berharap ini akan membawa kepada pembebasan segera kesemua 20 tebusan yang lain. Kerajaan Malaysia berpendapat bahawa tiada kaitan antara tuntutan pembebasan tebusan dengan tuntutan Filipina ke atas Sabah. Tuntutan penculik yang mengaitkan pembebasan tebusan dengan penubuhan Suruhanjaya Sabah yang dikatakan akan membela nasib warganegara dan orang-orang Filipina di Sabah telah pun ditolak oleh Malaysia.

Malaysia juga menganggapkan tuduhan yang ia tidak memberi layanan baik kepada warganegara dan orang-orang Filipina di Sabah sebagai tidak benar.

Sebenarnya mereka telah mendapat banyak manfaat dari segi perkhidmatan, perubatan dan juga pendidikan tempatan. Walau bagaimanapun, tindakan akan kita ambil terhadap mereka jika didapati melanggar mana-mana undang-undang negara kita Malaysia.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya sedar Kementerian Yang Berhormat sudah berusaha, saya nampak kerana Menteri di Jabatan Perdana Menteri pun ada pergi saya nampak tetapi merayau-rayau di Manila sahajalah. *[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** Oi, betulkah ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya minta soalan untuk dijawab.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, Sipadan memang tanah Malaysia dan itu tidak boleh dipertikaikan. Walau bagaimanapun, kita mempunyai tanggungjawab untuk menyelamatkan semua tebusan ini, sama ada orang asing ataupun orang Malaysia. Berapa orang telah kita hantar dari Malaysia ke Filipina untuk berunding dengan pihak Filipina? Adakah hasrat untuk menghantar Perdana Menteri sendiri untuk berunding dengan Presiden Estrada dan adakah Malaysia sanggup membayar wang tebusan yang dikhabarkan sebanyak US\$1 juta setiap orang tebusan? Apakah pendapat Yang Berhormat....

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan banyak sangat itu.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak, tidak....

**Tuan Yang di-Pertua:** Tiga, empat itu.

**Dr. Tan Seng Giaw:**....ini ada berkaitan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tahulah tetapi soalan....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Yang Berhormat Timbalan Menteri memang dia lebih bertanggungjawab, accountable daripada Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan tadi, memang dia jawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah, cukuplah, cukuplah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, apakah.....

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua....*[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** *[Ketawa]* Cukuplah Yang Berhormat. Sila, sila.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak, saya ada satu lagi....

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat, sudah ada tiga tadi.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tidak, Yang Berhormat sebut saya tadi, jadi dia kata saya tidak bertanggungjawab.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tiga dah? Dak eh! *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab Yang Berhormat. Timbalan Menteri, sila jawab ya.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tuan Yang di-Pertua, ini satu sangkaan buruk daripada Yang Berhormat bagi Kepong....

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tadi dia kata, Menteri di Jabatan Perdana Menteri merayau-rayau, ini dia kata saya pula beri jawapan yang tidak bertanggungjawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah. Tidak apalah, sedikit sahaja, tidak apalah. Bukan teruk sangat. *[Ketawa]* Sila, Timbalan Menteri.

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, memang Yang Berhormat Kepong biasanya untuk mengapi-apikan di antara kita ini. Walau bagaimanapun, ingin saya jawabkan soalan beliau iaitu bahawa setakat ini kita telah berbincang dan mencapai rundingan dengan Kerajaan Filipina dan kita telah menerima janji dan kepastian mereka untuk menyelesaikan masalah ini secepat mungkin dan dengan pelbagai cara yang mereka dapat jalankan. Setakat ini kita tidak ada rancangan untuk Perdana Menteri kita pergi ke Filipina.

Yang keduanya, kita tidak menimbangkan apa yang telah kita dengar laporan-laporan bahawa mereka ini menuntut wang tebusan dan kita terus akan berusaha mencari jalan untuk menyelesaikan masalah ini secara berunding dan juga dengan usaha sokongan kita kepada Kerajaan Filipina.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, ada orang mengatakan pihak media iaitu reporter daripada surat-surat khabar boleh keluar masuk ke tempat itu di mana orang tahanan itu ditahan oleh pihak Abu Sayyaf ini tetapi pihak Filipina tidak boleh sampai ke tempat itu. Jadi, persoalannya menunjukkan iaitu pihak Filipina tidak serius menangani persoalan ini dan tidak menggunakan soalan-soalan ini dan isu ini sebagai isu politik di antara Malaysia dan Filipina. Terima kasih.

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, apa berita yang dibawa oleh Yang Berhormat itu, saya tidak dapat pastikan bahawa siapa yang boleh terus masuk atau senang keluar masuk. Tetapi yang pentingnya di sini bahawa kita memang memberi sokongan yang cukup kepada Kerajaan Filipina dan kita percaya mereka dapat mencari satu jalan untuk menyelesaikan masalah ini. Kita telah menyatakan bahawa kita tidak ingin ini menjadi satu isu politik di rantau ini dan kita telah memberi pandangan kita atas perkaitan isu-isu yang lain dan seperti mana yang saya sebutkan tadi bahawa isu tuntutan Sabah dan untuk menyediakan satu Commission untuk menjaga keselamatan orang Filipina di Sabah itu kita tolakkan, kerana ini tidak ada isu berkaitan dengan isu penculikan sama sekali.

5. **Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar [Subang]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan perkembangan terkini mengenai cadangan pembinaan lebuh raya bertingkat di atas Lebuh Raya Persekutuan dari Subang ke Kuala Lumpur untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan belum lagi membuat keputusan muktamad sama ada untuk melaksanakan projek Lebuh Raya Bertingkat di atas Lebuh Raya Persekutuan 2 atau tidak. Sebelum kerajaan membuat apa-apa keputusan untuk membina lebuh raya ini, satu kajian kemungkinan perlu dijalankan terlebih dahulu bagi mengkaji keperluan sebenar untuk lebuh raya ini.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terima kasih, syabaslah kepada kerajaan, kementerian khususnya membuat jalan-jalan raya yang baru bagi kita mengatasi kesesakan jalan raya di Kuala Lumpur dan juga di kawasan yang berhampiran di Malaysia,

Saya hendak bertanya sedikit, kadang-kadang timbul satu masalah sampingan ataupun masalah yang penting juga iaitu banjir yang wujud daripada pembangunan jalan-jalan raya ini atau pembangunan lebuh raya baru ini. Kedengaran cerita baru-baru ini di Kampung Bahru, mungkin wakil rakyat Wangsa Maju pun banyak juga membangkitkan perkara ini.

Bagaimana tentang kerajaan, adakah banyak projek ini dibuat oleh swasta. Adakah bila sesuatu perancangan itu dibuat tidak diambil kira kesan kepada perkara-perkara seperti banjir kilat selalu berlaku di kawasan Wilayah Persekutuan? Minta sedikit ulasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Seperti yang banyak kali telah pun dinyatakan dalam Dewan yang mulia

ini, punca daripada sesuatu banjir bukanlah hanya datangnya daripada lebuhraya yang dibina oleh kerajaan mahupun oleh pihak swasta. Banyak punca-punca lain yang sebenarnya menyumbang kepada mengapa banjir berlaku di dalam sesuatu kawasan. Dan dalam soal ini berasaskan kepada pengalaman yang banyak kali telah kita sama-sama lalui, pihak Kementerian Kerja Raya telah pun mengenal pasti dan mengetahui bahawa selain daripada soal lebuhraya yang mana kita cuba, dalam kita membina lebuhraya-lebuhraya yang baru supaya tidak berlakunya banjir, kita tahu juga bahawa punca banjir itu datangnya daripada parit, saluran, sungai dan sebagainya. Dan kita telah maklumkan kepada jabatan dan kementerian yang berkaitan di samping soal perancangan sesuatu kawasan yang memberi dan menyumbang kepada banjir yang berlaku di satu-satu kawasan yang terdapatnya lebuhraya.

**Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada Yang Berhormat atas penjelasan yang diberikan tadi. Untuk makluman Yang Berhormat, penduduk-penduduk di kawasan Parlimen saya di Subang, sentiasa membangkitkan masalah lalu lintas dari Subang ke Kuala Lumpur kerana mereka risau masalah tersebut jadi semakin lama semakin teruk.

Soalan tambahan, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat sama ada pihak Kementerian Kerja Raya sedang atau akan membuat perancangan-perancangan yang lain atau pilihan-pilihan yang lain untuk mengatasi masalah lalu lintas tersebut dalam tempoh tiga atau empat tahun depan. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Usaha untuk mengatasi masalah kesesakan bukan sahaja di kawasan Yang Berhormat tetapi keseluruhannya di Kuala Lumpur, memerlukan satu tindakan yang komprehensif, bukan sahaja dengan membina lebuhraya-lebuhraya baru tetapi juga dengan mewujudkan sistem pengangkutan yang lebih tersusun dan teratur dan ada linkage ataupun hubungan di antara satu dengan yang lain.

Maka dengan sebab itulah kita dapati bahawa pihak kerajaan selain daripada kita wujudkan sistem LRT dan sebagainya kita menggalakkan supaya rakyat, pengguna menggunakan sistem tersebut dan pada masa yang sama kita juga tidak lari daripada usaha untuk meningkatkan lagi persediaan kita untuk membina lebuhraya-lebuhraya yang terdapat di dalam Wilayah Persekutuan termasuklah North Klang Valley Expressway, dengan izin, Shah Alam Expressway dan sebagainya.

Jadi, soal untuk mengatasi kesesakan bukan hanya dengan kita membina lebuhraya tetapi lebih daripada itu, maknanya sistem pengangkutan yang komprehensif, yang wujud, ada kait-mengait di antara satu dengan yang lain dan akhirnya apabila kita mengesyorkan kepada rakyat untuk menggunakan sistem-sistem pengangkutan yang lain, mereka juga bersetuju. Maknanya, adalah kempen untuk kenderaan supaya tidak hanya satu orang bawa satu kereta tetapi satu kereta mungkin memuatkan empat penumpang dan sebagainya. Jadi, itu semua mesti diambil kira sehinggalah untuk kita benar-benar mencapai, menyaksikan matlamat kita berjaya. Jadi, bukan hanya dengan kita membuat satu lagi lebuhraya untuk mengatasi masalah kita.

6. **Dato' Napsiah binti Omar [Kuala Pilah]** minta Perdana Menteri menyatakan bagaimanakah resolusi Conference Beijing + 5 dapat meringankan beban wanita dan apakah program-program yang harus dilaksanakan supaya wanita Malaysia mendapat manfaat daripadanya.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil]:** Tuan Yang di-Pertua, mesyuarat sesi khas Beijing + 5 yang dianjurkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York baru-baru ini merupakan satu mesyuarat khas bagi menilai pencapaian, pelaksanaan, deklarasi dan Landasan Bertindak Beijing 1995.

Landasan Bertindak Beijing memberikan tumpuan kepada 12 bidang utama dan langkah-langkah yang perlu diambil dalam usaha meningkatkan status wanita.

Hasil mesyuarat ini ialah satu dokumen komprehensif yang menerangkan akan kemajuan yang telah dicapai, halangan-halangan yang dihadapi dalam melaksanakan landasan bertindak dan strategi-strategi serta langkah-langkah yang baru yang perlu diambil oleh setiap kerajaan dan agensi-agensi lain yang berkaitan bagi terus membangun dan memajukan wanita di negara masing-masing.

Dokumen ini akan dijadikan asas kepada kesinambungan pelaksanaan dan pencapaian matlamat sebenar usaha pembangunan wanita iaitu Gender Equality Development and Peace. Perkara utama yang ditekankan dalam resolusi mesyuarat kali ini ialah iltizam politik ataupun political will oleh pihak kerajaan.

Mesyuarat bersetuju sebulat suara bahawa political will yang tinggi perlu ditunjukkan oleh setiap kerajaan dalam usaha membangun dan memajukan wanita sekiranya kerajaan betul-betul ingin melihat matlamat pembangunan wanita 'gender equality development and peace' menjadi satu kenyataan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini sekembalinya dari Beijing pada tahun 1995, kerajaan terus mengambil tindakan menggubal dan melaksanakan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita. Sekarang HAWA yang bertanggungjawab ke atas pembangunan wanita dengan kementerian-kementerian, jabatan-jabatan dan NGOs akan berganding bahu untuk terus melaksanakan Pelan Tindakan ini dengan resolusi dan cadangan yang telah dihasilkan oleh Mesyuarat Beijing + 5.

Antara langkah yang akan diberi tumpuan ialah:

- (i) mengukuhkan lagi kapasiti kecekapan dan kepakaran mekanisme kerajaan di peringkat Persekutuan, negeri dan daerah;
- (ii) meningkatkan lagi usaha penyelidikan dan pengumpulan data berasaskan jantina;
- (iii) meningkatkan lagi kesedaran atau kepekaan gender dengan penekanan kepada kepentingan potensi dan sumbangan wanita dalam pembangunan masyarakat dan negara di kalangan perancang, penggubal dasar dan orang awam dan akhirnya resolusi yang dicapai di Persidangan Beijing + 5, mana yang sesuai akan digunakan sebagai input dalam usaha menilai semula Pelan Tindakan Pembangunan Wanita dan Rancangan Malaysia Kelapan yang sekarang ini dalam proses penyediaan.

Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan selesai.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 7 hingga 80 adalah dijilid dalam buku yang berasingan]*

## USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

### Rompakan Senjata di Kem Tentera di Gerik

11.08 pagi.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, bahawasanya saya Dr. Tan Seng Giaw meminta izin supaya ditangguhkan Majlis Mesyuarat dengan tujuan hendak merundingkan perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan.

Tuan Yang di-Pertua, pada 2.15 pagi, 2 Julai 2000 segolongan lelaki berpakaian celoreng tentera lengkap dengan pangkat dan beret merampas 14 pucuk

M16 dan peralatan komunikasi di Pos Tentera Nombor 2 Askar Wataniah di Sungai Rui, Gerik.

Pada 4.15 pagi, 15 lelaki berpakaian dan bersenjata yang serupa mencuri 105 senjata automatik, lebih 5,000 peluru dan alat-alat lain dari Kem 304 di Gerik, Perak dalam masa kira-kira 15 minit. Mereka melarikan diri dengan tiga buah pajero hijau berplat tentera.

Pada 4.00 petang, 3 Julai 2000, tiga pajero tersebut dijumpai di sebuah dusun durian berhampiran dengan Sekolah Kebangsaan Jenalek dekat Sauk. Lebih 2,000 anggota tentera dan beberapa orang polis telah dikerah untuk memburu perompak tersebut.

Pada 7.45 pagi, 4 Julai 2000, dua anggota tentera cedera dan dua anggota polis ditawan oleh perompak di Bukit Jenalek.

Pada 6.30 pagi, 5 Julai 2000 seorang perompak cedera dalam satu pertempuran dengan tentera.

Tuan Yang di-Pertua, di antara 2.05 pagi hingga 5.15 pagi, 6 Julai 2000 pelbagai usaha telah digunakan untuk memberkaskan semua perompak. Akhirnya, kesemua 27 orang perompak menyerah diri dan tiga nyawa terkorban. Syabas kepada semua pengusaha.

Peristiwa ini adalah dilakukan oleh segolongan silat Al-Ma'unah. Pemimpin utamanya Mohd. Amin Mohd. Razali telah mengetuai rompak tersebut. Berbagai-bagai soalan timbul daripada peristiwa tersebut. Kenyataan-kenyataan daripada Menteri Pertahanan dan Ketua Polis Negara mengenainya sering mengelirukan. Keselamatan kem tentera, disiplin, prosedur, penyimpanan senjata, rantaian pemerintahan tentera, peranan polis serta bermacam-macam aspek kewujudan golongan seumpama ini memerlukan siasatan dengan sepenuhnya dan laporan hendaklah dibentangkan sebagai Kertas Putih di Dewan ini.

Implikasi dan konsekuensi peristiwa ini terhadap negara ini adalah sangat besar. Ia adalah perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Yang Berhormat Ahli kawasan Kepong pada 7 Julai 2000 jam 11.30 pagi. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbangkan oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua, hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat:

- (i) bahawa perkara itu tertentu;
- (ii) bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa:

- (i) perkara ini perkara tertentu;
- (ii) adalah bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) perkara ini tidak perlu disegerakan.

Kejadian yang sungguh malang ini telah pun berlalu. Kesemua penjahat itu telah pun ditangkap dan senjata-senjata yang dirompak itu telah didapati semula. Selain daripada itu, saya difahamkan Kementerian Pertahanan telah menubuhkan

sebuah Lembaga Jawatankuasa Siasatan untuk menyiasat bagaimana kejadian ini boleh berlaku.

Dengan adanya penyiasatan ini ia boleh memberi keterangan yang lebih penuh untuk memahami kejadian ini dengan lebih lanjut. Jika hendak diadakan Kertas Putih pun penyiasatan perlu juga dibuat terlebih dahulu.

Saya difahamkan bahawa keputusan siasatan ini akan diumumkan kepada orang ramai dan terpulanglah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat mengambil apa-apa tindakan ke atasnya kelak. Oleh yang demikian, saya menolak Usul ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kita rakyat Malaysia yang cintakan keamanan, sungguh berdukacita kejadian yang buruk ini boleh berlaku. Saya mengambil peluang ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pasukan keselamatan kita iaitu tentera dan polis [*Tepuk*] di atas kejayaan cemerlang yang dicapai untuk menyelesaikan kejadian ini. Sambil itu, kita mengucapkan takziah di atas kematian dua orang anggota pasukan keselamatan kita yang telah dibunuh dengan kejam semasa menjalankan tugas. Sekian.

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG TRIBUNAL PERKHIDMATAN AWAM (PEMBUBARAN) 2000**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

11.13 pagi.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Bernard Giluk Dompok]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu Rang Undang-undang bernama Rang Undang-undang Tribunal Perkhidmatan Awam (Pembubaran) 2000 dibaca bagi kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Tribunal Perkhidmatan Awam (Pembubaran) 2000 adalah bertujuan bagi memansuhkan Akta Tribunal Perkhidmatan Awam 1977 dan membubarkan Tribunal Perkhidmatan Awam yang ditubuhkan di bawah Akta tersebut itu.

Tribunal Perkhidmatan Awam ditubuhkan di bawah Akta Tribunal Perkhidmatan Awam tahun 1977 untuk menyelesaikan anomali-anomali berkenaan saraan atau had-had dan syarat-syarat perkhidmatan dalam perkhidmatan awam di bawah Laporan Jawatankuasa Kabinet dan Sistem Saraan Baru.

Secara ringkasnya, anomali iaitu satu keadaan penyelewengan dan penyimpangan daripada pelaksanaan yang menjadi dasar syor-syor sesuatu Suruhanjaya Gaji atau Laporan Jawatankuasa Kabinet. Akta Tribunal Perkhidmatan Awam 1977, mula berkuat kuasa pada bulan September 1977. Semenjak penubuhannya Tribunal telah mendengar, menimbang dan membuat keputusan kepada kes-kes anomali yang dikemukakan kepadanya sama ada di bawah Jawatankuasa Kabinet ataupun di bawah Sistem Saraan Baru ataupun SSB.

Kes-kes tersebut didengar melalui sebuah panel yang mengandungi seorang Pengerusi dan dua orang ahli pada suatu masa. Pengerusi telah diberi kuasa di bawah Akta Tribunal untuk melantik seorang Setiausaha Tribunal dan mana-mana pegawai atau penjawat untuk membantu perjalanan Tribunal.

Tribunal dalam menjalankan tugasnya bagi mendengar kes-kes anomali yang dikemukakan kepadanya adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan dalam akta penubuhannya. Di bawah Laporan Jawatankuasa Kabinet, orang yang terkilang telah diberi masa 13 tahun untuk mengemukakan tuntutan anomali yang berakhir pada 17 Februari 1991. Kesemua 480 kes tuntutan anomali yang dirujuk kepada Tribunal di bawah Laporan Gaji Jawatankuasa Kabinet telah diselesaikan dan dikendalikan.

Di bawah Sistem Saraan Baru mengikut Seksyen 11(2)(a)(b) Akta Tribunal Perkhidmatan Awam 1997 (Pindaan) 1992, tempoh bagi membolehkan sebarang tuntutan anomali dibuat telah dihadkan kepada dua tahun dan telah berakhir pada 15 Julai 1994. Ini bermakna selepas tarikh tersebut, tidak ada lagi pihak yang boleh mengemukakan tuntutan anomali kepada Tribunal. Syarat ini membawa kepada keadaan di mana apabila kesemua 151 kes yang dikemukakan di bawah SSB telah dapat diselesaikan, Tribunal tidak mempunyai apa-apa fungsi lagi.

Memandangkan tujuan penubuhan Tribunal adalah bersifat sementara dan khusus bagi menyelesaikan anomali-anomali, maka adalah wajar Tribunal ini dibubarkan apabila tugas dan fungsinya seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Tribunal Perkhidmatan Awam 1977 telah selesai. Tarikh pembubaran Tribunal yang dicadangkan adalah pada 1 Januari 2000.

Terdapat empat orang pegawai gunasama yang berkhidmat secara pinjaman di Tribunal Perkhidmatan Awam apabila Tribunal Perkhidmatan Awam dibubarkan, mereka akan dikembalikan ke perkhidmatan asal masing-masing. Terdapat juga 17 orang anggota Kumpulan Sokongan yang dilantik oleh Pengerusi, Tribunal Perkhidmatan Awam di bawah Seksyen 8(1) Akta Tribunal Perkhidmatan Awam tahun 1977.

Adalah dicadangkan agar mereka ditukar lantik bagi mengisi jawatan kosong yang sesuai di agensi awam yang lain. Pertukaran perlantikan ini jika dipersetujui akan dibuat melalui opsyen. Pembubaran Tribunal Perkhidmatan Awam tidak melibatkan apa-apa implikasi kewangan semasa. Tribunal tidak ada mempunyai apa-apa hutang yang perlu dijelaskan dan tanggungan yang melibatkan kewangan termasuk aset yang perlu diselesaikan melalui pemindahan milikan harta.

Setelah meneliti kedudukan terkini dari segi fungsinya, maka adalah difikirkan sesuai Tribunal Perkhidmatan Awam dibubarkan. Fungsi Tribunal Perkhidmatan Awam adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta Penubuhannya bagi membicarakan dan memutuskan kes-kes anomali. Memandangkan tidak ada lagi kes-kes anomali yang boleh dikemukakan kepadanya disebabkan tempoh untuk mengemukakan kes-kes telah tamat bererti Tribunal tidak lagi perlu wujud.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Seorang sokong.

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu akta bagi memansuhkan akta Tribunal Perkhidmatan Awam 1977 untuk membubarkan Tribunal Perkhidmatan Awam yang ditubuhkan di bawah akta itu dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara lain yang berkaitan dengan ini dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya. Parit Sulong.

11.20 pagi.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang ini yang membabitkan pembubaran Tribunal Perkhidmatan Awam yang mengendalikan soal-soal anomali (anomalies) yang melibatkan skim perkhidmatan kerajaan. Sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan, sama ada skim perkhidmatan kerajaan iaitu SSB ada menimbulkan banyak anomali. Adakah anomali itu telah pun diselesaikan. Sama ada SSB itu akan disesuaikan dengan pendekatan yang baru. Saya ingat dalam Dewan yang mulia ini, Menteri yang

berkenaan telah pun menjelaskan bahawa kerajaan sedang dalam proses mengkaji keberkesanan SSB khususnya SSB dengan masalah yang di hadapi oleh guru-guru dan sebagainya.

Kerana lumrahnya kita tahu, di peringkat akar umbi kita mendapati bahawa didakwa bahawa SSB adalah menjadi salah satu sebab yang menjadikan guru-guru agak kurang gembira dan agak kurang sukarela untuk berkhidmat dan mungkin ada juga yang mendorong setengah-setengah mereka bertindak untuk tidak sama-sama mendukung dasar dan perjuangan kerajaan. Adakah ini benar?

Yang keduanya, saya mengambil kesempatan di dalam perbincangan ini, oleh kerana ini membabitkan kakitangan kerajaan secara amnya. Saya juga mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada pasukan tentera dan polis yang telah pun bertindak tangkas dan tegas, walaupun penuh dengan mesra untuk mengendalikan soal perompak-perompak senjata yang berlaku pada minggu lalu. Pada waktu yang sama, saya ingin pihak kerajaan sama ada menerusi Jabatan Perkhidmatan Awam ataupun jabatan-jabatan perkhidmatan yang lain sama ada menerusi Suruhanjaya Polis ataupun ketahanan negara dan sebagainya. Saya ingin bertanya, mengapakah agaknya kelihatan wujud sekarang ini seolah-olah ada bibit-bibit penentangan terhadap kerajaan yang dilakukan dengan jelas dan ketara oleh segelintir kakitangan kerajaan.

Umpamanya, kalau kita mengkaji profil di antara mereka yang terlibat dengan rompakan bersenjata, walaupun mereka bertindak atas *capacity* mereka sebagai golongan silat Al-Ma'unah dan sebagainya, tetapi ada kakitangan kerajaan yang hingga sanggup menyingkirkan segala larangan dan peraturan, mereka sanggup bertindak radikal, mereka sanggup bertindak ekstrem dan, inilah perkara yang saya rasa harus membimbangkan kita. Saya bimbang ekstremisme ini, satu hari akan, kalau kita tidak tangani akan mungkin berjaya mencorakkan negara ini seolah-olah Afghanistan, umpamanya, di mana kita melihat negara itu kucar-kacir, kerana ditangani oleh golongan Taliban dan bertentangan dengan puak-puak lain yang juga radikal. Saya takut sikap-sikap ekstrem ini juga kalau tidak ditangani akan menjadi sebagai golongan, gerombolan orang Islam di Moro yang sekarang ini telah pun mengambil tebusan beberapa golongan rakyat antarabangsa termasuk rakyat kita, yang sehingga hari ini sudah hampir tiga bulan pun belum selesai.

Saya rasa di samping kita memikirkan soal kesejahteraan dan kebijakan kakitangan kerajaan, saya harap kerajaan juga memandang serius pertumbuhan bibit-bibit ini. Bibit-bibit, saya kata bibit-bibit membenci, bibit-bibit perkauman, yang sekarang ini ditonjolkan dengan amat ketara sekali. Umpamanya, kalau di pulau Jolo, yang dibebaskan pertama, syukur Alhamdulillah, rakyat Malaysia, hanya yang Islam. Umpamanya yang berlaku di Sauk, baru-baru ini. Dua yang dijadikan mangsa adalah bukan Islam. Bagaimanakah perkara ini, kita akan kaji sedalam-dalamnya supaya keharmonian kaum, kesejahteraan agama dalam negara ini tidak terjejas dengan kebangkitan atau *resurgent* golongan-golongan seperti ini.

Memang, saya mengucapkan tahniah, sebagaimana yang ditegaskan oleh Tuan Yang di-Pertua tadi kepada ketangkasan kerajaan. Pada waktu yang sama, saya juga mengucapkan takziah kepada keluarga mangsa yang terkorban. Tetapi, pada waktu yang sama saya mendesak, bertindak tegaslah terhadap apa yang baru-baru berlaku dalam negara ini. Adakah ini satu longgokan atau *accumulation* ataupun adakah ini menjadi manifestasi kepada perkara-perkara yang berlaku selama ini. Umpamanya, keganasan, hasutan yang dilakukan oleh setengah-setengah pihak, mungkin termasuk golongan-golongan politik dalam tanah air yang suka menghasut rakyat, adakah ini menjadi cerminnya, adakah ini keputusannya sehingga berlaku perkara seperti ini.

Saya harap, pihak kerajaan tangani perkara ini supaya kepelbagaian negara ini, kita punya *multi-ethnic*, multi keturunan ini tidak akan terjejas supaya negara ini tidak berada dalam keadaan *anarki*, supaya negara ini tidak akan dihuru-harakan oleh soal-soal keagamaan yang menyeleweng, ekstremisme yang liar dan juga soal-soal sentimen, antiperkauman, sentimen permusuhan antara kaum ini, tidak menular

sebagaimana perkara-perkara yang berlaku di beberapa wilayah jajahan sebuah negara jiran kita. Kita melihat bagaimanakah pertarungan di antara Kristian dan Islam di beberapa pulau jajahan Indonesia telah pun berlaku. Kita melihat bagaimanakah ekstremisme kaum itu juga telah pun menyebabkan kelumpuhan sesebuah tamadun Islam ataupun kerajaan Islam, memecahbelahkan Islam dengan Islam, bukan lagi, belum lagi memecahbelahkan Islam dengan bukan Islam, umpamanya dalam negara ini menjadi satu relevan, perkara yang amat relevan sekali. Jadi, walaupun perkara ini agak menyimpang sedikit tetapi saya harap pihak kerajaan bertindak tegas supaya perkara ini tidak akan menular, tidak akan menjadi lebih luas dan dapat dibendung pada peringkat paling awal.

Satu lagi saya harap, apa yang ditangani oleh kerajaan terhadap golongan-golongan ini sekarang ini mendapat sokongan yang amat menyeluruh daripada pihak rakyat. Saya belum mendengar dengan jelas dan tidak ketara sama ada seluruh parti politik dalam negara ini mendukung *subscribe* kepada apa yang dilakukan. Saya harap tidak ada pihak mana pun termasuk politik yang akan memberi simpati kepada golongan-golongan yang cuba mengharu-birukan negara ini. Seumpamanya, pada tahun 80-an dulu, apabila tindakan kerajaan ambil terhadap Mamali. Peristiwa beberapa anggota polis yang terkorban dilupakan, tetapi peristiwa kumpulan ketua yang terkorban, kumpulan yang menentang kerajaan terkorban itu sekarang ini dijadikan seolah-olah perwira. Mati jihad dan setiap tahun ada peristiwa, orang kata memperingati peristiwa Mamali dan sebagainya. Saya harap tidak akan ada pihak yang bangun dan bangkit bersuara supaya apa yang berlaku baru-baru ini disamakan dengan apa yang berlaku di Mamali. Saya harap sekali-kali, oleh kerana perkara ini membabitkan *survival* bangsa bukan sahaja survival satu puak parti atau puak politik dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yan.

**11.30 pagi.**

**Tuan Nasharudin bin Mat Isa [Yan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Walaupun Tribunal Perkhidmatan Awam lebih bersifat sementara iaitu bergantung kepada kes-kes anomali berkaitan dengan skim gaji pegawai dan kakitangan awam namun kewujudannya adalah perlu diperluaskan lagi peranannya. Tribunal Perkhidmatan Awam sepatutnya berfungsi sebagai sebuah mahkamah yang menyelesaikan sebarang tuntutan atau pertikaian antara pegawai dan kakitangan awam di mana-mana peringkat. Sebagai contoh rata-rata masih ramai pegawai dan kakitangan masih tidak berpuas hati dengan pelaksanaan SSB, oleh itu Tribunal sepatutnya berperanan untuk mendengar dan menyelesaikan apa sahaja perkara atau pertikaian yang berbangkit.

Saya difahamkan bahawa peranan Tribunal ini berakhir sebaik sahaja selesainya kes-kes anomali berkaitan dengan skim gaji SSB. Tetapi hakikatnya pelaksanaan skim itu sendiri masih terdapat pelbagai bentuk kelemahan, oleh itu pegawai dan kakitangan perlu diberikan peluang untuk mengurangkan segala kelemahan tersebut kepada perundingan di Jabatan Perkhidmatan Awam dan seterusnya sekiranya telah dapat diselesaikan dibawa ke tribunal. Kerajaan sepatutnya perlu membuka ruang kepada pegawai dan kakitangan awam untuk mengetengahkan permasalahan mereka dan bukannya menutup peluang-peluang tersebut. Saya juga berpendapat Tribunal ini berfungsi sebagai satu forum yang berfungsi sebagai mahkamah yang menyelesaikan sesuatu pertikaian dalam perkhidmatan awam. Dengan kata lain Tribunal ini dapat mengelakkan daripada kes-kes daripada terus di bawa ke mahkamah dan ini sekaligus mengurangkan kes-kes tertunggak di mahkamah dan mengurangkan kes daripada pelbagai segi.

Saya berpendapat, Tribunal sepatutnya menjadi pusat penyelesai pertikaian yang cepat dan murah, dengan ini kejadian di mana kerajaan terpaksa membayar tunggakan gaji dan elaun beratus-ratus ribu ringgit kepada seorang pengkhidmat awam

yang telah dibuang kerja setelah kesnya tertangguh bertahun-tahun di mahkamah seperti yang terjadi kepada seorang bekas anggota polis baru-baru ini tidak akan berulang. Saya percaya, terdapat banyak lagi kes yang dibawa oleh syarikat-syarikat guaman terhadap kerajaan kerana *wrongful dismissal*, tertangguh di mahkamah. Dan, saya percaya setiap tahun kerajaan terpaksa membayar balik beratus-ratus ribu ringgit sebagai tunggakan gaji dan elaun-elaun setelah didapati pembuangan seorang pengkhidmat awam itu salah di sisi undang-undang. Oleh itu, Tribunal ini sepatutnya diperkembangkan *jurisdiction*nya untuk mencakupi hal-hal tindakan disiplin termasuk pembuangan kerja selain dari kes-kes anomali.

Jika kerajaan telah mewujudkan Mahkamah Perusahaan yang merupakan tribunal bagi perkhidmatan dalam sektor swasta maka kerajaan juga patut mewujudkannya khusus bagi sektor awam. Mudah-mudahan anggota sektor awam akan dapat *legal redress* yang sewajarnya dalam masa yang cepat. Satu aspek yang penting yang dibangkitkan dalam rang undang-undang ini adalah segala pertikaian akan dirujuk terus kepada kerajaan. Dimanakah akan wujudnya keadilan kepada perkhidmatan awam, jika satu pertikaian itu berlaku antara pengkhidmat awam dan kerajaan lalu yang membuat keputusannya adalah kerajaan juga maka pihak yang menang adalah kerajaan saja. Sebagai contoh kesatuan penghantar cepat, *dispatch boy*, tidak berpuas hati dengan kadar elaun perjalanan sebanyak 15 sen sekilometer yang diperolehi sekarang. Mereka terpaksa mengemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam yang akan merujuk kepada Menteri berkenaan. Jika Menteri berkenaan berasa cukup dengan 15 sen itu, maka kesatuan ini tidak akan berpeluang untuk mengemukakan tuntutan mereka ini kepada satu badan yang bebas atau separa bebas bagi mendengar tuntutan mereka. Oleh kerana itu, cadangan pemansuhan Tribunal ini tidak begitu mendatangkan manfaat kepada anggota perkhidmatan awam yang sekarang ini mempunyai lebih 800,000 orang.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya selepas memberikan kenaikan 10% gaji kepada kakitangan awam kerajaan tanpa lengah-lengah lagi ingin menarik hak kakitangan awam untuk mendapatkan penyelesaian sebarang pertikaian daripada sebuah tribunal yang bebas atau separa bebas. Saya difahamkan tribunal ini sudah lama tidak berfungsi, namun sebagaimana yang saya majukan tadi, skop dan peranannya perlu diperluaskan dan bukannya terus dilenyapkan. Suka saya mengingatkan bahawa terdapat suara majoriti yang besar di kalangan kakitangan bawahan yang masih tidak berpuas hati dengan skim gaji dan elaun-elaun yang mereka terima kerana skim tersebut dirangka oleh pegawai-pegawai yang sememangnya merangka kenaikan yang besar untuk kelompok mereka. Kenaikan 10% untuk pegawai mungkin berjumlah RM200 hingga RM 300 sebulan dan bandingkan kenaikan 10% untuk kakitangan yang mungkin berjumlah RM80 hingga RM90 sebulan. Bukankah ini menambahkan lagi jurang pendapatan yang semakin melebar.

Perjuangan untuk menuntut kadar pendapatan yang lebih adil oleh CUEPACS kepada kerajaan hanya dilayan ketika hampir pilihan raya. Justeru itu, saya berpendapat pertimbangan oleh sebuah badan separa bebas seperti Tribunal Perkhidmatan Awam ini mungkin lebih baik dan adil, bebas daripada pengaruh politik kronism. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Arau.**

11.37 pagi.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin [Arau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut bangun untuk turut sama membahaskan Rang Undang-undang Tribunal Perkhidmatan Awam (Pembubaran) 2000.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini sebenarnya telah pun diedarkan kepada ahli-ahli Majlis Mesyuarat di sesi mesyuarat yang lalu, tetapi oleh kerana mesyuarat pertama berlangsung terlalu lama ahli-ahli dewan semuanya begitu aktif memberi pendapat dan juga hujah, adakalanya perkara-perkara yang diperkatakan keluar daripada tajuk dan kepentingan umum, maka rang undang-undang ini terpaksa

menunggu penggal kedua dalam mesyuarat kedua untuk dibincangkan walaupun dalam tajuk ringkasnya dan cadangan berkuatkuasanya ialah pada 1 Januari 2000..

Tuan Yang di-Pertua, dengan pembentangan Rang Undang-undang Tribunal Perkhidmatan Awam (Pembubaran) 2000, sudah tentu penangguhan dalam persidangan yang lepas yang tidak dapat dibincangkan, sudah tentu menimbulkan sedikit kerumitan bagi Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mengemas kini sistem pengurusan agar sentiasa teratur, tersusun dan memenuhi keperluan semasa. Tanpa pembubaran Tribunal yang ditubuhkan pada tahun 1977 adalah sukar bagi kerajaan untuk bertindak mengikut kuasa-kuasa dan kewajipan yang telah dipindahkan kepada pihak Tribunal.

Tuan Yang di-Pertua, semasa Tribunal Perkhidmatan Awam diwujudkan, telah banyak perkara yang berkaitan dengan perjawatan yang melibatkan pertukaran skim perkhidmatan daripada gaji kabinet kepada gaji SSB telah pun dilaksanakan. Kita harus merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak yang terlibat dalam Tribunal yang telah diwujudkan, yang telah menjalankan kewajipan mereka demi untuk melahirkan sistem pentadbiran awam yang berwibawa. Penubuhan Tribunal inilah sebagai satu bukti betapa kerajaan Barisan Nasional sentiasa prihatin dan sensitif kepada rungutan, keluhan kakitangan awam yang menjadi jentera kepada penggerak pentadbiran negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan rang undang-undang ini saya ingin menyampaikan kepada pihak kementerian, rasa kecewa sekumpulan pensyarah-pensyarah UiTM, yang memohon agar rayuan mereka tidak dipandang sepi, setelah Tribunal ini dibubarkan. Sebagaimana yang kita semua sedia maklum, perjuangan untuk memartabatkan ITM menjadi universiti adalah perjuangan cendekiawan Melayu. Ia menjadi realiti apabila tahun 1999, rang undang-undang menaikkan taraf ITM kepada universiti diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Kejayaan ini telah disambut oleh seluruh umat Malaysia dan proses peralihan daripada sebuah Institut Teknologi MARA kepada universiti berjalan dengan lancar dan pantas.

Untuk menyesuaikan urusan pentadbiran daripada ITM kepada Universiti Teknologi MARA, pihak kerajaan telah bercadang untuk memperkenalkan skim baru gaji pensyarah yang dikenali sebagai skim perkhidmatan baru Universiti Teknologi MARA (UiTM) iaitu darjah MARA atau DM. Untuk makluman dewan, peralihan skim ini telah melibatkan pensyarah-pensyarah seperti berikut:

	<i>Kategori Khas</i>	<i>Jumlah Kakitangan</i>	<i>Peratus (%)</i>
1.	'C' dan 'B' – Profesor	30	0.86
2.	DT1– Profesor Madya	204	5.9
3.	DT2 – Pensyarah Kanan	869	25.13
4.	A11 – Pensyarah Tingkatan Kanan	189	5.47
5.	DT3 – Pensyarah	1,561	45.14
6.	A20 – Pensyarah	1	0.03
7.	Lain-lain	604	17.47
	<b>Jumlah</b>	<b>3,458</b>	

Daripada kumpulan ini kumpulan pensyarah yang terdiri daripada A11 Pensyarah Tingkatan Kanan, buat masa ini tidak termasuk dalam kategori yang akan menerima gaji baru sebagaimana yang dicadangkan.

Kumpulan pensyarah dalam kategori A II iaitu Pensyarah Tingkatan Kanan seramai 189 orang adalah mereka yang tidak menerima opsyen SSB. Ini berlaku kerana mereka adalah kumpulan pensyarah yang diberi kenaikan pangkat secara automatik daripada A20 ke jawatan Pensyarah Kanan A II pada tahun 1985.

Arahan ini adalah merupakan kelulusan Jawatankuasa Kabinet Pekerja-pekerja Sektor Awam berdasarkan kepada Laporan Mitasa di mana pada tahun itu berlakunya brain drain yang begitu besar-besaran daripada universiti-universiti tempatan ke universiti-universiti swasta dan pengaliran keluar ini telah menyebabkan tenaga-tenaga akademik bagi universiti-universiti awam telah pun berkurangan dan dengan itu pihak ITM telah mengambil langkah supaya pensyarah-pensyarah dalam kumpulan tersebut seramai 186 orang telah dinaikkan pangkat kepada A II. Kesemua mereka ini ialah terdiri daripada mereka yang telah berkhidmat melebihi lima tahun. Mereka berkelulusan Sarjana Muda Kepujian, Sarjana dan Doktor Falsafah.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku setelah pensyarah ini menerima kenaikan pangkat secara blok pada tahun 1985 mereka kekal dalam skim gaji Jawatankuasa Kabinet sedangkan lain-lain pensyarah menerima skim gaji SSB dengan kod DT iaitu Darjah Teknologi.

Apabila UiTM diwujudkan, pihak JPA difahamkan hanya akan menimbangkan untuk menawarkan skim baru kepada kumpulan pensyarah-pensyarah UiTM yang ada di dalam skim SSB, sedangkan mereka ini yang masih lagi dalam skim Kabinet telah pun terabai. Ini bererti mereka yang seramai 189 orang akan merasa tersisih. Saya bimbang jika usaha-usaha mengatasi masalah ini tidak diambil, UiTM akan kehilangan sebahagian besar tenaga pensyarah yang berpengalaman.

Oleh itu saya menyarankan kerajaan supaya mengambil langkah yang wajar untuk menyelaraskan gaji mereka melalui SSB dan diserapkan ke dalam gaji universiti Darjah MARA ataupun Universiti DM agar kumpulan ini tidak akan terus merasa kecewa dan kita juga berharap mereka akan dapat memberikan pembelaan dan mencurahkan khidmat bakti bagi melahirkan anak-anak generasi yang berguna kepada negara. Saya sedar bahawa kekecewaan mereka akan menjadi aset kepada pembangkang yang sentiasa menggunakan orang-orang kecewa untuk menentang kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap apa yang saya sebutkan ini akan dapat diberi perhatian yang serius oleh pihak kerajaan kerana bagi saya pensyarah-pensyarah di universiti ialah merupakan orang-orang penting yang akan menentukan tenaga kerja negara pada masa yang akan datang. Di tangan merekalah akan menentukan corak pemikiran dan juga keberkesanan melahirkan tenaga kerja yang akan memimpin negara kita pada masa akan datang.

Dalam masa yang sama, Tuan Yang di-Pertua, walaupun di dalam Dewan ini ucapan saya ialah ke arah membela pensyarah-pensyarah yang saya sebutkan tadi, dalam masa yang sama kita juga harus meng *address* kan, dengan izin, pihak-pihak yang terlibat di dalam bidang pengajaran di universiti ini yang kita melihat bahawa sikap mereka tidak benar-benar sebagai seorang pendidik yang mempunyai kredibiliti yang tinggi, akauntabiliti yang tinggi untuk menentukan supaya pelajar-pelajar dapat mengikut jejak langkah mereka.

Saya merasa amat kecewa Tuan Yang di-Pertua, kerana baru-baru ini semasa kita menghadapi pilihan raya di Telok Kemang, saya telah berjumpa dengan sekumpulan pensyarah-pensyarah yang mana mereka secara serius telah pun menunjukkan sikap dan juga sokongan mereka kepada parti pembangkang. Pada hal pensyarah-pensyarah yang berkenaan yang memang kita kenal dengan begitu rapat. Saya berjumpa dengan mereka di Dewan ini, hari ini saya tidak nampak pensyarah yang berkenaan. Saya sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, ada pun gambar yang saya ambil untuk membuktikan apa yang saya sebutkan di Dewan ini. Semasa saya pergi ke salah sebuah kampung iaitu Kampung Rendah, saya berjumpa dengan salah seorang pensyarah yang sentiasa hadir di Dewan ini memantau perjalanan Dewan. Saya pernah minum bersama, makan bersama, apabila saya tanya kepada pensyarah yang berkenaan "Adakah doktor tidak pergi ke universiti mengajar" dia menyebutkan bahawa "Saya membuat kajian politik".

Saya menerima dengan rasa....., begitu merasakan satu usaha-usaha yang baik, usaha-usaha yang murni dijalankan kerana beliau menjalankan kajian politik. Apabila saya pergi ke Teluk Kemang saya amat terperanjat apabila melihat pensyarah yang sama menggantungkan gambar calon parti pembangkang, dengan menggunakan badge parti pembangkang di kedua-dua belah, dengan menggunakan kipas yang ada lambang parti pembangkang PAS dan juga ADIL, ada di sebuah tempat yang terceruk, berkempen kepada saya supaya mengundi pembangkang, mungkin dia tidak sedar.

Tetapi Tuan Yang di-Pertua, apabila dia sedar melihat saya, dia cuba melarikan diri dan yang malang yang saya hendak sebutkan di sini, saya tidak begitu sensitif dalam soal mana-mana pihak hendak menyokong mana-mana parti. Walaupun dari segi peraturan dan prosedur perjawatan ini adalah salah bagi pegawai-pegawai kanan kerajaan dan di sini Timbalan Menteri Pendidikan ada, salah bagi pegawai-pegawai kanan kerajaan tetapi saya rasa itu boleh lagi kita menyatakan bahawa hak seseorang kalau dia meletakkan jawatan, dia boleh menyokong mana-mana parti. Tetapi yang malang yang saya amat merasa dukacita apabila melihat saya sampai orang yang berkenaan, apabila telah pun menyedari bahawa saya adalah salah seorang Ahli Parlimen cuba melarikan diri.

Apabila saya mengejar dan menghulur tangan apa yang disebutkan di sini Yang Berhormat Datuk Abdul Aziz, "*I can't recognize you*", saya kata "*Prof, saya ini Ahli Parlimen*". Dia sentiasa ada di Parlimen berbulan-bulan lamanya ada di Parlimen ini hadir untuk kononnya membuat kajian politik. Bila dia tidak dapat mengelakkan diri perkataan yang dia sebutkan kepada saya "Saya buat kajian".

Inilah yang amat malang saya rasa bagi kita, bagi negara kita yang mempunyai beberapa buah universiti di negara kita yang kita letakkan kepercayaan dan harapan kepada pensyarah-pensyarah universiti untuk mendidik anak-anak kita supaya anak-anak kita ini apabila lahir nanti boleh menjadi sebagaimana generasi yang ada hari ini, yang berusaha untuk membangunkan negara, yang mempunyai bukan sahaja pencapaian dan juga mempunyai kemampuan akademik yang tinggi tetapi mempunyai moral yang tinggi, dididik oleh orang yang tidak bermoral bagi saya kerana pembohongan itu bukan sesuatu yang boleh kita terima sebagai seorang pendidik.

Saya sentiasa menghormati pensyarah-pensyarah saya, saya sentiasa mengasihi mereka tetapi apabila melihat ada golongan ini yang sekarang ini berada di universiti, saya berharap supaya pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), pihak Kementerian Pendidikan supaya mengkaji dengan teliti siapakah mereka ini yang kita beri tanggungjawab untuk mendidik anak-anak kita di universiti. Adakah mereka ini terdiri daripada 'pagar yang akan makan padi'. Bukan soal sokongan yang saya sebutkan di sini tetapi soal karektor, moral dan juga tanggungjawab kita sebagai pendidik.

Saya tidak fikir orang yang berkenaan tidak mengenali saya kerana berbulan-bulan ada di dalam Dewan ini melihat kita bersidang di sini tetapi cuba mengelirukan saya, apabila tidak dapat mengelirukan saya pula, menyebutkan bahawa "Saya buat kajian". Saya hendak beri kepada timbalan menteri nanti gambar pensyarah yang buat kajian, yang semasa pilihan raya di Teluk Kemang berdiri kempen supaya mengundi pembangkang dengan tergantung gambar pembangkang, badge pembangkang, kipas pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Ahli Dewan yang bertanggungjawab dan juga sebagai pemimpin kecil di negara ini, tugas kita adalah untuk melihat kesejahteraan umat dan juga tugas kita adalah untuk menentukan supaya pencapaian negara kita akan sentiasa dapat membangun dan juga keamanan dan kesejahteraan ini dapat dikekalkan. Sebab itulah saya tadi membangkitkan soal yang melibatkan pensyarah-pensyarah di UiTM. Saya harap Yang Berhormat menteri akan memberi perhatian dan saya percaya Kerajaan Barisan Nasional sentiasa memberikan perhatian dan sentiasa sensitif kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan kebajikan dan juga kepentingan pegawai.

Dalam masa yang sama saya juga ingin mengingatkan kerajaan bukan sahaja soal kebajikan sebagaimana disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Parit Sulong tadi tetapi bagaimana kita menjadikan mereka orang yang bertanggungjawab di dalam memikul tanggungjawab negara. Saya juga sebagaimana Yang Berhormat bagi Parit Sulong merasakan bahawa pada masa ini penglibatan mereka yang terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan di dalam kumpulan-kumpulan yang menganuti ajaran sesat dan juga kefahaman-kefahaman perkauman yang melampau, yang sehingga akan merosakkan perpaduan kaum harus diberi perhatian. Ketua-ketua Jabatan, Kementerian-kementerian harus memantau kerana bukan sahaja 24 orang ini bilangan mereka yang terlibat pada hal sekarang ini jika kita mantau di jabatan-jabatan, jika kita mantau di kementerian-kementerian masih ramai lagi mereka yang mempunyai cara dan hala pemikiran yang sama sekarang ini sedang bebas.....

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Boleh tanya sedikit?

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Sedang bebas.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kuala Kedah minta penjelasan.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** ...dan juga keadaan mereka cukup mencurigakan keamanan negara kita.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, membanteras ajaran sesat di kalangan pegawai adalah cukup penting. Sedar atau tidak Dewan ini bahawa Nasrul Haq adalah satu ajaran sesat yang diisytiharkan oleh Majlis Fatwa. Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pernah menjadi bendahari agong kepada pertubuhan Nasrul Haq itu dan Al-Ma'unah ini barangkali jelmaan daripada Nasrul Haq. Oleh itu adakah sedar penaung kepada Nasrul Haq ajaran sesat itu bendahari agongnya ialah Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dahulu.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Terima kasih Yang Berhormat di atas pandangan itu. Jika kita hendak mempersoalkan soal kumpulan-kumpulan yang tidak dapat kepastian dari segi pegangan dan juga dari segi pemikiran mereka ini memang susah kita hendak sebutkan. Kalau kita hendak menyebutkan dari segi ajaran sesat ini, saya ingin menyebutkan satu ketika apabila kita menghadapi pilihan raya di Arau, circular yang dikeluarkan kononnya daripada PAS, saya tidak sebut PAS, kononnya daripada PAS juga mengatakan bahawa....

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Tidak jawab soalan saya tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Nanti, dia mukadimah dahulu, nanti dia jawablah.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Nanti dahulu, biar saya jawab dahulu.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Nasrul Haq diisytihar oleh Majlis Fatwa.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Ini floor saya biar saya dahulu, Yang Berhormat nanti saya jawab dahulu, nanti saya beri Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Biar dia jawab dahulu.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Semasa kita menghadapi pilihan raya, circular dikeluarkan bahawa halal darah orang-orang UMNO, jihad. Jadi ini juga boleh dipandang sebagai satu kumpulan yang mana sebagaimana Yang Berhormat sebutkan tadi.

Jadi saya dalam soal Nasrul Haq ini saya tidak dapat hendak beri pandangan sebab saya tidak tahu dan saya tidak dapat menjelaskan kumpulan mana yang disebutkan bahawa kumpulan-kumpulan ini membahayakan negara. Cuma kita sebagai kumpulan yang bertanggungjawab. Yang Berhormat daripada parti PAS, satu

parti yang ada dalam negara kita dan ramai yang ada di Dewan, harus melihat supaya di dalam kumpulan Yang Berhormat tidak ada keadaan ini dan bagi kita juga di pihak kerajaan kita memang komitmen dan kita memang mempunyai satu tanggungjawab dan juga satu akujanji yang jelas kepada rakyat Malaysia bahawa perpaduan kaum, keamanan negara adalah menjadi salah satu tema utama dalam perjuangan kita. Sebab itu saya juga hendak ambil peluang di sini kalau Yang Berhormat buat teguran tadi boleh kita ambil perhatian keadaan ini tetapi dalam masa yang sama PAS juga jangan selalu menyebutkan kepada rakyat negara kita berjihadlah, kita...., darah orang itu halal, darah orang ini halal kerana apa yang berlaku sebagaimana yang berlaku di Sauk dan kita seluruh rakyat Malaysia menerima akibatnya.

Sebagai pemimpin saya rasa di dalam negara ini, kita harus bertanggungjawab kepada apa juga gerakan dan juga keadaan yang berlaku dalam negara kita, kita semua tidak boleh lepas tangan kerana ini adalah merupakan satu tanggungjawab mutlak kita menentukan keamanan dalam negara kita. Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:**  
Tidak ada orang hendak bercakap? Ha, menteri sila menjawab.

11.55 pagi.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Bernard Giluk Dompok]:**  
Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Parit Sulong, bagi Yan dan bagi Arau yang telah turut serta dalam perbahasan rang undang-undang yang saya telah bantangkan baru-baru tadi.

Kebanyakan daripada perkara dan isu-isu yang telah ditimbulkan oleh mereka itu tidaklah mempunyai hubung kait secara langsung dengan rang undang-undang yang saya telah kemukakan iaitu satu rang undang-undang untuk membubarkan Rang Undang-undang Tribunal Perkhidmatan Awam iaitu rang undang-undang ini tidak lagi diperlukan memandangkan tempoh untuk ke tribunal itu menyelesaikan masalah-masalah peralihan daripada satu sistem perkhidmatan kepada satu sistem baru sudah pun selesai iaitu terdapat kes-kes anomali sebanyak 480 kes telah diselesaikan dan tempoh untuk sesiapa yang tidak puas hati dengan sistem iaitu mempunyai masalah anomali boleh membawa kes kepada Tribunal yang berakhir pada 17 Februari 1991, jadi sekarang ini sudah sampai tempoh untuk kita membuatkan sesuatu untuk menyelaraskan semua ini dan didapati bahawa lebih baik kalau rang undang-undang ini dibubarkan.

Tuan Yang di-Pertua, tentang perkara-perkara yang mengenai hubung kait dengan SSB iaitu pelaksanaan Sistem Saraan Baru, memang kerajaan sentiasa akan mengambil kira teguran-teguran yang telah dikemukakan oleh Ahli Dewan Rakyat ataupun sesiapa yang memberi teguran ataupun memberi contoh di mana SSB akan dapat diperbaiki. Kerajaan telah memperbaiki peruntukan-peruntukan dari masa ke semasa untuk meningkatkan kebajikan anggota perkhidmatan awam dan sekarang ini pun kita masih lagi mencari jalan bagaimana ini boleh diperbaiki untuk lebih berkesan supaya kita mendapatkan satu perkhidmatan awam yang benar-benar dapat menjalankan tugas mereka untuk membantu rakyat untuk membangunkan negara kita ini.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Saya juga menarik perhatian Dewan ini bahawa pegawai-pegawai yang mempunyai masalah-masalah yang lain, memang ada juga ruang untuk mereka merayu, kita mempunyai satu Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, kita mempunyai badan-badan yang lain yang telah ditubuhkan oleh kerajaan dan sekarang ini tidak perlu lagi untuk kita meneruskan satu rang undang-undang yang tidak lagi diperlukan dari segi undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja jawapan saya untuk perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang, hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

#### RANG UNDANG-UNDANG CAKERA OPTIK 2000

##### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

12.02 tgh.

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu akta untuk mengadakan peruntukan bagi pelesenan dan pengawalseliaan pengilangan cakera optik dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, kegiatan cetak rompak di negara ini ke atas produk hak cipta yang diterbitkan dalam bentuk cakera optik termasuk CD, VCD, CD Rom dan DVD masih berleluasa. Kegiatan ini perlu dibendung segera bagi memastikan industri hak cipta dapat berkembang dengan sihat dan kerajaan tidak kehilangan hasil cukai yang diperolehi daripada industri tersebut. Mengikut statistik kasar yang diperolehi daripada industri hak cipta, kadar cetak rompak ke atas perisian komputer filem dan muzik di negara ini masing-masing dianggarkan sebanyak 71%, 80% dan 60%.

Pemantauan serta pemeriksaan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menunjukkan bahawa pada masa ini terdapat sekitar 34 buah kilang pengeluar cakera optik di negara kita di mana sesetengah daripada kilang-kilang pengeluaran cakera optik tersebut dipercayai turut mengeluarkan produk-produk cakera optik yang melanggar hak cipta. Perbuatan cetak rompak hak cipta cakera optik ini begitu serius sehingga Malaysia dikatakan sebagai pusat pengeluar bahan-bahan langgaran hak cipta ataupun, dengan izin, *copyright infringement*.

Di samping itu, aktiviti pengawalan cakera optik yang menyalahi undang-undang hak cipta ini telah menerima perhatian daripada banyak pihak di peringkat antarabangsa termasuklah The National Intellectual Property Alliance di Amerika Syarikat iaitu satu badan yang mempunyai pengaruh *lobby*, dengan izin, yang kuat ke atas kedudukan dagangan di antara negara tersebut dengan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, di peringkat negara pula, aktiviti cetak rompak memberikan kesan ke atas beberapa pihak. Bagi industri pembuatan cakera optik yang menghasilkan misalnya VCD tulen, ianya terpaksa bersaing dengan produk-produk yang dicetak rompak yang lebih murah harganya. Manakala bagi karyawan yang terlibat dengan pembuatan filem, penggubah-penggubah lagu dan juga penulis-penulis lirik, mereka kerugian dari segi jumlah royalti yang dapat dikutip ke atas produk-produk asal mereka kerana terpaksa bersaing dengan produk cetak rompak dalam pasaran. Kerajaan pula menanggung kerugian dari segi hasil yang boleh dikutip dalam

bentuk cukai pendapatan yang dikenakan ke atas syarikat-syarikat yang terlibat dan juga pendapatan yang diterima oleh pemilik-pemilik hak cipta ini.

Di samping itu, ingin saya tegaskan bahawa kesan negatif yang lebih mendalam adalah ke atas usaha-usaha kreativiti dan inovasi dalam negara sendiri termasuk bagi syarikat-syarikat yang terlibat di dalam industri tersebut di bawah projek Multimedia Super Corridor ataupun MSC, dengan izin, di mana kita tahu bahawa MSC merupakan satu wadah bagi negara kita merebut secara agresif peluang-peluang ekonomi dalam bidang multimedia dan teknologi maklumat.

Dalam konteks antarabangsa pula, kita mempunyai tanggungjawab untuk melindungi hasil-hasil karya semua pihak berasaskan prinsip layanan sama rata antara negara yang dipersetujui di bawah perjanjian-perjanjian antarabangsa seperti Konvensyen Berne dan Perjanjian TRIPS.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah pun mula mengambil tindakan membanteras cetak rompak hak cipta cakera optik secara bersungguh-sungguh melalui Pasukan Petugas Khas Hak Cipta yang ditubuhkan di bawah kementerian saya. Pasukan ini mula bertindak semenjak 1 April 1999 lagi dan sehingga 8 Julai 2000, sebanyak lebih kurang 4,200 kes cetak rompak dalam pelbagai bentuk dan khususnya melibatkan cetak rompak VCD telah pun dihasilkan di mana nilai barangan yang disita adalah lebih kurang RM9 juta. Ingin saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa kebanyakan kes-kes yang terlibat adalah di beberapa ibu negeri tertentu di mana satu pertiga daripadanya jumlah kes tersebut melibatkan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, faktor-faktor utama berlakunya masalah cetak rompak produk cakera optik di negara ini adalah seperti berikut:

- (i) Tiadanya undang-undang khusus bagi pengawalseliaan pembuatan cakera optik terutamanya dari segi mendisiplinkan pihak-pihak yang didapati melanggar hak cipta dan juga pengenalpastian sumber ataupun, dengan izin, *source*, dari mana produk cakera optik berkenaan dikeluarkan;
- (ii) Tiadanya mekanisme berkesan yang membolehkan produk-produk yang melanggar hak cipta dikesan di peringkat pembuatannya ataupun dengan izin, *at source*.
- (iii) Kuasa-kuasa bagi menjalankan penguatkuasaan sepertimana yang sedia ada tidak mencukupi untuk mengawal dengan berkesan aktiviti cetak rompak; dan
- (iv) Ketiadaan satu pihak ataupun badan penguat kuasa khusus yang mempunyai hak mutlak ke atas penguatkuasaan cetak rompak dan pada masa sekarang, aktiviti-aktiviti penguatkuasaan melibatkan gandingan usaha dan kerjasama kementerian saya dengan pihak-pihak polis, Unit Penapisan Filem di Kementerian Dalam Negeri, FINAS, pihak berkuasa tempatan dan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja. Juga peruntukan-peruntukan tertentu di dalam beberapa akta yang sedia ada terpaksa digunakan untuk tujuan penguatkuasaan. Pendekatan ini walau bagaimanapun didapati tidak begitu berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, Undang-undang Cakera Optik 2000 yang dicadangkan bertujuan untuk melesen dan mengawal selia aktiviti pembuatan cakera optik. Kuasa-kuasa baru turut diperuntukkan melalui pengwujudan syarat-syarat lesen penguatkuasaan serta penalti-penalti yang mencukupi. Secara khususnya, peruntukan-peruntukan di bawah Akta Cakera Optik 2000 adalah seperti berikut:

Bahagian I akta yang dicadangkan ini mengandungi hal-hal Pendahuluan ataupun Preliminary yang menggariskan tajuk ringkas akta dan tafsiran istilah-istilah yang berkaitan.

Bahagian II pula adalah berkenaan dengan peruntukan-peruntukan mengenai perlantikan pegawai Pengawal iaitu dengan izin, Controller, Penolong Pengawal dan pegawai-pegawai lain yang diperlukan bagi tujuan melaksanakan akta tersebut.

Bahagian III akta tersebut menggariskan keperluan-keperluan lesen bagi pengeluaran cakera optik dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan lesen. Melalui Fasal 7, semua aktiviti pembuatan cakera optik akan dilesenkan iaitu dalam erti kata semua pihak yang terlibat dalam pembuatan cakera optik perlu memperolehi lesen terlebih dahulu sebelum mengeluarkan cakera optik dan semua pemegang lesen adalah dilarang daripada membuat ataupun mengeluarkan cakera optik di tempat selain daripada premis yang dilesenkan. Pegawai Pengawal selaku pegawai yang bertanggungjawab ke atas pelesenan dan penguatkuasaan mempunyai kuasa muktamad untuk melulus ataupun menolak sebarang permohonan lesen.

Melalui Fasal-fasal 9, 10, dan 11 pula, pegawai Pengawal turut diberi kuasa untuk mengenakan sebarang syarat lesen yang difikirkan perlu yakni bagi memastikan industri pembuatan cakera optik berkembang dengan sihat.

Bahagian IV mengandungi peruntukan yang berkaitan dengan kod pengeluar yang dikenakan di bawah akta baru ini. Fasal-fasal 19 dan 20 Akta Cakera Optik akan mengawal selia industri pembuatan cakera optik melalui peruntukan kod pengeluar kepada pembuat-pembuat cakera optik termasuk bagi alat-alat pengeluaran seperti *mould* dan *sample*, dengan izin, dan ini adalah bagi memudahkan proses pengesanan pihak yang mengeluarkan cakera optik tersebut.

Bahagian V mengandungi peruntukan yang berkaitan dengan kod amalan ataupun dengan izin, code of conduct yang boleh dikeluarkan oleh pegawai pengawal di mana Fasal 24 turut menggariskan penalty civil ke atas mana-mana pihak yang tidak mematuhi kod tersebut.

Bahagian VI menggariskan kesalahan-kesalahan dan penalti yang boleh dikenakan ke atas mana-mana pihak yang melanggar peruntukan-peruntukan di bawah Akta Cakera Optik ini. Penalti-penalti yang terdapat adalah mencukupi dan mampu menjadi deterrent ataupun pencegahan kepada pihak industri supaya mereka tidak mengulanginya lagi dan oleh yang demikian mana-mana syarikat yang menyalahi peraturan-peraturan lesen di bawah Fasal 26 boleh dikenakan denda tidak melebihi RM500,000 bagi kesalahan pertama dan RM1 juta bagi kesalahan-kesalahan seterusnya. Bagi individu-individu pula denda sebanyak RM250,000 ataupun hukuman penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali boleh dikenakan bagi kesalahan pertama. Bagi kesalahan-kesalahan seterusnya denda tidak melebihi RM500,000 ataupun penjara tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali boleh dikenakan.

Di bawah akta ini juga pihak-pihak yang menghalang proses penyiasatan melalui penyediaan maklumat palsu atau enggan bekerjasama dengan pegawai pengawal yang sedang membuat penyiasatan ataupun menghalang pihak penguat kuasa daripada menjalankan tugas-tugas mereka atau tidak membekalkan maklumat-maklumat yang diperlukan oleh pegawai pengawal dan menyebabkan kemusnahan sebarang keterangan akan dianggap melakukan kesalahan. Akta ini juga mempunyai peruntukan-peruntukan tertentu bagi memastikan pihak-pihak yang terlibat dengan sesuatu kesalahan boleh dipertanggungjawabkan. Ini termasuklah, antara lain, pegawai-pegawai syarikat seperti pengarah, pengurus dan setiausaha seperti yang diperuntukkan di bawah Fasal-fasal 30 dan 31.

Tuan Yang di-Pertua, sesuai dengan pengawalseliaan di peringkat sumbernya atau dengan izin, 'at source' yang diperlukan, Bahagian VII akta yang dicadangkan memperuntukkan kuasa-kuasa seperti berikut: Kuasa untuk melaksanakan

penyiasatan atau investigation seperti di bawah Fasal 36, kuasa-kuasa bagi memasuki premis, memeriksa dan merampas dokumen serta barang-barang yang berkenaan iaitu seperti di bawah Fasal 37, kuasa-kuasa bagi mengeledah dan menyita ataupun merampas tanpa menggunakan waran iaitu seperti dalam Fasal 39.

Bahagian VIII menyediakan pelbagai peruntukan umpamanya kuasa menteri di bawah Fasal 51 untuk memberi pengecualian daripada mana peruntukan akta tersebut. Fasal 56 pula memberi kuasa kepada menteri untuk membuat peraturan-peraturan iaitu termasuklah peruntukan mengenai pendaftaran pihak-pihak pengeluar dan penyimpanan maklumat tentang pemegang-pemegang lesen, tanggungjawab pelesen-pelesen untuk menyimpan rekod serta dokumen-dokumen berkaitan dan lain-lain peruntukan yang difikirkan perlu.

Tuan Yang di-Pertua, akta ini merupakan langkah pertama untuk mewujudkan satu undang-undang yang khusus bagi mengawal selia industri pembuatan cakera optik dan kementerian saya percaya bahawa undang-undang ini memberikan faedah kepada semua pihak. Ini adalah kerana Akta Cakera Optik 2000 mempunyai tujuan untuk melindungi hak serta kepentingan kedua-dua pihak iaitu industri dan pengguna. Selaras dengan tujuan ini pihak pengeluar cakera optik diberikan tempoh peralihan atau transitional period, dengan izin, yang mencukupi bagi menyesuaikan diri mereka dengan peraturan akta ini iaitu mereka diberikan tempoh 6 bulan untuk memperolehi lesen di bawah Akta Cakera Optik 2000 dan ditambah dengan tempoh masa 6 bulan untuk mematuhi syarat-syarat lesen yang dikenakan.

Akta Cakera Optik 2000 juga mengambil kira teguran-teguran, pandangan-pandangan dan nasihat daripada agensi kerajaan yang lain dan juga pihak swasta. Di samping itu, kementerian saya telah menghantar pegawai-pegawai kementerian ke Hong Kong bagi tujuan memperolehi latihan serta pengalaman mengenai sistem pelesenan dan pengawalseliaan industri cakera optik di negara kita. Ini bagi memudahkan proses pelaksanaan serta penguatkuasaan Akta Cakera Optik 2000. Pelaksanaan akta yang sama di Hong Kong didapati berkesan dalam mengawal cetak rompak. Pada masa ini juga kementerian sedang pun dalam proses menyediakan peraturan-peraturan ataupun regulations, dengan izin, yang diperlukan bagi penguatkuasaan undang-undang tersebut dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan Akta Cakera Optik 2000 akan dibuat dalam konteks regim dua lesen. Kaedah dua lesen tersebut akan melibatkan dua lesen yang berasingan yang dikeluarkan masing-masing oleh MITI (Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri) di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 bagi tujuan pembangunan industri dan oleh kementerian saya di bawah Akta Cakera Optik 2000 untuk tujuan perlindungan harta intelek dan penguatkuasaan bagi membanteras cetak rompak. Kaedah dua lesen atau dengan izin, dual licensing arrangement ini bagi aktiviti yang sama tetapi untuk tujuan berlainan bukanlah satu perkara yang baru, misalnya bagi pengeluaran ubat-ubatan dalam industri pharmaceutical, Akta Penjualan Ubat-ubatan 1952 memberikan kuasa kepada menteri berkenaan membuat peraturan, antara lain, bagi mencegah ataupun mengawal selia pengeluaran dan penjualan ubat-ubatan dan sementara itu industri yang sama yang membuat produk-produk yang berdaftar turut juga dilesenkan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian. Bagi memudahkan usaha kawal selia di bawah regim dua lesen ini, sebuah Jawatankuasa Penyelarasan Industri Cakera Optik di antara MITI dan kementerian saya akan ditubuhkan dan ini akan membolehkan pelaksanaan akta yang dicadangkan berjalan dengan licin dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah pun saya jelaskan akta yang dicadangkan ini bertujuan untuk mengawal selia pengeluaran cakera optik di peringkat perkilangan. Ini adalah untuk memastikan bahawa produk yang dikeluarkan oleh kilang-kilang cakera optik adalah terdiri daripada produk-produk yang tulen sahaja. Dengan cara ini saya percaya kita akan dapat membendung pasaran produk cakera optik yang dicetak rompak kerana sumber pengeluarannya telah pun disekat melalui penguatkuasaan akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sokong.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Wong Kam Hoong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi pelesenan dan pengawalseliaan pengilangan cakera optik, dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Parit Sulong.

**12.20 tgh.**

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya mengucapkan syabas kepada pihak kerajaan menerusi kementerian yang memperkenalkan akta ini. Saya yakin kehadiran dan penguatkuasaan akta ini akan menjadi satu lagi motivation atau faktor mendorong supaya banyak lagi syarikat-syarikat antarabangsa di bidang multimedia datang dan bergerak cergas menjadikan Malaysia sebagai pangkalan pengeluaran mereka dan juga pangkalan perakaaan perisian komputer di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini saya lihat memang amat padat dengan dia punya susunan dan juga dual licensing regime, dengan izin, di antara pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna dengan MITI dengan penalti yang tinggi kepada organisasi, pertubuhan dan juga kepada individu ataupun individu-individu yang bertanggungjawab terhadap organisasi yang terbabit. Juga diberikan satu moratorium ataupun satu tempoh di mana industri akan mempunyai tempoh 6 bulan untuk dilesenkan dan 6 bulan lagi untuk mematuhi segala peraturan dan lesen.

Tuan Yang di-Pertua, suatu akta ini kerajaan memang mempunyai banyak undang-undang yang memang diwujudkan untuk menjadi kondusif, untuk menjadi pendorong dan catalyst kepada pertumbuhan industri itu sendiri. Yang selalu diperbincangkan adalah soal penguatkuasaan undang-undang itu sendiri. Pihak Yang Berhormat Menteri memperkatakan bahawa sekumpulan pegawainya telah dihantar ke Hong Kong untuk menjalani latihan bagaimanakah akta yang mungkin agak serupa di Hong Kong dikuatkuasakan dan apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka di dalam peringkat awalan. Pada waktu yang sama saya melihat bahawa di dalam bidang perkembangan industri multimedia ini kita harus mewujudkan satu badan yang lebih khusus bukan sahaja melihat kepada perlindungan industri dan perlindungan pengguna malahan perlindungan kepada pencipta itu sendiri. Akta Hakcipta memang sudah ada. Adakah Akta Hakcipta itu yang di luar daripada jurisdiction kementerian ini telah pun ketat dan menjadi kondusif kepada pereka-pereka ataupun creators dan innovators untuk menghasilkan banyak lagi perisian komputer di masa akan datang.

Kita dapat melihat tadi pihak menteri menegaskan bahawa peratusan cetak rompak atau piracy terhadap harta-harta intelek dalam negara kita agak besar. Dia punya peratusan di antara 71%, 80%, 60%. Ini agak besar kepada saya. It's above average, dengan izin. Selama ini kita belum lagi mempunyai kepakaran di kalangan pegawai-pegawai untuk menguatkuasakan undang-undang itu. Saya harap dengan kewujudan undang-undang yang baik ini, yang agak padat ini, kita juga menyetengahkan dan melatih kumpulan atau core pegawai penguatkuasaan yang khusus di bidang perlindungan terhadap industri harta intelek dan juga pengguna-pengguna. Kita tidak mahu melihat di mana pegawai-pegawai itu adalah dari golongan generalist sahaja, bermakna golongan yang mempunyai pendidikan yang umum. Mereka harus lebih fokus. Kalau pegawai polis yang berpangkat inspektor mahu ditugaskan, pegawai polis itu juga harus digandingkan dengan orang-orang yang pakar di dalam bidang bagaimana dia manipulate penerbitan atau pengeluaran harta intelek

itu sendiri. Perkara ini saya rasa memerlukan satu training yang lebih khusus supaya Malaysia satu hari nanti menjadi negara contoh kepada penguatkuasaan dan pengawalseliaan undang-undang mengenai cetak rompak di dalam industri yang membabitkan perkembangan industri multimedia di dalam negara.

Yang keduanya, saya juga memohon supaya di kalangan pegawai penguat kuasa itu juga digandingkan pegawai-pegawai BPR iaitu pegawai pencegah rasuah. Oleh kerana selalunya kalau ada operasi yang disifatkan haram di segi undang-undang ada juga orang kata inducement, perkara-perkara yang digunakan sebagai suguhan atau caret ataupun sebagai dorongan untuk orang-orang ini menghalalkan perkara yang diharamkan oleh undang-undang. Jadi saya harap pihak BPR juga jangan hanya bersikap re-active terhadap perkara-perkara ini. Mereka harus bersikap pro-active. Bermakna pegawai BPR kalau boleh juga dipinjamkan atau 'seconded' dalam Bahasa Inggeris kepada badan penguatkuasaan supaya mereka dapat mengawasi penguatkuasa itu sendiri. Bukan saya mengatakan seluruh penguat kuasa itu rasuah tetapi the tendency, the possibility kemungkinan mereka terdedah kepada ini memang amat besar, tidak boleh dielak dan tidak boleh dinafikan. Jadi di samping orang-orang ini, pegawai-pegawai ini diberi latihan kepakaran dari segi teknikalnya dan sebagainya mungkin juga diberikan fokus mengenai bagaimana kalau kita mengizinkan sebagai pengawal atau pegawai mengizinkan diri kita terbuka kepada rasuah bagaimana akan meruntuhkan sebuah industri dan pada waktu yang sama akan meruntuhkan sesuatu ekonomi. Oleh kerana ekonomi akan datang sebagaimana kita katakan asas dia tidak ada lain adalah asas digital atau multimedia dan ini adalah satu perkara pokok. Masalah industri yang membabitkan k-ekonomi atau digital ekonomi ini masalah pokok untuk kita di masa akan datang. Jangan kita remeh-temehkan perkara ini. Jadi sebab itulah saya berharap kalau bolehlah bukan dengan niat jahat, with no malice at all, dengan izin, kalau boleh tolonglah 'second'kan atau pinjamkan pegawai daripada BPR gandingkan sama dengan pegawai penguatkuasaan untuk memperkuatkan undang-undang ini.

Saya rasa ini akan menjadi pasukan atau *core* pegawai ini akan menjadi lebih kukuh, kukuh dalam erti kata possibility atau kemungkinan penyelewengan itu kurang risikonya. Saya harap perkara ini diberi satu pertimbangan yang serius oleh pihak kementerian itu sendiri dan pada waktu yang sama saya rasa penalty yang pertama itu memadailah RM500,000 tapi kalau penalty dia for a repeated crimes ataupun repeated offences ataupun dengan izin untuk jenayah yang selanjutnya saya rasa patut pergi lebih berat lagi. Saya berpandangan demikian oleh kerana sebagaimana saya katakan industri pengeluaran cakera optik susah saya nak sebut [*Ketawa*] Datuk Yang di-Pertua, ini adalah salah satu cabang industri yang berkaitan dengan perkembangan dunia multimedia dan dunia multimedia ini akan menjadi satu core yang paling asas kepada pertumbuhan ekonomi dan pertumbuhan negara.

Jadi saya harap penalti kepada jenayah yang berikutnya seharusnya lebih berat, bukan 6 tahun mungkin 8 tahun. Ini *very subjectivelah* kalau kita nak bincangkan tapi untuk kita reflect, untuk kita mencerminkan kesungguhan kerajaan dalam hal ini supaya dia cukup kena yang pertama itu, dia taubatlah terus, supaya dia taubat terus. Jadi tidak mereka mengulangi kesalahan yang kedua dan kesalahan-kesalahan ini juga kalau sekarang ini industri-industri tidak dilesen dan tadi ada menteri mengatakan ada suspicion, ada satu sangkaan bahawa mungkin di antara practiceness of piracy ini, pengamal-pengamal pecetak rompak ini orang yang berselindung di sebalik operasi yang halal dan perkara ini juga kalau boleh kita seludupkan juga kita punya ejen ke dalam supaya mereka bekerja. Kita plan kita punya orang dalam tempat ni. Ada saya lihat pihak pembangkang dalam ni dia gelak. Supaya kita mencerminkan the seriousness, the degree of seriousness, dengan izin. Bermakna bagaimanakah kita menunjukkan bahawa kita memang serius, tidak mahu perkara ini terjadi dalam negara. Kalau sekarang ini negara-negara seperti Taiwan menjadi pilihan kepada pelabur-pelabur industri multimedia.

Baru-baru ini saya menghadiri World Congress on IT (WCIT), World Congress on Information Technology. Macam mana negeri Taiwan yang sentiasa

berhadapan dengan masalah geografi iaitu yang sentiasa ada gempa bumi dan sebagainya tetapi orang risiko dia melabur di Taiwan. Oleh kerana di sana mungkin masalah teras dari segi tidak ada penyelewengan cetak rompak itu menjadi satu dia punya *consideration*, menjadi satu pertimbangan. Kita mempunyai pemimpin dan kerajaan yang mempunyai pandangan yang jauh mengenai perkembangan industri IT tetapi amalan-amalan seperti cetak rompak ini juga *membegin* industrialize itu shy away ataupun lari daripada negara kita.

Kita tidak mahu negara kita dilabelkan sebagai negeri China walaupun mereka mempunyai volume yang besar, consumer yang besar, pengguna yang besar tetapi cetak rompak amat berleluasa di negeri China. Kita tidak mahu negara kita dicap sebagai negeri Thailand di mana Versace pun boleh cetak rompak, ni menteri tahu [*Ketawa*] Versace kena cetak rompak, apa semua apa jenis nama, you can you name it, you can have it in Thailand. Semua branded, boleh cetak rompak. Kita mahu Malaysia menjadi satu negara yang mempunyai wibawa. Kita mahu negara yang mempunyai undang-undang, kita mahu mempunyai negara yang mempunyai penguatkuasaan undang-undang yang berwibawa yang mempunyai satu pendirian integriti yang tinggi dengan itu sebab itu insya-Allah dengan dasar-dasar pendidikan yang ada dengan matlamat dengan objektif, polisi, pihak kerajaan yang ada saya rasa negara ini insya-Allah akan satu hari maju dan terkenal di dalam industri multimedia dan ini akan menjadi satu landasan yang amat relevan kepada pertumbuhan ekonomi di masa akan datang. Datuk Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jeli.**

**12.30 tgh.**

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad [Jeli]:** Terima kasih Datuk Yang di-Pertua dan ahli-ahli Dewan sekalian. Saya mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Cakera Optik 2000. Apa yang saya dapati dalam Rang Undang-undang ini ianya lebih difokuskan kepada pembuatan dan saya tidak lihat di mana-mana tempat yang terlibat dengan software itu sendiri. Saya agak terkejut bila mana ada membaca satu laporan antarabangsa baru-baru ini yang menceritakan, yang mencatatkan bahawa terutama dari segi cetak rompak CD-CD flem-filem Hollywood di mana telah dinyatakan dalam majalah tersebut negara Malaysia merupakan negara Malaysia yang terbesar di dunia yang mengedar CD-CD cetak rompak filem Hollywood dan juga filem Hindi, Bollywood di mana filem-filem yang sedang ditayangkan di pawagam-pawagam Amerika Syarikat sudah pun bertebaran di negara kita, di Malaysia. Jadi saya rasa apa yang menjadi masalah kepada apa yang menjadi intaian ataupun cerapan oleh syarikat-syarikat antarabangsa, multinasional ialah terhadap ciplak software, dengan izin, software itu sendiri terutamanya AutoCAD, Microsoft dan sebagainya. Itu yang dilihat sebagai satu masalah yang serius oleh negara-negara tertentu dan negara-negara pengeluar atau negara-negara pemula kepada perkara-perkara tersebut. Tetapi di dalam hal ini kita lebih difokuskan kepada pembuatan. Jadi saya rasa pembuatan ini sehubungan dengan apa yang dibincangkan oleh saudara saya daripada Parit Sulong saya rasa masalahnya selepas ini dari segi hal ini ialah penguatkuasaan kerana Akta yang ada di depan kita ini saya rasa sudah cukup baik cuma mungkin kita perlu lihat dari sudut cara penguatkuasaan dan sejauh mana dengan izin, political will untuk memastikan bahawa tangkapan itu benar-benar dibuat tanpa ada dengan izin pilih kasih.

Saya rasa kalau ada – kerana di dalam negara kita dilihat banyak sudah akta-akta ini, umpamanya BPR sudah cukup baik aktanya. Umpamanya berbagai-bagai akta yang ada dalam negara kita sudah cukup baik tetapi bila sampai kepada peringkat pelaksanaannya negara kita tidak mendapat kedudukan yang baik di peringkat antarabangsa kerana dengan izin, once comes to enforcement, negara kita tidak berada di peta yang baik di kaca mata dunia. Sebab itu saya rasa dengan cadangan yang dikemukakan oleh Parit Sulong tadi ialah kita mungkin iaitu dari segi teknikalnya yakni kita berkemungkinan besar digabungkan misal kata digabungkan wakil daripada BPR bersama-sama dengan pegawai-pegawai penguatkuasaan daripada Kementerian

Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, saya rasa itu merupakan salah satu pendekatan yang baik. Tetapi saya rasa selepas ini kerajaan hendaklah benar-benar serius bagi memulakan enforcement tersebut supaya mendapat reaksi yang segera di kaca mata dunia kerana saya bimbang sekiranya kita masih lagi walaupun akta sudah diluluskan oleh Parlimen tetapi bila sampai kepada peringkat pelaksanaannya report ataupun rekod negara kita sama sepertimana rekod untuk akta-akta yang lain yang telah pun lama diluluskan oleh Parlimen dan akta tersebut dipuji dari segi *content*nya tetapi bila sampai kepada enforcementnya kita masih di tahap yang lemah. Jadi saya rasa cukup sekadar itu, jadi saya minta pihak kementerian kalau boleh memasukkan komponen yang lebih penting yakni dari sudut software-softwarenya, perisian-perisian ciplaknya. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bukit Mertajam.

12.35 tgh.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyambut baik tentang Rang Undang-undang ini untuk melindungi hak cipta tetapi saya nak sentuhkan bahagian application for licence, grant or refusal of a licence, revocation of licence, transfer of licence dan appeal.

Saya berpendapat bahawa, bahagian-bahagian ini memberi kuasa terlalu besar kepada eksekutif. Dalam application umpamanya bahawa dia tidak memberi spesifikasi-spesifikasi atau requirement bagaimana satu licence boleh diberi. Dia begitu longgar, dengan such documents or information or may be prescribed. Dalam keadaan seperti ini dia senang *diabuse*, dia buka untuk rasuah. Sesiapa minister yang ataupun controller yang dilantik oleh minister itu mempunyai kuasa yang begitu besar dan mutlak kerana akhirnya sekiranya lesen itu ditolak, dia tak perlu memberi sebab ataupun lesennya kalau mahu ditarik balik juga tidak perlu diberi apa sebabnya tetapi yang operator manufacture itu perlu memberi explanation ataupun memberi penjelasan mengapa licence itu tidak boleh ditarik balik. Ini adalah kerana di dalam application for licence, ia tak ada spesifikasi di bawah apa keadaannya licence ini boleh dikeluarkan dan ini bermakna yang pertama eksekutif diberi kuasa yang terlalu besar.

Yang kedua, tidak telus dan ini adalah keadaan untuk rasuah. Itu bermaksud sekiranya saya dilantik sebagai controller, saya yang boleh meluluskan licence, maka sekiranya adik saya, abang saya, kroni saya yang apply, saya boleh beri. Kalau yang bukan kawan saya apply, saya tak perlu beri, tak boleh keluar dan saya tak perlu beri alasan mengapa. Maka saya berpendapat bahawa untuk governance yang baik, kita perlu spesifikkan di bawah keadaan yang mana, dokumen apa yang perlu sebelum licence ini boleh dikeluarkan, kalau tidak ini akan terbuka untuk rasuah dan abuse of power.

Di bawah Appeal iaitu bahagian 18, dia katakan, dengan izin;

- (1) *Any person who is aggrieved by any decision of the Controller under this Part may appeal to the Minister in the prescribed manner within one month from the date the decision is communicated to such person.*
- (2) *The Minister may confirm, reverse or vary the decision of the Controller appealed against.*

Di dalam keadaan ini bahawa appeal itu bukan dinilai oleh sebuah badan atau sebuah jawatankuasa yang independence tetapi adalah lebih kurang sama orang yang membuat keputusan itu untuk dalam bahagian ini kerana controller ini dilantik oleh minister dan yang ketiga,

- (3) *The decision of the Minister under subsection (2) shall be final.*

Itu bermakna, sekiranya operator atau manufacturer itu tidak boleh membawa appeal beliau ke mahkamah, ini maksudnya, undang-undang ini telah take away kuasa

of the court. Ini tidak selaras dengan prinsip division of power di bawah prinsip demokrasi bahawa eksekutif, legislative dan mahkamah mesti mempunyai kuasa masing-masing. Maka saya bimbang sekiranya rang undang-undang ini diluluskan tanpa membuat pindaan, perubahan dalam seksyen-seksyen yang saya sebut ini. Maka ini akan menjadi seperti licence untuk taxi.

Kita semua tahu bahawa licence untuk taxi sekarang menjadi perniagaan *by itself*. Sesiapa yang dapat licence taxi itu boleh meniaga boleh menjual ataupun pajak kepada orang lain, ia akan menjadi seperti licence untuk lori, licence untuk bas, licence untuk tourist company kerana licence-licence ini terhad dan kelulusannya tidak telus dan terdapat orang yang nak meniaga tetapi tidak dapat licence dan mereka tidak tahu mengapa. Saya tidak tahu adakah syarat di bawah application ini juga termasuk bahawa manufacturer ini atau company ini mesti mempunyai 30% saham bumiputera. Adakah ini menjadi satu keadaan dan sekiranya ini menjadi satu keadaan, terang-terang syaratkan semua syarat mesti telus, syaratkan dalam rang undang-undang ini supaya kita mengurangkan rasuah, mengurangkan abuse of power dan begitu juga transfer of licence, minister mempunyai kuasa untuk membuat keputusan, adakah dia boleh ditransfer atau tidak, transfer kepada siapa dan bukan syarat, dengan syarat apa dia boleh ditransfer.

Saya tahu dalam Dewan ini Barisan Nasional yang mempunyai majoriti dan kami di sebelah sini ialah untuk menjalankan tugas kami untuk menunjukkan apa kelemahan dalam rang undang-undang ini. Memang Barisan Nasional boleh meluluskan apa rang undang-undang juga jika mahu tetapi sesuatu rang undang-undang ini yang diluluskan dia mesti munasabah dan dia mesti nampaknya adalah adil dan nampaknya adalah betul-betul bukan seperti yang akan dikatakan oleh sektor bisnes. Tambah satu undang-undang adalah tambah satu jalan untuk mendapat rasuah.

Saya tidak mahu kerajaan walaupun ini Kerajaan Barisan Nasional tetapi dia akan menjejaskan negara kita, nama baik negara kita. Apa-apa yang rang undang-undang yang tidak telus dia akan menjejaskan imej kita untuk menarik pelabur asing ataupun untuk menggalakkan pelaburan tempatan. Ini merupakan satu masalah yang besar dalam negara kita ini. Mengapa syer market kita turun naik, turun naik tidak pasti arahnya kerana kekurangan keyakinan pasaran dan mengapa kekurangan keyakinan pasaran kerana rang undang-undang kita tidak telus ataupun undang-undang kita, regulation kita hari ini satu macam besok ubah pula.

Maka adalah penting, kami pihak ini memang tidak boleh...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat saya ingat cukuplah, boleh alih lain tajuk.

**Puan Chong Eng:** Saya hendak tegaskan pihak di sini tidak boleh menahan sesuatu rang undang-undang untuk diluluskan walaupun rang undang-undang ini begitu buruk ataupun rang undang-undang ini jelas adalah akan terbuka untuk rasuah, untuk cronyism, untuk salah guna kuasa. Tetapi kita hendak...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Sri Gading bangun.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di Pertua, saya rasa apa yang telah diucapkan Yang Berhormat di akhir ucapan Yang Berhormat ini satu tuduhan yang jahat pada kerajaan. Kerajaan Barisan Nasional bagaimana rekodnya sentiasa bertanggungjawab kepada rakyat. Undang-undang yang dibawa ke Parlimen ini ialah untuk mengemas kini undang-undang yang mana didapati longgar dan boleh menimbulkan masalah kepada rakyat. Jadi kalau menuduh bahawa kerajaan membawa sebarang pindaan kepada undang-undang di mana-mana juga jabatan atau kementerian sebagai satu usaha untuk lebih membukakan ruang rasuah, ini satu tuduhan yang sangat jahat.

Kerajaan tidak meminda ataupun untuk mengkaji.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat tidak payah berucaplah, apa hendak tanya soalan itu terus kemukakan kepada Yang Berhormat Bukit Mertajam.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Jadi ini yang saya ingin tanyakan Yang Berhormat bahawa apa Yang Berhormat katakan itu adalah suatu yang lebih merupakan atau bermotifkan politik, iaitu saya harap dapat ditarik perhatian tentang tuduhan yang tidak benar.

**Puan Chong Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat Sri Gading tidak faham apa yang saya ucapkan di sini kerana yang saya cakap ialah sekiranya rang undang-undang ini diluluskan dengan cara sekarang dia akan terbuka untuk rasuah, untuk salah guna kuasa dan untuk menggalakkan cronyism, yang itu saya kata. Saya harap bahawa kerajaan Barisan Nasional adalah sebuah kerajaan yang bertanggungjawab supaya sekiranya ia sebuah kerajaan yang bertanggungjawab ia akan mengubah ataupun menaruh apakah syarat-syarat yang perlu untuk mengeluarkan lesen.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, apa yang Yang Berhormat kata itu saya rasa Yang Berhormat Menteri cukup faham dan beliau akan jawab nanti. Kalau ada lain boleh teruskan kalau tidak ada saya boleh benarkan kepada ahli yang lain berucap.

**Puan Chong Eng:** Saya haraplah apa yang saya kata di sini dapat perhatian dan juga diubah sebelum rang undang-undang ini diluluskan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Sipitang.

12.45 tgh.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas peluang yang diberikan untuk membahaskan Akta Cakera Optik 2000 ini. Saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada kementerian kerana melaksanakan akta ini yang mana akta ini memang betul-betul perlu dan saya menyangkal pandangan daripada Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam tadi yang menuduh kerajaan bahawa akta ini membuka ruang untuk rasuah. Undang-undang ini kita buat untuk menangani masalah bukan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat dan membuat conclusion ataupun rumusan bahawa pelaburan saham kita turun naik oleh kerana kita tidak ada ketelusan oleh kerana akta. Saya ingat Yang Berhormat tidak pandai berniaga, tidak payahlah buat keputusan tentang banyak hal-hal lain lagi yang perlu dibincangkan.

Tuan Yang di-Pertua, memang akta ini perlu untuk melindungi industri yang berkaitan terutama sekali industri IT, industri kesenian hiburan yang semakin meningkat di negara kita. Memang pada hari ini bahawa penyebaran cakera optik ini tidak boleh dihalang lagi. Ia merupakan satu keperluan yang mesti ada, mesti wujud dan boleh dikatakan setiap rumah ada menyimpan – memerlukan cakera optik ini. Oleh kerana juga dengan langkah kerajaan memberi kebenaran untuk memiliki alat-alat elektronik tanpa menggunakan lesen, misalnya masa yang lalu terpaksa membeli TV dengan membayar lesen. Sekarang ini semua alat-alat permainan elektronik ini tidak perlu ada lesen khas.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita paling strategik sebenarnya, dengan adanya industri koridor multimedia di kawasan ini jikalau ada satu akta yang boleh melindungi industri ini negara kita boleh menjadi satu pusat industri ini sebagai satu yang menarik dan boleh menjemput ataupun mempelawa pelabur-pelabur asing untuk melabur di negara kita dan memang setakat ini beberapa syarikat besar akan menjadikan rantau ini khususnya negara kita Malaysia menjadi pusat perfileman dan juga pusat hiburan yang akan dikembangkan dan tentu sekali dengan adanya pelabur ini akan menambah pertumbuhan ekonomi di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, jikalau perkara cetak rompak dan akta ini tidak dilaksanakan, perbuatan ini sebenarnya akan membantut industri ini khususnya pencipta-pencipta kita yang baik. Sebenarnya suatu ciptaan yang baik itu boleh menjadi sumber pendapatan seumur hidup bagi seorang pencipta khususnya dalam menerima royalti yang berpanjangan jikalau cetak rompak ataupun penjualan haram ini tidak berlaku. Perbuatan ini menghancurkan hak dan mematikan pendapatan pencipta yang baik itu dan juga secara tidak langsung menimbulkan ketakutan kepada pelabur ataupun mereka yang inginkan dalam industri ini. Oleh itu saya menyokong penuh akta ini dilaksanakan tetapi kerajaan mestilah prihatin iaitu, yang pertama beberapa kawalan dan penguatkuasaan mesti kita laksanakan.

Kita tidak boleh dengan hari ini kita luluskan akta rang undang-undang tetapi dari segi pelaksanaannya kita lemah. Kita harus melihat secara keseluruhan dalam industri ini dan pegawai penguat kuasa mestilah faham. Beberapa perkara perlu diambil kira. Iaitu yang pertama, bagaimana berlakunya cetak rompak dan penyebaran cakera optik ini. Perkara yang pertama yang kita lihat ialah industri yang membuat cakera kosong ini ataupun cakera optik kosong ini, pengilang dan pengimport. Ini mesti kita kawal dari segi bilangan pengeluaran mereka, berapa cakera yang dikeluarkan, berapa cakera yang diimport dan kepada siapa cakera ini akan diberikan. Kalau cakera kosong ini terlepas kepada pencetak-pencetak haram ini tentu sekali susah untuk dikawal. Oleh itu para pembeli, pengimport harus ditentukan dan perlu ada kawalan kepada mereka ini. Kemudian apabila cakera ini disimpan ataupun dibuat, pengeluarannya juga hendaklah dikawal supaya ia direkodkan dan tahu tuju hala cakera itu.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, kawalan untuk rakaman. Maksud saya di sini ialah alat-alat untuk meniplak ini. Alat-alat elektronik bukan sahaja kita boleh memberi kepada semua orang alat-alat pencetak ini secara bebas. Kita perlu mengawal alat-alat elektronik yang digunakan untuk meniplak ini ataupun merakam ini mestilah melalui Kementerian Dalam Negeri seperti juga alat-alat cetak di surat khabar, majalah ataupun sebagainya perlu ada lesen khusus tidak seperti sekarang ini, saya di rumah pun boleh membuat duplication ataupun membuat rakaman melalui cakera optik ini, seperti membuat kaset-kaset kosong dan sebagainya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Sipitang, Yang Berhormat bagi Jeli bangun.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Saya minta maaf Tuan Yang di-Pertua, apakah yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat bagi Sipitang melibatkan pencetakan luar daripada – apakah yang dibincangkan hanya khusus untuk pembuatan cakera padat itu sahaja, confine dengan izin cakera padat itu sahaja ataupun termasuk cetak rompaknya, softwrenya sekali. Ini yang digambarkan kerana apa, bagi fahaman saya kalau misal kata CD itu keluaran Sony maka tidak bolehlah Sipitang ke ataupun Jeli buat barang Sony, same CD tetapi kalau dia hendak buat keluaran Fandi ke, keluaran Yusof ke no problem macam mana maksud Yang Berhormat Sipitang ini. Saya ingat sudah masuk..

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Tidak terkeluar. Saya cakap tadi Tuan Yang di-Pertua sebagai contoh, maksud saya tadi, ini daripada Jeli rakan saya ini tidak faham. Yang kita maksudkan. Maksud kita dikawal supaya tidak terlepas kepada orang-orang tertentu. Misalnya kalau Yang Berhormat bagi Jeli beli 20,000 CD kosong tentu sekali kegunaannya yang berlainan bukan kegunaan sendiri. Tentu ada masalah-masalah lain yang diperlukan, ini maksud saya supaya dikawal dan direkodkan. Saya tidak ingin panjangkan.

Tuan Yang di-Pertua, juga kepada masyarakat. Masyarakat kita haruslah dididik dan diberi kesedaran bahawa kita mesti menggunakan barang-barang original dengan izin atau barang-barang yang asli yang mana kualitasnya baik, bukan kita membeli yang tidak baik. Jadi ini perlu diberi peringatan kepada masyarakat kita

supaya menyokong industri ini dan juga menyokong pencipta-pencipta. Ini yang saya ingin jelaskan.

Kemudian yang terakhir yang keempat bahawa unsur-unsur rasuah jikalau ada di kalangan penguat kuasa Tuan Yang di-Pertua secara langsung ataupun tidak langsung perlu dikawal kerana kalau dilihat sekarang ini kalau kita masuk kesemua kedai ataupun pasar malam tentu sekali ada cakera optik ini yang dicetak rompak dan dijual di merata-rata. Tentu sekali kalau kita ingin tahu sumber dia, kita menyiasat secara kawalan khas ataupun dengan izin special branch tentu sekali kita tahu di mana punca, siapa yang mengedar, siapa pengeluar cakera ini. Inilah yang penting dan jikalau dapat dilaksanakan perkara ini saya yakin bahawa industri ini dapat berkembang di Malaysia dan tentunya akan membangunkan lagi ekonomi negara kita. Dengan itu saya mohon menyokong.

**Tuan Nasharudin bin Mat Isa:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Selepas Yang Berhormat bagi Yan, Menteri akan menjawab, jadi Yang Berhormat bagi Yan Sila.

12.55 tgh.

**Tuan Nasharudin bin Mat Isa [Yan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat sekalian. Antara *tourist attraction* yang menjadi tumpuan kepada para pelancong khususnya di Kuala Lumpur adalah Emby Plaza dan Petaling Street. Emby Plaza dan Petaling Street menjadi tumpuan kerana di sinilah terdapat penjualan CD-CD cetak rompak dengan begitu berleluasa. Paling murah boleh dibeli dengan harga RM6.00 dan paling mahal RM12.00. Maka itu, undang-undang digital yang sedang dirangka di Malaysia masa kini terutamanya telah menghadapi era dunia tanpa sempadan, pembangunan Koridor Raya Multimedia perlulah dilihat secara lebih mendalam dan lebih teliti lagi. Penelitian dan kedalaman dalam melihat pelaksanaan ini perlulah dilihat perlulah dalam skop yang lebih meluas terutamanya dalam melihat kesannya terhadap pembangunan ekonomi di negara ini, penglibatan bumiputera dalam perniagaan yang berkaitan dengannya, pemindahan teknologi dan penguasaan teknologi digital oleh rakyat tempatan dan peranan kita dalam menguasai teknologi.

Barat sebenarnya telah melihat betapa penting mereka menguasai semua perniagaan dan semua teknologi yang berkaitan dengan teknologi maklumat. Amerika umpamanya melalui, dengan izin, *National Conference of Commissioners on Uniform State Law* telah baru-baru ini meluluskan sebuah akta yang dikenali sebagai *Uniform Computer Information Transaction Acts*, sebuah rang undang-undang yang direkacipta untuk menyatukan semua undang-undang komersial yang merangkumi perdagangan elektronik. Rang undang-undang ini sedang menunggu untuk diluluskan oleh *state legislation*, dengan izin, dan kemungkinan besar ia diluluskan adalah besar kerana mereka melihat bahawa Amerika perlu menguasai seratus peratus dunia digital, termasuklah penguasaan terhadap produk digital seperti cakera padat dan teknologi yang berkaitan dengannya.

Singapura juga melalui *Electronic Transaction Acts 1999* melalui Parlimennya telah meluluskan Akta Hakcipta, *Copyright Bill 27/1999* dengan pindaan yang antara lain untuk mengetengahkan isu mengenai hakcipta bahan dalam persekitaran digital, dengan izin, *Copyright Material in a Digital Environment*.

Kebanyakan negara di dunia telah merangka dengan penuh teliti dengan melihat kepentingan nasional terlebih dahulu dari sudut perniagaan, ekonomi, moral dan lain-lain terlebih dahulu. Ini termasuklah di Australia, Amerika dan Kanada, mereka melihat kepentingan bahawa rakyat tempatan dan negara sepenuhnya perlu menguasai teknologi ini, bukannya teknologi yang diciplak semata-mata.

Lambakan cakera padat di pasaran ketika ini sama ada yang halal atau yang haram bukanlah semata-mata disebabkan oleh peraturan atau undang-undang yang lemah sahaja, tetapi tiadanya proses pendidikan yang awal oleh pihak yang sedang memerintah terhadap buruk dan baik sesuatu teknologi dan apakah yang perlu kita

tekankan dalam penguasaan teknologi tersebut. Tiada satu badan pun sama ada Kementerian Penerangan, Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang mahu menekankan betapa pentingnya pembinaan sebuah masyarakat bermaklumat yang bersih hinggalah menyebabkan meluasnyaedaran CD berunsur seks dan lucah di pasaran.

Oleh kerana kebanyakan norma perundangan tidak beroperasi melalui aplikasi sebenar rakyat yang seharusnya bersih dari unsur lucah, kotor dan memudaratkan pemikiran, maka adalah penting supaya struktur komunikasi kerajaan yang bermaklumat itu dibetulkan. Misalnya, dalam bidang seperti percukaian dan social security, dengan izin, undang-undang beroperasi melalui satu sistem yang bersentuhan di antara kehidupan dan aktiviti kehidupan rakyat. Maka dalam rangka membentuk satu undang-undang siber yang bermatlamatkan kehidupan yang lebih baik dan sempurna dalam dunia tanpa sempadan ini, maka kerajaan perlulah melihat ke arah pembentukan masyarakat Malaysia...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, panjang lagikah?

**Tuan Nasharudin bin Mat Isa:** Tiga muka surat lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Dalam dua minit boleh habiskah?

**Tuan Nasharudin bin Mat Isa:** Saya cubakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalau boleh dua minit saya benar teruskan....

**Tuan Nasharudin bin Mat Isa:** Insya-Allah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** ....supaya menteri boleh jawab dua setengah petang nanti.

**Tuan Nasharudin bin Mat Isa:** Maka dalam rangka membentuk satu undang-undang siber yang bermatlamatkan kehidupan yang baik dan sempurna dalam dunia tanpa sempadan ini maka kerajaan perlulah melihat ke arah pembentukan masyarakat Malaysia yang bermaklumat tetapi bersih dari pencemaran kemaksiatan dan kekotoran kehidupan. Dalam kita merangka satu rang undang-undang yang berkaitan dengan penggunaan alatan digital seperti cakera padat, *Internet protocol services*, *cyber chat* dan lain-lain yang relevan dengannya, maka kerajaan perlu melihat beberapa perkara dengan mengutamakan terlebih dahulu pembentukan masyarakat Malaysia yang bersih, beragama dan bermaklumat.

Kita perlulah merangka satu rang undang-undang atau peraturan di mana kita, yakni negara akan menguasai sepenuhnya teknologi yang berkaitan dengan dunia digital ini dengan kita perlu mencontohi beberapa percubaan-percubaan di negara lain. Perundangan yang dirangka perlulah membuatkan sektor swasta lebih kompetitif di dunia. Teknologi digital perlulah dijadikan sumber keilmuan yang bukan sahaja untuk masyarakat bandar tetapi ia hendaklah sampai ke desa dan ceruk kampung.

Dalam hal hak milik pula, pembangunan multimedia perlulah melindungi pengatur cara dan pekerja mereka yang membangunkan sesuatu produk. Kita tidak mahu melalui undang-undang digital kelak hak pembangun aturcara pekerja diabaikan semata-mata kerana mereka hanyalah seorang pekerja.

Hak milik perekabentuk aturcara dalam produk digital perlulah juga diteliti supaya bukan sahaja majikan yang memiliki hakcipta sesuatu produk digital, tetapi juga dimiliki sebahagiannya oleh pekerja atau pembangun program. Oleh itu, majikan digital, dengan izin, *digital employers* perlulah peka bahawa hakcipta hak milik produk digital dalam satu bentuk perisian multimedia tidak hanya milik majikan tetapi hak pekerja atau pembangun program perlulah dilindungi sepenuhnya.

Di Australia dan Amerika misalnya, hakcipta dalam kerja yang dihasilkan pekerja dalam skop pekerjaannya dimiliki sepenuhnya oleh majikan dan ini telah menimbulkan banyak masalah di mana pembangun program telah berpindah randah atau beroperasi di rumah masing-masing yang akhirnya menghasilkan program duplikasi produk dan produk ciplakan. Akhirnya, pembangun produk digital perlulah diberikan hak moral yang dilindungi sepenuhnya oleh kerajaan.

Di bawah Rang Undang-undang Hakcipta 1997 Australia misalnya telah memastikan bahawa dua hak moral - pemilik, pengarang seperti kerja artistik, pemuzik dan filem perlulah memastikan pengarang dan pencipta asalnya di 'acknowledge'. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

*Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.00 tengah hari.*

*Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.*

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri menjawab, sila sambung.

2.32 ptg.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, pertamanya, saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian serta menyumbang kepada perbahasan Rang Undang-undang Cakera Optik 2000 dan khususnya terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Parit Sulong, Jeli, Bukit Mertajam, Sipitang dan Yan.

Yang Berhormat bagi Parit Sulong di antaranya telah pun membangkitkan isu tentang penalti di bawah Akta Cakera Optik ini, mengenai kepakaran pegawai-pegawai penguatkuasaan serta penggabungan tenaga pegawai-pegawai BPR dalam membuat operasi penguatkuasaan.

Sukacita saya menjelaskan di sini bahawa penalti yang dikenakan ataupun yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini adalah mengikut standard yang telah pun ditetapkan oleh Pejabat Peguam Negara dan juga mengambil kira contoh-contoh hukuman yang terdapat dalam undang-undang yang sama di lain-lain negara dan oleh sebab itu kita memikirkan setakat ini ia mencukupi.

Walau bagaimanapun, sekiranya penalti ini tidak dianggap cukup berat untuk membendung kegiatan cetak rompak, maka cadangan untuk memindanya mungkin bolehlah kita pertimbangkan pada masa-masa yang akan datang.

Berhubung dengan kepakaran pegawai-pegawai penguatkuasaan, kementerian saya sememangnya sentiasa berusaha untuk meningkatkan pengetahuan dan juga kepakaran pegawai-pegawai saya daripada masa ke semasa melalui kursus-kursus tertentu yang diadakan dan juga diadakan sama ada di dalam ataupun di luar negara.

Sebagaimana yang saya jelaskan dalam ucapan awal saya, kita telah pun menghantarkan ramai pegawai-pegawai kita yang akan terlibat dalam bidang ini ke Hong Kong kerana negara Hong Kong sudah pun mempunyai peruntukan undang-undang yang sama dan dilihat tindakan penguatkuasaan di sana agak berkesan untuk membendung kegiatan cetak rompak. Jadi, berdasarkan pengalaman itu, kita berpendapat ada keperluan untuk kita mempelajari daripada pengalaman mereka dan juga meningkatkan tahap profesionalisme pegawai-pegawai kita untuk melaksanakan penguatkuasaannya di sini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ketika ini pegawai-pegawai BPR tidak ditempatkan di Pejabat Penguat Kuasa. Namun demikian, dari masa ke semasa, pihak kementerian kita sememangnya mendapatkan kerjasama daripada Badan Pencegah Rasuah di mana pegawai-pegawai agensi tersebut turut serta dalam operasi-

operasi tertentu yang dijalankan termasuklah dalam soal ini, usaha untuk membanteras cetak rompak.

Pendekatan setakat ini kita dapati adalah memadaikan dalam hendak menyekat sesetengah pihak yang mungkin cuba berusaha menyogok ataupun mengamalkan amalan rasuah terhadap pegawai-pegawai yang menjalankan tugas pemeriksaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kita tidak akan menaruh sangka buruk kepada pihak pegawai penguat kuasa kerana berdasarkan kepada .....

**Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat!**

**Tuan Moktar bin Radin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, kita memang tidak menafikan bahawa dengan pengwujudan Akta Cakera Optik ini ataupun dengan penguatkuasaan yang akan dilaksanakan akan membantu Kementerian ini sekurang-kurangnya mengenal pasti dan mengenakan tuduhan-tuduhan kepada mereka yang membuat cetak rompak. Tetapi kalau kita kaji, di negara Eropah atau Amerika misalnya, pengeluaran cakera padat DVD, VCD ini harganya terlalu murah jika dibandingkan dengan negara kita.

Tidakkah Kementerian ini berkemungkinan mengkaji untuk menurunkan harga barang-barang ini supaya kalau ada cetak rompak lagi yang melakukan perkara ini tetapi harga yang asli tidak jauh bezanya dengan harga yang tiruan ini, rasa saya tidak akan berlaku lagi gejala cetak rompak ini kerana orang akan memilih yang asli kerana harganya dibandingkan dengan yang cetak rompak hampir sama.

Jadi, saya rasa Kementerian ini harus mengkaji kenapa tidak boleh diturunkan harga-harga barangan yang asli ini. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, memang perkara ini kita telah pun mengambil perhatian daripada banyak pandangan terutama daripada kalangan pengguna yang menyatakan bahawa harga barang-barang tulen ini agak terlalu tinggi berbanding dengan harga yang dijual oleh pihak pencetak rompak di pasaran.

Sebenarnya, Yang Berhormat pun tahu tidak ada kemungkinan bahawa pihak pengeluar yang tulen ini menyaingi harga pengeluar-pengeluar cetak rompak.

Walau bagaimana sekalipun, kerana perompak-perompak ini sebenarnya tidak dikenakan apa-apa bayaran ataupun lari dari bayaran cukai, tidak membayar royalti, tidak langsung mengambil kira pelbagai faktor yang biasanya terpaksa ditanggung oleh pihak pemilik hakcipta, maka oleh sebab itu, apa yang kos bagi mereka ialah pemprosesan ataupun pengeluaran cakera optik itu sahaja, yang mungkin dalam soal ini agak murah.

Tetapi bagi pihak pemilik hakcipta, mereka terpaksa menanggung banyak kos yang terpaksa ditanggung oleh pengeluar seperti contoh membayar royalti kepada pemegang hakcipta ataupun memprosesnya dengan menggunakan banyak tenaga, umpama untuk mengeluarkan sebuah filem, *Anna and The King* sebagai contoh yang baru difilemkan, RM300 juta dan kalau mereka yang mengeluarkan filem VCD cetak rompak mungkin mereka mengeluarkan harga dengan RM10 ataupun RM15. Sudah tentu dalam soal ini ia tidak akan dapat menyaingi kos pengeluaran filem yang sebenar.

Walaupun begitu, memang pandangan dari pengguna ini kita ambil kira kerana kita telah pun mengemukakan kepada pihak-pihak yang mewakili pemegang hakcipta terutamanya pengeluar-pengeluar untuk mengkaji semula struktur harga mereka dan melihat dari segi dasar harga ataupun *pricing policy*, dengan izin, supaya kalau bolehlah mereka mencari jalan mengurangkan kos dan memasarkan barangan yang tulen itu di atas kadar yang dianggap lebih rendah ataupun lebih mampu dibayar oleh pembeli.

Tetapi kerana ianya tidak dikawal oleh pihak kerajaan, inisiatif yang diambil oleh pihak Kementerian ialah setakat untuk memberikan pandangan dan nasihat dan

berdasarkan pandangan itu sudah pun terdapat beberapa buah syarikat pengeluar yang berkata mereka boleh menurunkan tetapi tidak keseluruhan industri.

Jadi, usaha seperti inilah yang wajar kita teruskan dan kita harap mungkin dengan cara begitu kesan kepada cetak rompak dapat kita kurangkan. Tetapi tidak ada jaminan bahawa ianya boleh langsung kita hapuskan selagi soal isu kefahaman orang ramai mengenai istilah harta intelek itu tidak diperluaskan.

Jadi, soal pendidikan bagi pengguna juga penting kerana pengguna mungkin mengambil satu sikap yang mudah, kalau sekiranya terdapat dua barangan, barangan yang pertama cetak rompak dijual dengan harga yang murah tetapi barang yang tulen dijual dengan harga yang mahal. Bagi mereka yang murah itu mungkin lebih baik apa lagi kerana dengan teknologi yang terkini yang dibuat oleh pencetak rompak ini begitu sekali tidak dapat perbezaan dari segi nilai ataupun kualiti barangan itu. Mereka akan memilih bahan yang dicetak rompak dan ini tentu akan membawa kesan yang agak buruk kepada pihak industri kita.

Jadi, walaupun begitu, pandangan Yang Berhormat tadi cukup baik dan ini kita akan mengambi kira dalam usaha-usaha kita untuk berunding dengan pihak pengeluar pada masa-masa yang akan datang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada seorang lagi yang bangun ya.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Tan Sri Menteri. Sebenarnya saya hendak berucap tadi, oleh kerana saya tidak ada di Dewan kerana baru sampai ke hotel.

Mengikut laporan Global Software Piracy, Malaysia boleh dikatakan negara yang tertinggi soal cetak rompak ini termasuk negeri macam China, Vietnam, Indonesia dan sebagainya, walaupun Malaysia di bawah negara-negara tersebut. Jadi, adakah dengan undang-undang yang baru ini kita berkemungkinan berjaya untuk menurunkan nisbah cetak rompak di negara ini. Itu soalan pertama.

Yang kedua Tan Sri, saya hendak bertanya fasal pandangan orang kita. Tadi Tan Sri sendiri menyebut soal awareness. Kalau seseorang itu mencuri kambing, kerbau, barang makanan dan seumpamanya, kita beri kepada orang Islam, orang Islam tidak hendak makan kambing, lembu, kerbau yang lepas dicuri itu tetapi kalau harta benda cetak rompak ini kita beli daripada pekan benda curian itu, yang dicetak rompak itu tetapi kalau orang Islam dia pandang itu dia tengok juga. Dia tidak jadi kisah – curian cetak rompak itu tidak dipandang satu benda yang haram, benda yang ditegah oleh agama.

Saya berbincang dengan ustaz soal ini. Dia kata, memang kalau benda macam kambing, lembu dan sapi itu dicuri, kata dia, benda itu haram. Jadi dengan sendirinya kalau cetak rompak ini dicuri, cakera padat dan sebagainya ini dicuri, itu pun haram juga. Jadi, kalau haram adakah orang Islam telah diberitahu yang benda ini haram dan diharamkan kepada orang Islam menggunakannya tetapi penjelasan, kita belum beri penjelasan. Adakah kementerian akan mengambil sesuatu tindakan untuk menyebarkan perkara ini kepada masyarakat umum supaya keharaman benda curian daripada konteks cetak rompak ini kita akan beritahu kepada masyarakat umum seluruhnya. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, memang dalam soal yang pertama, harapan kita apabila Parlimen meluluskan rang undang-undang ini, kita dapat kuat kuasakan, maka kedudukan kita setanding dengan negara-negara lain yang sudah pun mempunyai undang-undang seperti yang kita hendak luluskan pada hari ini. Jadi, dengan sebab itu kita boleh mengambil tindakan secara lebih berkesan kepada pihak pengeluar. Soal yang kita hadapi macam saya terangkan tadi di peringkat ini kita tidak boleh mencegah pihak pengeluar untuk mengeluarkan produk yang dikeluarkan secara tidak dilesenkan yang dikatakan cetak rompak kerana tidak ada kuat kuasa undang-undang untuk kita gunakan bagi

memberikan kesan kepada tindakan cetak rompak ini. Maka inilah yang sekarang ini kita rasa agaknya berleluasa. Jadi, dengan peruntukan baru ini kita boleh ambil tindakan yang lebih tegas. Hukuman sebagaimana yang dicadangkan agak berat dan kalau penguatkuasaan dapat kita tingkatkan ke tahap yang setanding sebagaimana yang dibuat di negara-negara yang dikatakan maju tadi, insya-Allah, saya fikir dalam tempoh dua ataupun tiga tahun masalah itu akan dapat kita atasi.

Soal kedua ini, memang benar apa yang Yang Berhormat sebutkan tadi. Kita belum lagi rujuk soal fatwa tetapi tafsirannya harta intelek ini milik pereka cipta ataupun milik karyawan dan dia ada hak untuk memastikan supaya milik ini tidak dicuri ataupun dirompak oleh pihak lain. Macam juga cerita lembu ataupun kambing tadi tetapi ini adalah satu reka cipta berdasarkan kepada kebijaksanaan inovasi dan membuat sesuatu barangan yang baru yang belum diusahakan oleh pihak yang lain. Jadi, dalam erti kata yang sebenar ia adalah satu harta milik orang lain, sebab itu ia dilindungi di bawah undang-undang hakcipta. Jadi, oleh sebab itu kalau masyarakat dijelaskan tentang kesan buruknya bukan setakat kerana ia meruntuhkan industri tetapi ia mencuri dan merompak hak orang lain, mungkin dari soal agama tentulah berdosa, maka kita boleh dapat mengurangkan masalah itu di kalangan masyarakat kita tetapi saya akui mungkin penjelasan dari perspektif itu agak tidak dibuat secara menyeluruh, walaupun saya sudah sebutkan berkali-kali. Ini cetak rompak macam kita merompak hak orang lain. Sepatutnya tidak dilakukan oleh sesiapa sahaja pun – bertentangan dari segi undang-undang dan tentulah bertentangan dari segi agama. Jadi, saya telah pun mengambil kira soal ini dan kita dalam program yang akan datang, dalam penerangan-penerangan yang kita akan aturkan, hal seperti ini dan pendekatan, penerangan seperti ini akan kita ambil kira untuk mengurangkan masalah cetak rompak ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyebutkan tadi dalam soal tindakan penguatkuasaan kita harap tidak ada sangkaan buruk kepada pegawai-pegawai kita dalam langkah yang mereka ambil kerana boleh dikatakan hampir sebahagian besar mereka itu bersikap secara telus dan bertanggungjawab dan juga beramanah. Jadi, oleh sebab itu kita harap, kita akan memberi kepercayaan kepada mereka untuk memastikan supaya mereka dapat menjalankan tugas mereka dengan tidak ada pihak yang membuat pelbagai tuduhan ataupun tohmahan yang boleh menjejaskan semangat dan motivasi mereka untuk bekerja.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Jeli telah pun membangkitkan isu di mana.....

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Kita amat memahami soal pegawai-pegawai penguatkuasaan dan saya pun tadi cakap without any malice – tanpa satu sangkaan buruk. Satu perkara yang saya agak terlupa hendak bertanya kepada pihak kementerian, iaitu penguatkuasaan adalah benda yang dijalankan berdasarkan kepada intelligence – satu maklumat yang diperolehi. Adakah pihak kementerian juga di bawah jabatan penguatkuasaannya mewujudkan satu unit perisikan bermakna yang boleh buat shuttle infiltration – bermakna dia boleh masuk ke industri atau pengilang yang disyaki terlibat dengan cetak rompak. Yang halal dia keluar pintu depan, yang dirompak dia keluar pintu belakang. Adakah kita mempunyai satu unit intelligence iaitu pengumpulan maklumat dan perisikan yang boleh memperhebatkan lagi gerakan-gerakan penguatkuasaan yang dijalankan dari masa ke semasa. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum ada unit seperti itu khusus sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Kita menggunakan pelbagai sumber maklumat yang kita kumpul, baik daripada orang ramai ataupun daripada pihak-pihak yang lain seperti polis dan badan-badan yang menerima laporan. Idea Yang Berhormat ini adalah satu yang cukup baik dan mungkin apabila kita korporatkan Bahagian Harta Intelek yang sekarang ini sedang kita lakukan, maka ada satu kelonggaran yang memungkinkan peruntukan dari segi tenaga manusia ditingkatkan dan bahagian-bahagian tertentu khususnya untuk penyelidikan dan sebagainya diwujudkan. Jadi, di peringkat ini mungkin belum dapat

dilaksanakan tetapi bila sudah sempurna dikorporatkan, saya fikir cadangan seperti itu boleh kita ambil kira.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat. Bolehkah kita dapat mengecamkan yang mana satu yang dicetak rompak, yang mana satu yang asli. Kadang-kadang yang cetak rompak itu serupa. Jadi, yang ini yang susah. Kita ini kita beli, kita ingat aslilah, kadang-kadang cetak rompak, begitulah. Adakah alat-alat untuk mengenalnya?

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Kalau Tuan Yang di-Pertua pun susah hendak mengenal pasti saya fikir orang biasa lagi susah. Saya pun kadang-kadang susah hendak mengenal pasti perbezaan antara dua tetapi kita dengan peraturan baru ini, Tuan Yang di-Pertua, di mana kita akan mengenakan beberapa syarat kepada pengeluar. Umpamanya, di dalam undang-undang ini kita cadangkan supaya ia ada kod, bila ia ada kod, maknanya kita akan kenal pasti bila dipasarkan di pasaran seperti di pasar malam dan kita syak bahawa barang ini adalah barang tiruan. Maka kita boleh uji dan menerusi maklumat yang kita akan kumpul bahawa jelas terbukti mungkin ia bukan barang asli.

Itu dari segi kitalah, dari segi penguatkuasaan. Dari segi orang ramai kita akan mengenakan beberapa cara yang boleh, visual yang boleh dilihat. Ada cadangan supaya kita menggunakan *hollowgram* sebagai contoh, yang dengan cara begitu dapat memberikan perbezaan di antara pihak pengeluar yang tidak sah, yang tidak berlesen dengan yang berlesen.

Jadi, ada beberapa langkah susulan yang saya fikir kita akan lakukan untuk memberi kemudahan bagi orang ramai membezakan yang tulen, di mana yang asli. Selain daripada itu di peringkat sekarang ini, apa yang kita gunakan menerusi sijil-sijil sah yang dikeluarkan oleh pihak-pihak seperti FINAS ataupun pihak Kementerian Dalam Negeri untuk mengatakan bahawa produk ini sudah pun diluluskan oleh pihak-pihak yang berwajib.

Jadi, kalau ada di sampul cakera optik, cakera padat itu gambar tetapi tidak ada sijil, jelas kemungkinan-kemungkinan ia tidak merupakan barang yang tulen. Jadi, itu secara mudah di peringkat ini yang dapat kita dapat gunakan untuk mengawal barangan cakera padat kita ini.

Yang Berhormat bagi Jeli telah pun membangkitkan .....

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ada satu lagi Yang Berhormat. Ya, ya.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih. Terutama sekali hendak ucap tahniahlah kepada Yang Berhormat Menteri kerana menjadi Naib Presiden UMNO. Saya cuma soalan pendek sahaja Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** [Ketawa]

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ada kemungkinan tidak masalah cetak rompak ini melibatkan orang dalam atau sindiket yang mungkin kita sukar hendak hapuskan walaupun pelbagai rang undang-undang yang telah diperkenalkan. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Itu susah kita hendak pastikan Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan-kemungkinan ada tetapi itu adalah sebagai satu orang kata andaian sahaja.

Tentu dari segi undang-undang kita boleh membuat tuduhan tertentu kecuali ada buktinya. Kadang-kadang ada juga kita dapat maklumat secara tidak rasmi mengatakan sianu-sianu terlibat tetapi dari segi undang-undang kalau tidak ada laporan yang sah dan tidak disandarkan kepada kenyataan ataupun fakta, itu hanya sebagai satu kenyataan sahaja dan kita tidak boleh ambil tindakan. Tetapi kemungkinan hal seperti itu dari masa ke semasa memang berlaku agaknya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Jeli membangkitkan isu di mana fokus Rang Undang-undang Cakera Optik 2000 ini hanya pada pembuatan dengan tidak ada tumpuan diberikan kepada bidang software dan mencadangkan supaya tindakan penguatkuasaan tidak dibuat secara pilih kasih.

Rang Undang-undang Cakera Optik 2000 ini sememangnya membuat pengawalan pengeluaran bahan cetak rompak *at source* ataupun di peringkat pengeluaran melalui pelesenan dan ia juga sememangnya merangkumi bahan-bahan software, maknanya termasuk Yang Berhormat, di dalam undang-undang ini software. Macam kempen yang kita sedang ambil tindakan sekarang ini terhadap pengguna-pengguna software yang dicetak rompak ada dekat 20,000 yang kita telah memberikan notis, itu adalah kerana ada bukti daripada pihak pemilik hak cipta mengatakan bahawa software itu sudah pun diguna secara yang haram dan tidak dapat kelulusan daripada pemegang hak cipta.

Jadi, di bawah Rang Undang-undang Hak Cipta mereka diberikan perlindungan, maka di bawah undang-undang baru ini esok kita boleh mengambil tindakan terhadap mana-mana pihak yang mengeluarkan ataupun menggunakan software dengan tidak mendapat kebenaran daripada pihak kita yang mengeluarkan lesen.

Ini yang saya sebutkan software umpamanya CDROM dan manakala kesalahan perlanggaran software ini telah pun diperuntukkan juga di bawah Akta Hak Cipta 1987.

Tuan Yang di-Pertua, dalam melaksanakan penguatkuasaan pegawai-pegawai penguat kuasa dari kementerian saya sememangnya tidak mengamalkan tindakan yang berbentuk pilih kasih dan saya akan pastikan, untuk terus pastikan supaya tindakan yang dibuat mestilah berasaskan kepada soal tanggungjawab dan kita hendak mengelakkan daripada pihak-pihak melemparkan tohmah bahawa ia dibuat hanya kerana pilih kasih pihak-pihak yang tertentu.

Yang Berhormat juga menyebutkan tentang perlunya ada *political will*, saya tidak tahulah kita telah membentangkan undang-undang pada hari ini, ini bukan satu *political will* daripada pihak kerajaan untuk membanteras apa yang kita anggap satu perbuatan yang memang jahat iaitu cetak rompak. Ini membuktikan dengan jelas bahawa kita tegas dalam hendak mengatasi masalah ini kerana kita tahu bahawa kesannya bukan soal cetak rompak dalam satu bidang sahaja tetapi negara kita pada keseluruhannya. Dari segi usaha untuk meningkatkan penggunaan IT dan juga untuk melindungi kepentingan koridor raya multimedia, kalau tidak dibuat secara bersungguh-sungguh untuk melindungi segala hasil cipta kita dan juga orang lain yang melabur di negara kita.

Maka saya kira mungkin matlamat kita untuk membangunkan negara kita dalam bidang multimedia dan IT tidak akan tercapai sebab itu ada kepentingan kita, bukan sahaja orang lain untuk kita perkenalkan dan kuat kuasa undang-undang seperti ini.

Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam telah pun membangkitkan perkara .....

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya Jeli bangun Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: .....tentang permohonan lesen.....

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya rasa bersyukur di mana Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa ianya juga melibatkan perisian tetapi bila mana kita membaca Seksyen 4, ia ada menceritakan bahawa "*Mana-mana orang yang mengilang cakera optik tanpa suatu lesen yang sah di bawah akta ini adalah melakukan satu*

*kesalahan.*” dan dirujuk kepada Jadual 1, subseksyen 2(1), Senarai Cakera Optik 1,2,3 dan 4. Jadi, kalau difahamkan daripada sini seolah-olah ianya hanya melibatkan pengilang cakera disc itu sendiri, tidak melibatkan perisian ataupun pembikinan filem-filem daripada hard disc itu. Kalau berdasar kepada ini kefahaman saya di dalam negara kita kemungkinan sekarang ini syarikat yang berkemampuan untuk mengilang ataupun membuat cakera optik itu sendiri mungkin tiga.

Jadi, apa yang difokuskan kepada akta ini ialah umpamanya Sony yang membikin laser disc tersebut dengan izin, jadi tidak ada mana-mana orang perseorangan atau syarikat lain yang boleh mengeluarkan cakera disc yang bernama Sony tetapi dia boleh menggunakan nama-nama lain, 'A, B dan C'. Saya rasa kalau difahamkan mengikut apa yang tertera di akta ini seolah-olah players yang ada dalam market untuk ditangkap tidak ramai kerana mesin untuk membikin laser disc is very expensive, dengan izin, saya ingat perlu diperjelaskan sedikit Seksyen 4 itu kerana ia mengilang maknanya. Kalau mengilang lain dengan untuk kita mencipta dan sebagainya.

Saya rasa yang itu termasuk di dalam bab Akta Hak Cipta, terima kasih.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Sudah jawab itu, dia kata sudah masuk dalam Akta Hak Cipta. Jadi, siapa yang mereka macam Sony kah, Panasonic kah, apa ini EMI dan penyanyi-penyanyi dan pengeluar filem dia menghasilkan reka ciptanya, karyanya. Itu bila dia reka cipta dan keluaran karya, itu hak dia dan hak dia secara automatik dilindungi oleh Akta Hak Cipta.

Macam Yang Berhormat kalau ada mereka satu alat ataupun ada mereka satu lagu dan sebagainya, itu hak Yang Berhormat. Jadi, secara automatik Akta Hak Cipta melindungi kepentingan Yang Berhormat. Kalau saya membuat apa Yang Berhormat buat, saya sudah mencuri harta Yang Berhormat dan dari segi hukuman memang salah dan saya boleh dihukum di bawah Undang-undang Hak Cipta. Tetapi yang kita bicarakan hari ini ialah kilang yang mengeluarkan barang itu. Yang Berhormat telah menghasilkan satu dan kilang hendak mengeluarkan. Bagaimana hendak kawal kilang itu? Ini undang-undang untuk mengawalinya dan kalau dari segi prosedurnya bermakna kalau kilang 'A', sebelum dia mengeluarkan sesuatu hasil tadi, dia mesti mohon lesen daripada dua kementerian, satu Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan kedua kementerian saya selepas undang-undang diluluskan.

Sebelum saya mengeluarkan lesen saya akan bertanya dengan syarikat A tadi sama ada dia sudah dapat atau tidak hak untuk mengeluarkan apa yang dikatakan Sony punya produk tadi. Kalau dia kata sudah, sudah bayar royalti atau belum? Ada sijil tidak? Dan kalau dia kata sudah ada sijil barulah kita benarkan dia mengeluarkan produk Sony dan sebagainya. Kalau tidak ada walaupun dia kilang, dia tidak dibenarkan dan kalau dia keluaran juga, kita boleh ambil tindakan di bawah undang-undang. Itu maksud undang-undang ini.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan. Jadi, sekarang ini umpamanya kalau ada anak Melayu atau anak Malaysia, kerana sekarang ini teknologi laser disc ataupun cakera optik ini is a common teknologilah. Sekarang ni, beli mesin sahaja, dengan izin, hanya kita beli mesin. Kalau kita beli mesin, mesin ini sudah ada standard, mungkin di Taiwan, mungkin di Jepun, sudah ada standard mesin untuk membuat laser disc itu. Cuma sekarang ini kalau misal kata orang-orang tertentu, syarikat-syarikat tertentu membeli mesin ini dan hanya memohon lesen daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mengatakan dia hendak produce laser disc, hard disc, kosong, boleh atau tidak boleh, tanpa menggunakan brand Sony, Hitachi, Fujitsu dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, mungkin Yang Berhormat, dia belum habis baca rang undang-undang ini. Faham baik-baik bahawa dalam ini dikatakan bahawa kita selepas luluskan rang undang-undang ini, kita kena adakan aturan peraturan. Pertamanya, macam sekarang

pun di bawah peruntukkan undang-undang yang sedia ada, sesiapa yang hendak mengeluarkan produk seperti ini akan mengimport mesin, katalah daripada Jepun, tetapi dia tidak boleh mengimport kecuali dia dapat surat kelulusan mengimport daripada MITI. Makna ada kawalan.

Kemudian, kalau dia sudah bawa ke sini pun, dia kena mohon lesen untuk pengeluaran, MITI akan keluarkan. Sebab itu kita sebutkan dalam perbincangan tadi ada dual license in scheme. Bila MITI sudah lulus untuk akan datang hendak mengeluarkan cakera optik ataupun seperti ini, dia kena buat permohonan kepada kita. Jadi, tidak menjadi satu perkara yang automatik, hanya kata dia sudah boleh import mesin maka besok dia boleh keluar apa sahaja dia suka. Segala-galanya mulai daripada akta ini dikuatkuasakan besok akan dikawal, bukan kalau sudah masuk mesin, pengeluarannya pun, macam dibangkitkan oleh Yang Berhormat dalam perbincangan awal tadi, juga akan dikawal.

Kalau satu kilang 'A' sudah ada lesen, sudah dikeluarkan macam-macam, berapa produk yang dikeluarkan, RM1 juta, apa bahannya, itu juga akan dikenakan lesen di mana mereka kena melaporkan kepada kita. Dia jual pada siapa, dia juga kena lapor pada kita. Berapa berbaki stok dia, kosongkah sudah berisi, dia juga kena lapor kepada kita. Jadi, inilah peruntukan yang kita masukkan dalam akta ini cukup ketat dan kita ambil ini bukan kita buat reka sendiri-sendiri sahaja, kita ambil pengalaman daripada negara seperti Hong Kong dan banyak negara lain, di mana dengan peruntukan seperti ini, pihak yang hendak merompak hasil reka cipta ataupun karya dan juga hak cipta ini tidak boleh melakukan sebagaimana mereka sedang melakukan sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 6, Rang Undang-undang Cakera Optik 2000 ini hanya menggariskan secara am proses-proses yang perlu dibuat apabila suatu lesen itu dipohon. Manakala butir-butir yang terperinci berkenaan dengan dokumen yang perlu dikemukakan serta juga kriteria dan prosedur memohon lesen akan ditetapkan melalui peraturan-peraturan yang sedang pun digubal oleh pihak kementerian. Ini juga menokok apa yang saya telah sebutkan di peringkat awal tadi.

Mengenai dengan Seksyen 18.3 walaupun memperuntukkan bahawa rayuan yang ditentukan oleh Menteri adalah muktamad tetapi mana-mana pihak yang tidak berpuas hati sebenarnya boleh memfailkan kes mereka ataupun rayuan tersebut ke Mahkamah Tinggi melalui saman 'formula' yang mana prosedurnya ditetapkan oleh pihak mahkamah. Jadi, bermakna kalau ada pihak tidak bersetuju dengan keputusan saya, menteri yang berkenaan, maka ada lagi satu *avenue* untuk membuat rayuan iaitu ke mahkamah, bukan suatu keputusan yang dikatakan tidak boleh dibawa ke muka mahkamah yang ada.

Yang Berhormat bagi Sipitang pula telah pun mengemukakan isu berkenaan dengan kawalan pengeluaran cakera optik oleh pihak pengilang termasuk jumlah kuantiti cakera optik yang dikeluarkan. Sebagaimana yang saya telah pun jelaskan tadi bahawa Seksyen 55 Akta Cakera Optik ini telah pun memberikan kuasa kepada kementerian untuk memperolehi maklumat mengenai jumlah pengeluaran dari pengilang dan sebagainya. Beliau juga turut menyatakan bahawa langkah-langkah yang diambil bagi mengawal import, termasuk mesin-mesin digunakan untuk pembuatan produk cakera optik. Sebagaimana yang telah pun saya sebutkan tadi, mesin yang diimport oleh pengilang dikawal oleh pihak MITI dan juga oleh pihak Kastam dan Eksais di Raja di mana pengimportan mesin-mesin tersebut memerlukan AP. Walau bagaimanapun, mesin-mesin seperti alat rakam radio yang digunakan di rumah secara persendirian, ini tidak dikawal di bawah akta ini.

Untuk makluman Dewan juga bahawa bahan mentah untuk mengeluarkan produk cakera optik ini iaitu yang dipanggil poly-carbonate juga dikawal pengimportannya oleh pihak kerajaan dan kita sedang menyediakan satu aturan-peraturan tentang cara barang itu akan dibenarkan import iaitu dengan mengenakan AP bagi pihak syarikat yang berminat untuk cakera padat .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada yang bangun.

**Tuan Ng Lip Yong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, penjelasan sahaja. Yang Berhormat Menteri, tujuan kerajaan membentangkan akta ini sangat jelas iaitu kita hendak memberi perlindungan kepada harta intelek. Tetapi saya ingin hendak tanya mengapa akta ini spesifik kepada sesuatu teknologi sahaja iaitu teknologi cakera optik dan laser sahaja. Oleh sebab perkembangan teknologi yang pesat ini mungkin pada masa depan kita akan ada teknologi yang baru, inovasi baru. Apabila kita ada teknologi baru, ini bermakna kita mesti ada akta yang baru. Bolehkah kita ada satu akta yang boleh dikatakan tidak tergantung kepada teknologi tertentu atau dengan izin, technology neutral. Sekian, terima kasih.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Berdasarkan pengalaman yang ada sekarang di negara-negara yang saya sebutkan sudah memperkenalkan akta ini memang kita mengambil kira menerusi sistem ataupun teknologi pengeluaran masa kini. Mungkin kita tidak dapat menafikan kalau waktu-waktu akan datang akan ada perubahan tentang cara atau bahan yang dikeluarkan oleh teknologi seperti ini akan bertambah lagi. Jadi, walaupun begitu kita akan melihat kalau sekiranya keperluan di masa akan datang membuat pindaan kepada rang undang-undang ini tanpa melibatkan kita memperkenalkan undang-undang yang baru, itu juga kita akan kaji dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Yan telah pun membangkitkan aspek berhubung dengan kawalan keluaran barangan elektronik. Mengenai aspek ini, kementerian saya daripada masa ke semasa telah pun mengikuti perkembangan di peringkat antarabangsa berkenaan dengan harta intelek yang melibatkan penggunaan peralatan elektronik. Sehubungan dengan ini, dalam tahun 1997, kementerian telah pun membawa ke Parlimen untuk meminda Akta Hakcipta untuk memasukkan peruntukan yang berkenaan dengan multimedia dan ia telah pun dikuatkuasakan sekarang ini. Kementerian juga sedang bekerjasama dengan Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia untuk memasukkan peruntukan-peruntukan yang berkenaan penggunaan komputer dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-Yang Berhormat yang telah pun mengemukakan banyak pandangan dan cadangan .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun Yang Berhormat.

**Dato' Haji Zulhasnan bin Rafique [Wangsa Maju]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada soalan sedikit kepada Yang Berhormat Menteri. Saya hendak sentuh sedikit dengan bahagian penguat kuasa. Dalam suatu siaran akhbar, saya ingat Utusan Malaysia 14 Februari 2000, Yang Berhormat Menteri berkata bahawa kementerian tersebut sedang mengumpul dana khusus untuk membiayai kempen membanteraskan kegiatan cetak rompak cakera optik dan setakat ini industri yang terbabit sudah pun memberikan pengakuan akan menyumbang antara RM1.5 atau RM2 juta setahun kepada dana tersebut. Sehubungan dengan ini, saya ingin bertanya apakah tujuan utama pengumpulan dana tersebut dan siapakah yang akan mengelolakan dana tersebut. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, memang sebenarnya kita sedang melancarkan secara besar-besaran kempen kesedaran dan juga penerangan berhubung dengan cetak rompak ini dan juga harta intelek ini di seluruh negara dan untuk itu sebenarnya kita meminta pihak industri memainkan peranan. Kerana dalam undang-undang Hakcipta sebenarnya mereka boleh mengambil tindakan kerana undang-undang itu melindungi kepentingan mereka untuk menguatkuasakan atau bertindak kepada pihak-pihak yang berkenaan kalau ada yang melanggar peruntukkan undang-undang.

Jadi, peranan sepatutnya dimainkan secara utamanya mereka sendiri, tetapi kerana kita bekerja dalam konteks persyarikatan Malaysia maka kita minta supaya

urusan untuk berkempen itu dapat dibuat secara bersama-sama. Jadi, sebagaimana Yang Berhormat telah sebutkan mereka telah menyatakan persetujuan, walaupun sebenarnya peruntukan itu tidak besar RM1 juta, RM2 juta, itu adalah peruntukan yang agak kecil tetapi di peringkat awal itu yang telah pun mereka peretujui tetapi peruntukkan itu adalah di dalam tabung mereka sendiri tetapi dibuat di bawah rangka kerja jawatankuasa bertindak hak cipta yang saya pengerusikan di kementerian. Jadi, wang itu kita tidak sentuh tetapi peruntukannya dikeluarkan menerusi tabung di bawah persatuan yang mereka jadi anggota.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin akhirnya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dan juga membuat pandangan dan teguran, banyak yang mengemukakan pandangan yang baik dan insya-Allah cadangan-cadangan yang telah pun dikemukakan tadi akan kita ambil kira dalam penguatkuasaan undang-undang yang akan diluluskan di Parlimen ini insya-Allah. Saya ucapkan terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 hingga 57** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Jadual 1** diperintahkan jadi sebahagian Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG BADAN-BADAN BERKANUN (TATATERTIB DAN SURCAJ) 2000**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**3.15 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Bernard Giluk Dompok]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya satu Rang Undang-undang bernama Rang Undang-undang Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 diwujudkan dengan tujuan untuk mengadakan satu peraturan tatatertib dan surcaj yang seragam yang boleh digunakan oleh semua badan-badan berkanun persekutuan. Kerajaan pada dasarnya telah lama menetapkan supaya semua badan-badan berkanun mengadakan peraturan tatatertib dengan cara menerima pakai peraturan tatatertib yang digunakan oleh Perkhidmatan Awam Persekutuan iaitu Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan Peraturan-peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1993 tanpa mengubah ciri-ciri utama peraturan tatatertib berkenaan.

Ini adalah bertujuan untuk mewujudkan satu peraturan tatatertib yang seragam di antara Perkhidmatan Awam Persekutuan dengan Badan-badan Berkanun Persekutuan. Walaupun ketetapan ini telah dibuat sejak tahun 1987, sehingga kini pemakaian peraturan tatatertib yang seragam masih belum dapat dilaksanakan. Di samping ini, Rang Undang-undang ini juga bertujuan untuk memastikan supaya setiap

badan-badan berkanun mempunyai peraturan tatatertib masing-masing yang sah dan boleh dipertahankan dari segi undang-undang supaya ianya berupaya menangani masalah salah laku dan segala bentuk penyelewengan di badan-badan berkanun berkenaan.

Ketiadaan peraturan tatatertib yang lengkap dan teratur dan sah dari segi undang-undang telah banyak menimbulkan masalah dalam menangani salah laku disiplin di kalangan pegawai badan-badan berkanun yang berkenaan. Peraturan-peraturan tatatertib yang tidak teratur dan sah dari segi undang-undang juga boleh membawa kepada implikasi berikut:

- (i) Badan-badan berkanun tidak dapat menguat kuasa dan mengenakan hukuman ke atas kakitangan yang melakukan kesalahan tatatertib seperti rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan, tidak menjalankan tugas dan ingkar perintah. Akibatnya imej badan-badan berkanun berkenaan terjejas kerana masalah salah laku pegawainya tidak dapat ditangani dengan berkesan.
- (ii) Ketidakteraturan dalam membuat peraturan tatatertib di kalangan badan-badan berkanun berkenaan telah menyebabkan kesukaran dari segi pentadbiran seperti permasalahan tafsiran dan penguatkuasaan undang-undang. Walaupun asas-asas dan tujuan penubuhan badan-badan berkanun adalah berbeza dengan perkhidmatan awam tetapi peruntukan belanjawan badan-badan berkanun adalah disediakan oleh kerajaan. Oleh itu adalah wajar kawalan disiplin ke atas pegawai-pegawai badan-badan berkanun dengan anggota perkhidmatan awam persekutuan dibuat melalui satu peraturan tatatertib yang seragam.
- (iii) Oleh kerana terdapat badan-badan berkanun yang mempunyai peraturan tatatertib yang tidak jelas dan tidak dapat dipertahankan dari segi undang-undang maka terdapat beberapa kes tatatertib yang sukar dipertahankan di mahkamah. Akibatnya pegawai yang sebenarnya bersalah terpaksa diambil berkhidmat semula dan ini sudah tentu merugikan kerajaan dan menjatuhkan imej badan-badan berkanun berkenaan.
- (iv) Pegawai badan-badan berkanun yang dikenakan tindakan tatatertib tidak mempunyai peluang untuk merayu dan ini telah mengetepikan prinsip hak keadilan asasi kepada mereka. Permasalahan ini bertambah serius apabila ada badan-badan berkanun yang memberi peluang merayu tetapi ada pula yang tidak memberi peluang tersebut kepada pegawainya.
- (v) Wujud ketidakseragaman dari segi cara penamatan perkhidmatan demi kepentingan awam di mana ada badan-badan berkanun mempunyai peruntukan sedemikian dan ada yang tidak mempunyai peruntukan sedemikian.

Di samping itu ketidakseragaman peraturan tatatertib mewujudkan layanan yang berbeza di antara pegawai-pegawai badan-badan berkanun yang berkenaan padahal dari segi prinsipnya, badan-badan berkanun berkenaan mempunyai persamaan dari segi pengurusannya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk membolehkan badan-badan berkanun dapat mengguna pakai peraturan-peraturan tata tertib perkhidmatan awam, badan-badan berkanun berkenaan hendaklah menentukan terlebih dahulu bahawa dalam Akta Perbadanan Badan-badan Berkanun itu mempunyai satu peruntukan yang jelas bagi membolehkan satu peraturan tata tertib yang seragam diadakan. Badan-badan berkanun juga perlu mengubahsuai di mana yang perlu seperti nama peraturan, gelaran jawatan dan lain-lain ungkapan dan istilah tertentu supaya selaras dengan struktur organisasi badan-badan berkanun yang berkenaan. Peraturan yang telah diubahsuai itu hendaklah mendapat kelulusan Lembaga Pengarah dan seterusnya persetujuan Menteri yang berkenaan untuk diwartakan.

Jabatan Perkhidmatan Awam telah membuat kajian ke atas 71 buah badan-badan berkanun persekutuan dan mendapati terdapat beberapa masalah dan ketidakseragaman peraturan-peraturan tata tertib yang digunakan oleh badan-badan berkanun. Berdasarkan kepada hasil kajian tersebut, kedudukan pemakaian peraturan tata tertib badan-badan berkanun persekutuan boleh dibahagikan kepada tiga kategori:

Kategori pertama – badan-badan berkanun yang mempunyai peruntukan peraturan tata tertib yang jelas dan telah menerima pakai Peraturan-peraturan Pegawai Awam 1993 secara teratur. Sebanyak 18 buah badan-badan berkanun termasuk dalam kategori pertama ini.

Kategori kedua - badan-badan berkanun yang tidak mempunyai peruntukan yang jelas khusus dalam akta perbadanan masing-masing bagi membolehkannya untuk mengadakan peraturan tata tertib bagi badan-badan berkanun berkenaan. Terdapat juga badan-badan berkanun yang mengguna pakai Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tata tertib) 1993 tanpa membuat apa-apa pindaan dan ubahsuai terhadap peraturan tata tertib berkenaan bersesuaian dengan status dan kedudukan badan-badan berkanun berkenaan.

Didapati juga ada peraturan tata tertib yang diguna oleh badan-badan berkanun yang diwartakan dan ada yang tidak diwartakan. Ada juga peraturan tata tertib yang tidak diselaraskan dengan Sistem Saraan Baru. Mengikut kajian Jabatan Perkhidmatan Awam didapati terdapat 23 buah badan-badan berkanun yang termasuk dalam kategori ini.

Dalam kategori ketiga terdapat sebanyak 34 buah badan-badan berkanun persekutuan yang tiada langsung mempunyai peraturan tata tertib. Badan-badan berkanun berkenaan tidak dapat untuk mengambil apa-apa tindakan tata tertib ke atas mana-mana pegawai dan kakitangannya yang didapati terlibat di dalam sebarang salah laku dan juga penyelewengan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengatasi masalah yang timbul hasil daripada ketiadaan peraturan tata tertib dan juga pemakaian peraturan tata tertib yang tidak seragam, maka perlulah diwujudkan satu akta yang membolehkan badan-badan berkanun menggunakan satu peraturan tata tertib yang seragam dan sah dari segi undang-undang yang berasaskan kepada Peraturan-peraturan Pegawai Awam 1993 yang sedang digunakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

Akta yang dicadangkan ini adalah digubal dengan menggunakan kaedah yang terdapat dalam Akta Statutory and Local Authorities Pensions Act 1980 dan Statutory Bodies (Account and Annual Report) 1980 di mana mengikut kadar ini, semua badan-badan berkanun persekutuan dikehendaki mengguna pakai peraturan-peraturan yang terdapat di dalam akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, akta yang dicadangkan ini dinamakan Akta Badan-badan Berkanun (Tata tertib dan Surcaj) 2000 yang mengandungi 7 bahagian dan 29 Fasal semuanya. Izinkan saya memberi huraian ringkas bahagian-bahagian berkenaan serta menyentuh dan menjelaskan beberapa peruntukan yang penting.

Bahagian I rang undang-undang ini memperkatakan perkara-perkara permulaan. Fasal 1 dalam Bahagian ini mengandungi tajuk ringkas dan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 memperkatakan ruang lingkup akta yang dicadangkan. Akta yang dicadangkan tidak akan terpakai bagi badan berkanun yang skim saraannya telah diasingkan.

Fasal 3 menyatakan hubungan antara akta yang dicadangkan dengan undang-undang persekutuan yang di bawahnya sesuatu badan berkanun diperbadankan.

Fasal 4 mengandungi takrif istilah-istilah tertentu yang digunakan dalam rang undang-undang ini.

Dalam Bahagian II rang undang-undang ini memperkatakan beberapa perkara yang berhubung dengan peraturan-peraturan tata tertib. Fasal 5 memperuntukkan bahawa peraturan-peraturan yang dinyatakan dalam Jadual kedua adalah terpakai berkenaan dengan tata tertib pegawai-pegawai semua badan berkanun.

Fasal 6 mengadakan peruntukan bagi penubuhan pihak-pihak berkuasa tata tertib yang akan mempunyai bidang kuasa tata tertib ke atas pegawai-pegawai sesuatu badan berkanun.

Fasal 7 memperkatakan rayuan oleh seorang pegawai yang telah didapati bersalah atau satu kesalahan tata tertib oleh satu pihak berkuasa tata tertib badan-badan berkanun.

Fasal 8 mengadakan peruntukan bagi prosiding tata tertib berkenaan dengan Ketua Pengarah atau timbalannya jika mereka dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong ataupun Menteri.

Bahagian III rang undang-undang ini mengandungi peruntukan-peruntukan tentang penamatan demi kepentingan awam perkhidmatan seseorang pegawai sesuatu badan berkanun. Fasal 8 dan 9 bertujuan untuk memberi sesuatu badan berkanun kuasa untuk menamatkan perkhidmatan seseorang pegawai badan berkanun jika setelah mengambil kira syarat-syarat perkhidmatannya kerja, kelakuan dan kebergunaan pegawai itu, badan berkanun itu berpuas hati bahawa adalah wajar perkhidmatan pegawai itu ditamatkan demi kepentingan awam.

Fasal 11 menghendaki badan berkanun memberi pegawai yang perkhidmatannya hendak ditamatkan oleh badan berkanun itu demi kepentingan awam, peluang untuk didengar.

Fasal 12 memperuntukkan bahawa penamatan sedemikian bukanlah pembuangan kerja. Seseorang pegawai boleh juga dikehendaki bersara di Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun Dan Tempatan 1980. Ini diperuntukkan dalam Fasal 13.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian IV rang undang-undang ini mengadakan peruntukan bagi pengenaan surcaj ke atas pegawai-pegawai dan bekas pegawai-pegawai sesuatu badan berkanun. Fasal 14 menyatakan alasan-alasan bagi pengenaan surcaj, manakala Fasal 16 mengadakan peruntukan bagi pengenaan surcaj. Cara bagaimana surcaj itu boleh didapatkan adalah dinyatakan dalam Fasal 20.

Fasal 19 menghendaki tiap-tiap surcaj yang dikenakan ke atas seseorang pegawai dicatatkan dalam rekod perkhidmatannya. Pengenaan surcaj ke atas seseorang pegawai tidak akan menghalang permulaan apa-apa tindakan tata tertib terhadapnya. Ini diperuntukkan dalam Fasal 22.

Pegawai yang akan disurcaj hendaklah diberi peluang untuk didengar dan hendaklah diberitahu secara bertulis mengenai keputusan untuk mengenakan surcaj ke atasnya. Ini diperuntukkan dalam Fasal-fasal 15 dan 17.

Fasal 18 membenarkan penarikan balik surcaj.

Di bawah Fasal 21 jika apa-apa tindakan bagi surcaj diambil bagi Ketua Pengarah sesuatu badan berkanun, keanggotaan Lembaga atau badan berkanun itu bagi maksud tindakan itu tidak boleh termasuk Ketua Pengarah itu sendiri.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)  
*mempengerusikan Mesyuarat*]

Bahagian IV rang undang-undang ini mengandungi kuasa Perdana Menteri dan kuasa Menteri berhubung dengan badan berkanun yang baginya dia bertanggungjawab. Fasal 23 memberi Perdana Menteri kuasa untuk meminda Jadual-jadual.

Fasal 24 dan 25 memberi Menteri kuasa untuk mengeluarkan arahan-arahan kepada sesuatu badan berkanun bagi maksud memastikan bahawa badan berkanun itu mematuhi peruntukan-peruntukan akta yang dicadangkan ini dan dengan persetujuan Perdana Menteri untuk mengecualikan mana-mana badan berkanun daripada mana-mana peruntukan Jadual Kedua atau Jadual Ketiga atau untuk mengubah mana-mana peruntukan dalam Jadual Kedua atau Jadual Ketiga dalam pemakaiannya bagi sesuatu badan berkanun.

Bahagian VI Rang Undang-undang ini mengandungi Fasal 26 yang memanjangkan perlindungan dalam Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 kepada badan berkanun dan anggota, pegawai, pekhidmat dan ejennya, dan Fasal 27 yang membenarkan sesuatu badan berkanun mengeluarkan arahan pentadbiran berhubung dengan kelakuan dan tatatertib pegawai-pegawai dan tatacara bagi penganan surcaj.

Bahagian VII Rang Undang-undang mengadakan peruntukan bagi keterhentian pemakaian peruntukan-peruntukan tertentu dalam undang-undang yang memperbadankan sesuatu badan berkanun dan perkara-perkara kecualian dan peralihan.

Fasal 28 turut memperuntukkan bahawa peruntukan-peruntukan dalam undang-undang yang memperbadankan sesuatu badan berkanun mengenai tatatertib, penamatan demi kepentingan awam dan surcaj hendaklah terhenti terpakai bagi badan berkanun itu sebaik sahaja akta yang dicadangkan ini pula berkuat kuasa.

Fasal 29 memperuntukkan bahawa apa-apa prosiding tatatertib yang masih belum selesai di hadapan pihak berkuasa tatatertib atau pihak berkuasa rayuan yang berkenaan yang ditubuhkan di bawah undang-undang yang memperbadankan sesuatu badan berkanun pada permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan hendaklah diteruskan mengikut peruntukan-peruntukan undang-undang itu. Walau bagaimanapun jika ada suatu kesalahan tatatertib dilakukan sebelum permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan, pegawai yang berkenaan bolehlah memilih untuk perkara itu diuruskan di bawah undang-undang pemerbadanan itu atau akta yang dicadangkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya penggubalan Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 yang dicadangkan ini adalah berdasarkan prinsip yang terdapat dalam Peraturan-peraturan Pegawai Awam 1993 dan Peraturan-peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1993 dengan beberapa ubahsuaian. Di antara beberapa perkara yang diperkenalkan dalam akta baru ini ialah:

- (i) peraturan mengenai surcaj;
- (ii) tamatan perkhidmatan demi kepentingan awam;
- (iii) penubuhan Jawatankuasa Tatatertib dan Jawatankuasa Rayuan Tatatertib serta bidang kuasanya;
- (iv) peraturan-peraturan tatatertib dan;
- (v) tatacara rayuan.

Peraturan tatatertib yang seragam ini diharap dapat membantu semua badan-badan berkanun persekutuan dalam melaksanakan urusan tatatertibnya dengan cara yang teratur dan sah dari segi undang-undang. Badan-badan berkanun tidak perlu lagi menggubal peraturan-peraturan tatatertib secara berasingan yang akan mengambil masa yang panjang dan akan juga melibatkan kos yang tinggi. Penggunaan satu peraturan tatatertib yang seragam dan teratur di semua badan-badan berkanun bukan sahaja dapat menyelesaikan masalah pelanggaran tatatertib di kalangan pegawai badan-badan berkanun yang berkenaan tetapi dapat juga mewujudkan pegawai yang berdisiplin dan produktif. Pihak pengurusan pula boleh menumpu sepenuh tenaga dalam usaha-usaha untuk mencapai matlamat penubuhan badan-badan berkanun tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, siapa menyokong?

**Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dr. Tiki anak Lafe]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, terima kasih.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengan tatatertib dan penganan surcaj ke atas pegawai-pegawai badan berkanun yang diperbadankan oleh undang-undang persekutuan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Saya minta ini dahulu. Ya, daripada ....

**Tuan Lee Kah Choon:** Jelutong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sila.

3.35 ptg.

**Tuan Lee Kah Choon [Jelutong]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap berkaitan dengan Rang Undang-Undang Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan Rang Undang-undang yang mengemukakan tatakelakuan iaitu code of conduct untuk pegawai-pegawai badan-badan berkanun supaya profesionalisme yang lebih tinggi boleh di'instill', dengan izin, ke dalam badan-badan berkanun. Akan tetapi kita juga mesti berjaga-jaga supaya Rang Undang-undang ini tidak disalahgunakan hingga ia menurunkan moral pegawai-pegawai dan keberanian mengambil inisiatif dalam urusan harian mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa tidak berapa senang hati ke atas beberapa perkara yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini dan saya harap kementerian yang berkenaan dapat mengkaji implikasi-implikasinya. Yang pertama iaitu berkaitan dengan Bahagian III Rang Undang-undang ini. Di bawah Bahagian ini, seseorang pegawai boleh ditamatkan kerja demi kepentingan awam. Tetapi apakah definisi kepentingan awam ini tidak diterangkan? Apakah ujian, testnya, adakah ujian ini objektif atau subjektif? Iaitu kepentingan awam dari pendapat siapa. Saya rasa satu definisi kepentingan awam yang jelas adalah sangat penting kerana di bawah Fasal 10 undang-undang ini, seseorang boleh ditamatkan demi kepentingan awam walaupun tiada prosiding tatatertib telah dijalankan di bawah akta ini. Walaupun Fasal 10 ada memperuntukkan bahawa penamatan perkhidmatan bukanlah pembuangan kerja tetapi orang awam tidak dapat bezakan penamatan perkhidmatan dan pembuangan kerja. Dalam fahaman orang awam, seseorang dihentikan kerja kerana dia telah melakukan sesuatu yang salah.

Yang kedua, adalah diperuntukkan di bawah Rang Undang-undang ini keanggotaan Jawatankuasa Rayuan adalah dipengerusikan oleh menteri dan dua orang anggota yang dilantik oleh beliau. Walaupun ada diperuntukkan sebelum lembaga membuat keputusan untuk menamatkan perkhidmatan seseorang pegawai, lembaga hendaklah memberi pegawai itu peluang untuk didengar iaitu the right to be heard. Tetapi masalahnya komposisi lembaga adalah nampaknya, walaupun tidak semestinya, berat sebelah kerana ia adalah terdiri dari pegawai-pegawai tinggi kementerian berkenaan.

Untuk mencegah undang-undang ini disalahgunakan saya bercadang beberapa safeguards sepatutnya diadakan:

Safeguard yang pertama, keputusan Jawatankuasa Rayuan Tatatertib tidak harus muktamad seperti yang diperuntukkan di bawah Rang Undang-undang ini. Saya rasa keputusan Jawatankuasa Rayuan Tatatertib sepatutnya boleh dirayu ke Mahkamah Tinggi dan seterusnya.

Safeguard yang kedua, komposisi Jawatankuasa Rayuan Tatatertib harus diperbesarkan supaya sekurang-kurangnya dua orang anggota dari persatuan pekerja dapat menyertai jawatankuasa tersebut secara automatik. Ini akan menentukan ujian kriteria kepentingan awam adalah lebih menyeluruh dan lebih objektif.

Itu sahaja pendapat saya dan saya harap kementerian yang berkenaan dapat mengambil perhatian di atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Batang Lupar.

3.29 ptg.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebelum itu ingin memuji pihak kerajaan dan kementerian kerana telah mengambil tindakan yang tegas untuk menyeragamkan undang-undang di bawah mana pegawai-pegawai badan-badan berkanun boleh dibawa ke hadapan penghakiman disiplin. Ini adalah langkah yang bijak, langkah yang amat betul sekali kerana kita tidak hendak tiap-tiap badan-badan berkanun mempunyai garis panduan berasingan dan pendapat-pendapat yang berasingan.

Di samping kita mengadakan garis panduan disiplin ini dan undang-undang berhubung dengan disiplin ini, saya ingin juga bertanya kepada pihak Tan Sri Menteri iaitu dua tiga persoalan dahulu, berapa banyakkah badan berkanun persekutuan yang boleh mengguna pakai Undang-undang Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 ini. Dan saya juga ingin mengetahui yang kedua, berapa banyakkah pekerja-pekerja dalam badan-badan tersebut – jumlah semua badan. Dan adakah di antara badan-badan berkanun ini yang telah tidak berfungsi ataupun tidak berfungsi mengikut matlamatnya dan adakah cadangan kerajaan untuk membubarkan badan-badan berkanun yang tidak ada, maknanya sudah *obsolete*, sudah mencapai matlamatnya ataupun matlamat tidak tercapai oleh kerana tidak berfungsi.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat soalan disiplin sebagai satu soalan yang amat penting sekali. Yang pentingnya soalan disiplin ialah untuk kita meningkatkan sebagaimana yang Yang Berhormat Menteri sendiri yang sebut tadi, profesionalisme dalam badan-badan tersebut. Jadi dengan adanya disiplin ditegakkan dengan sendirinya profesionalisme, etika, tatacara menjalankan tugas-tugas mereka akan dapat dipertingkatkan, dan apabila pegawai mendapat satu garis panduan yang tertentu kita berharap pegawai-pegawai ini boleh menjalankan tugas mereka dengan baik. Tetapi dalam masa yang sama sebagaimana kawan saya bagi Jelutong tadi menyebutkan kita juga bimbang supaya kita takut iaitu undang-undang ini disalahgunakan terutama sekali pada peringkat awal pelaksanaan undang-undang ini sendiri. Kerana saya percaya tidak semua badan-badan berkanun ini mempunyai kepakaran mengurus soalan tatatertib. Bahkan ada badan-badan yang tertentu yang dianggapkan memang

mempunyai kepakaran untuk menguruskan tatatertib umpamanya askar dan polis juga tidak berkemampuan menguruskan disiplin di bawah peruntukan-peruntukan yang tertentu di dalam jabatan mereka sendiri dan ini berlaku apabila seseorang pegawai dibawa ke hadapan disiplin dan perkara ini dibicarakan di hadapan seorang pegawai atau pun jawatankuasa yang tertentu telah dilantik mengikut undang-undang yang tertentu. Dan perbincangan itu di atas pegawai, walaupun pegawai ini kanan agaknya tetapi dari segi pengalaman dan pengetahuan undang-undangnya mungkin tidak ada.

Soal disiplin, soal menegakkan betul atau salah, keadilan dan sebagainya adalah soal undang-undang. Jadi, kalau pegawai yang mendengar satu-satu kes itu tidak mempunyai latar belakang dan pengalaman ataupun pengetahuan undang-undang dengan sendirinya ada berkemungkinan keadilan tidak akan tercapai. Bukan sahaja keadilan kepada pegawai tetapi juga kepada jabatan itu sendiri. Kadang-kadang ada pegawai yang duduk sebagai pegawai disiplin ini telah mempunyai satu minda, minda sebagai apa yang dikatakan, dengan izin prosecution minded, dia mencari kesalahan, bukan mencari kebenaran dan keadilan, jadi ini selalu dibimbangkan.

Jadi, dalam keadaan yang sedemikian, saya dari awal-awal lagi apabila undang-undang ini hendak dibawa ke Dewan ini. Saya menyebut satu perkara iaitu pengadilan di hadapan jawatankuasa dilantikkan di bawah undang-undang ini hendaklah dibuat sebagaimana yang dibuat di mahkamah, iaitu selepas umpamanya kalau seseorang pegawai diberi satu surat untuk memberi satu penjelasan dan penjelasannya kadang-kadang pegawai saya telah melihat tak kurang daripada 50 surat-surat macam ni sebagai seorang pengamal undang-undang, melihat surat-surat untuk penjelasan ini sentiasa pegawai-pegawai kerajaan ataupun badan-badan mana sekalipun melainkan orang itu seorang peguam. Ulasan mereka, saya ni ada isteri dua, anak sepuluh, saya dah kerja dengan kerajaan 20 tahun, saya taat dan setia, sekarang ini saya buat kesalahan, saya minta maaf, pertimbangkanlah.

Ini bukan menunjukkan dia tidak melakukan kesalahan. Dengan perkataan sedemikian dia telah mengaku dirinya bersalah. Apa yang dipinta ialah dimaafkan. Tetapi sebagai pandangan undang-undang lain, peguam lain, dia pandang pertama, dia katakan dia tidak bersalah daripada garis panduan undang-undang, kerana undang-undang kita yang kita amali di negara kita ini dua perkara. Satu, salah daripada hakikat kebenarannya. Yang kedua salah dari segi pandangan undang-undang itu sendiri, ada dua perkara kesalahan. Jadi kadang-kadang apabila pegawai atasan, pegawai disiplin menerima surat rayuan yang sedemikian, dia dengan begitu saja dia mengata orang ini sudah mengaku salah. Persoalannya berbangkit daripada dia ialah apa hukuman saja yang nak diturunkan kerana di sini telah menentukan, hukumannya macam-macam [*Sambil menyelak nota*] dia katakan boleh buang kerja, boleh turun pangkat, tahan gaji, macam-macam. Jadi, maknanya perbincangan memang tidak berlaku walaupun kepastian kesalahan itu belum tentu.

Dalam perhatian pegawai itu sendiri dengan merayu meminta supaya diadil dengan secara yang tidak keras, dia mungkin dipertimbangkan berakhir dengan amaran begitu saja. Jadi, itulah maka saya mencadangkan supaya kalau tidak pun pegawai di tiap-tiap badan berkanun itu diwujudkan seorang pegawai undang-undang, pegawai yang telah dituduh untuk menghadapi kes-kes disiplin ini mesti diberi peluang bukan sahaja mendapat nasihat daripada peguam yang mahir tetapi juga boleh dibela oleh peguam di hadapan majlis disiplin itu nanti. Mungkin orang berkata kenapa buat perbincangan dua peringkat. Peringkat pertama dibicarakan di hadapan Majlis Tatatertib, lepas itu kalau tidak puas hati dibawa ke mahkamah pula. Ini dua peringkat.

Tuan Yang di-Pertua, baru dua tiga hari lepas, kes berlaku di Sarawak, seorang pegawai tak begitu kanan sangat, dibuang kerja selepas dibawa ke mahkamah. Selepas lebih 10 tahun dia didapati tidak melakukan kesalahan disiplin oleh Mahkamah Rayuan. Jadi, dia bagi gantirugi sebanyak RM1/2 juta. Pegawai ni selama 20 tahun hampir duduk di rumah dapat ganjaran begitu besar sekali. Jadi, dalam keadaan yang sedemikian, siapa yang salah, adakah pegawai ini bersalahkah, kerajaan bersalahkah

atau mekanisme membawa kes ini sampai ke mahkamah yang salah. Kalau pegawai ini mendapat nasihat undang-undang daripada awal lagi mungkin kerajaan tidak melepaskan daripada kerja. Dia boleh bekerja makan gaji macam orang lain biasa mungkin kena bagi amaran saja. Kalau kena bagi amaran mungkin dia tak nak bawa kes mahkamah mungkin nikmat kepada kerajaan ialah orang ini makan gaji selama 20 tahun, berkhidmat dengan kerajaan, menumpukan tenaga dengan kerajaan tapi ini dia duduk di rumah dapat gaji lepas itu.

Jadi, kita tak hendak perkara ini berlaku, itulah maka pentingnya seseorang itu mendapat nasihat undang-undang, mendapat pembelaan undang-undang daripada peringkat disiplin lagi supaya yang salah tetap salah, yang betul itu boleh ditahan balik, bekerja kembali. Dan janganlah bila pegawai itu bila terima saja dia kena tuduh, terus dia kata saya minta maaf, saya ada isteri dua, isteri seorang, saya dah berkhidmat 30 tahun, anak sepuluh orang, janganlah saya dibuang kerja walaupun di hadapan orang lain dia kata saya memang tak salah, tak buat tapi buat macam ni saja, saya tak nak gaduh dengan kerajaan. Dalam pandangan dia, dia tak nak gaduh dengan kerajaan itu sebablah dia merayu sebab pengetahuan undang-undang dia tak ada. Jadi, kalaulah peluang yang disebut dalam undang-undang ini, diberi peluang to be heard itu termasuk dalam perbicaraan. Umpamanya kita sudah wujudkan perkara macam ni dalam askar dan dalam polis pun macam tu kalau seseorang pegawai polis itu dibawa ke hadapan jawatankuasa disiplin, seorang pegawai polis kanan lain boleh dilantik menjadi pembela kepada pegawai ini.

Jadi, mungkin sedikit kes-kes ini datang ke mahkamah oleh kerana mungkin dia sudah berpuas hati atas pembelaan dia ataupun yang dia didapati bersalah semasa dibicarakan di hadapan jawatankuasa disiplin. Dalam keadaan sedemikian, kita boleh juga mengelakkan daripada kejatuhan moral di antara pegawai-pegawai ini kadang-kadang bukan semua pegawai atasan itu betul. Kadang-kadang pegawai yang di atas itu yang menuduh pegawai di bawah itu pun kadang-kadang dia mengikut perasaan dia sendiri kerana dia seorang manusia biasa. Bahkan hakim boleh melakukan kesalahan. Dalam kes yang saya sebutkan tadi, hakim Mahkamah Tinggi mengatakan pembuangan kerja pegawai ini betul tapi bila sampai ke Mahkamah Rayuan, Mahkamah Rayuan berkata bukan tugas dia dipindah kerja daripada satu tempat ke satu tempat kerana tugas dia tidak boleh ditugas di tempat lain.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Jadi dalam konteks ini, istilah undang-undang telah di *narrow* kan, di....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:**  
Disempitkan ya

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Disempitkan. Jadi ini orang yang mempunyai kepakaran yang tertentu sahaja yang boleh menilai dan boleh mengetahui.

Jadi amatlah penting sekali pegawai-pegawai yang hendak dibawa ke hadapan pengadilan majlis jawatankuasa disiplin mempunyai pembelaan awal. Jadi saya banyak melihat, bahkan ada seorang pegawai polis - sebagai seorang pegawai yang berdisiplin, sebagai gambaran sahaja Tuan Yang di-Pertua kerana undang-undang ini hal badan berkanun tidak termasuk pegawai polis tetapi sebagai umpama misalannya saya tunjukkan macam mana kadang-kadang perkara boleh berlaku, pegawai ini bukan pegawai perakaunan, di dalam ini soalan pegawai perakaunan juga ini. Pegawai perakaunan lepas itu pegawai ini pegawai kanan berpangkat inspektor.

Oleh kerana pegawai perakaunan tidak ada, oleh kerana pegawai atasan dia komander dia kata kamu jalankan tugas ini, dia tidak tahu hujung pangkal, dia jalankan sahaja. Selepas enam bulan, berciciran orang disimpan tidak tentu arah, kehilangan duit. Bila sudah hilang duit pegawai itu kena tuduh pula. Dia tidak tahu kerja disuruh kerja yang dia tidak tahu. Tidak ada kemahiran dan tidak ada latihan dan diberi tugas-tugas yang sedemikian, berciciran selepas itu habislah, selepas enam bukan kena tuduh disiplin pula. *To show cause why you should not be dismiss*. Budak

itu menangis sudah kerja lebih 20 tahun anak sudah hendak masuk universiti, tidak dapat masuk universiti bapa hendak kena *dismiss* dah.

Jadi dia buat satu *show cause letter* ini *show cause letter* tunjuklah macam biasa, saya telah berkhidmat selama 20 tahun, saya berlawan dengan komunis beberapa kali di Tulai, di Kinatang, di Kanowit, di Sarikei di macam-macam tempat, dia bertembak dengan komunis cerita dia itu. Sekarang ini minta dimaafkan. Lepas itu perasaan ragu pegawai kanan yang menerima surat itu. Dia kata boleh kamu berjumpa dengan seorang peguam, berjumpa saya. Saya kata ini sudah terima salah ini. Memang kena *dismiss*, saya kata. Saya buat satu surat, lapan *pages* surat mengatakan pegawai ini bukan tugas dia mengumpul duit kenapa pula tugas itu dibebankan kepada dia. Daripada segi undang-undang dia bukan pegawai yang kumpul duit. Jadi oleh kerana bukan beban dia, dia *gratis* sahaja dengan izin, dia tolong kerja tadi atas arahan pegawai atasan. Saya kata pegawai atasan itu yang patut di *dismiss* bukan pegawai ini, dia ikut arahan sahaja ini. IGP, Peguam pada masa itu terima surat saya.

Selepas enam bulan dia naik pangkat ASP. Tetapi ini di dalam keadaan dia *consult* seorang peguam yang tahu. Macam mana kalau tidak berlaku. Dulu-dulu ada pegawai-pegawai yang berlaku perkara yang sama dan telah di *dismiss* daripada pekerjaan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, dalam soalan ini satu lagi, dalam surcaj..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya ada yang bangun, Pokok Sena Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat. Apa pandangan Yang Berhormat tentang dakwaan yang dibuat oleh Dato' Shafie Yahya yang mengatakan bahawa bekas Ketua Pengarah EPU ada terdapat dalam biliknya lebih daripada 100,000 Ringgit dan sedangkan sebarang tindakan tidak ada apa-apa pun diambil terhadap pegawai atasan tersebut.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Dalam perbahasan saya yang awal sekali, saya kata ada kesalahan mengikut realitinya dan satu lagi mengikut garis panduan undang-undang. Di bawah sistem undang-undang Malaysia, kita berlandaskan bukti yang nyata. Jadi tuduhan itu belum bermakna bukti, jadi kalau bukti yang nyata tidak ada saya tidak boleh membuat keputusan. Jadi kalau saya menjadi majistret, kes ini dibawa ke hadapan saya orang yang kata dia salah mesti tunjuk bukti, yang satu kata tidak salah oleh kerana mungkin ini tidak bersabit dengan kesalahan-kesalahan, baru saya membuat keputusan. Jadi Yang Berhormat saya tidak boleh membuat keputusan dalam kes tuduhan Yang Berhormat ini. Sebab bukti-bukti yang nyata saya tidak ada di hadapan saya.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Yang Berhormat bukan tuduhan saya tetapi tuduhan bekas Ketua Pengarah BPR sewaktu beliau menyerbu membuat penggeledahan di bilik bekas Ketua Pengarah EPU iaitu Tan Sri Abul Hassan Sulaiman dan apabila usaha untuk mengambil tindakan ke atas beliau maka dia mendakwa di dalam perbicaraan kes Dato' Seri Anwar Ibrahim bahawa Perdana Menteri menghalang beliau, memerintah beliau supaya menutup kes tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup-cukup, tidak payahlah Yang Berhormat jawab, ini kes lain.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Itulah saya cakap tadi Yang Berhormat, kes ini semua tuduhan sahaja Yang Berhormat. Pada saya kes macam ini tuduhan. Saya bukan agensi penyiasat. Jadi kalau saya bukan agensi penyiasat, saya tidak ada bukti, yang cerita itu keluar dalam surat khabar ataupun yang keluar dari mulut Yang Berhormat itu saya bukan *authority* penyiasat.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Yang Berhormat, ini bukan tuduhan saya, tetapi ini dakwaan bekas Ketua Pengarah BPR bukan pendakwaan Ketua JKK.

Tetapi bekas Ketua Pengarah BPR dan dia dibuat dalam keadaan bersumpah di mahkamah dan satu laporan polis telah dibuat oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim dan laporan polis juga saya buat terhadap Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad yang didakwa untuk melindungi kes tersebut tetapi sehingga sekarang tidak ada sebarang apa-apa tindakan yang dibuat oleh pihak keselamatan, pihak polis dalam negara kita. Sepatutnya jika pun siasatan tidak dibuat kalaulah kenyataan Dato' Shafie itu sebagai satu pembohongan, saya percaya bahawa pihak yang dituduh itu boleh mengambil tindakan terhadap Dato' Shafie.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sudahlah Yang Berhormat, cukuplah.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Jawab ya.jawab

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ini bukan bicara Yang Berhormat.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Jadi betullah tu ini bukan bicara, jadi sebenarnya ini cerita laporan telah dibuat. Yang Berhormat sendiri sudah buat laporan. Janganlah tanya saya lagi hendak jawab. Lagi pun saya bukan duduk dalam menteri ataupun jabatan polis buat siasatan. Soalan pada salah orang ini. Saya boleh jawab soalan teori Yang Berhormat, tetapi soalan praktis saya tidak boleh jawab. Saya bukan duduk di tempat yang membuat amalan dia. Jadi saya harap Yang Berhormat bijak sedikit bertanya ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Teruskanlah ya.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Jadi, saya pun cerita surcaj itu sudah hilang aliran cerita saya, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, soalan surcaj ini satu lagi, dalam undang-undang ini menyebutkan seseorang pegawai yang bertanggungjawab, ada dua, tiga garis panduan, pegawai yang bertanggungjawab mengumpulkan wang atau memungut wang dan tidak membuat tugas dan tanggungjawab akan boleh dikenakan surcaj di bawah perenggan 14.

Kalau dibaca perenggan 14 itu, nampaknya hampir jelas tetapi saya bersetuju juga dengan Yang Berhormat bagi Jelutong, masih banyak perkara yang kurang jelas, umpamanya interpretasi setiap perkataan yang digunakan. "*Seseorang yang adalah atau pernah berada dalam penggajian atau badan berkanun boleh disurcaj jika ternyata kepada lembaga bahawa orang itu tidak atau telah gagal untuk memungut apa-apa wang yang dituntut kepada badan berkanun itu bagi pemungutnya adalah atau telah dipertanggungjawabkan.*"

Tuan Yang di-Pertua, ini satu sahaja peranan yang pertama 'dipertanggungjawabkan'. Macam mana yang jadi dipertanggungjawabkan ini. Kadang-kadang pegawai kerajaan ini saya tahu dalam badan-badan berkanun pun sama, pegawai berpindah dari satu tempat ke satu tempat, yang pegawai ini bercuti, yang satu lagi ganti tempat, macam mana dia boleh jadi bertanggungjawab. Adakah orang yang bertanggungjawab ini hendak dipastikan daripada segi undang-undangnya digazetkan atau diwartakan ataupun diapakan baru dia boleh menjadi dipertanggungjawabkan atau adakah ini pegawai atasan sahaja yang beri berlandaskan kuasa sebagai seorang pegawai atas, "Oh, pegawai ini tak ada di pejabat ini, saya beri you jadi bill collector ataupun akauntan yang jaga soalan pemungut wang ini."

Jadi, kalau pegawai yang dibuat macam itu, dia tidak pungut, macam mana pula garis panduan berhubung dengan sama ada soalan dipertanggungjawabkan supaya boleh pegawai ini dikena surcaj. Ini soalan tanggungjawab undang-undang itu satu, tanggungjawab yang diberi oleh pegawai atasan itu yang dua.

Saya percaya ini masih ada banyak yang belum lagi definisi itu *grey* nampaknya, kurang jelas, yang sepatutnya diberi panduan. Dan kalau kita lihat di

belakang pula, garis panduan disiplin itu sendiri, itu juga tidak menunjukkan very definite.

Kalau kita lihat dalam undang-undang askar dan polis, yang mana mereka merangkakan garis panduan itu ditunjukkan satu-satu dan boleh diberikan kepada badan-badan disiplin tertentu iaitu disiplinnya amat senang diinterpretasikan.

Jadi, dalam undang-undang ini masih ada banyak yang nampaknya kurang jelas. Jadi, saya berharap pihak kementerian melihat semula supaya garis panduan yang khusus, yang jelas untuk diguna pakai pihak Majlis Tata tertib itu sendiri untuk mengendalikan tugas-tugas mereka dalam soalan disiplin ini. Kerana dalam soalan disiplin, dalam soalan surcaj, walaupun di sini diletakkan kalau orang gajinya tidak boleh dipotong lebih daripada  $\frac{1}{4}$  ataupun pencennya tidak boleh dipotong daripada  $\frac{1}{4}$  untuk surcaj ini, memang baik oleh kerana kalau dipotong habis, habislah ceritanya. Macam mana hendak makan pula.

Jadi, memang ada garis panduan yang nampaknya *human*, yang ada peri kemanusiaan, tetapi garis panduan kesalahan sendiri kurang jelas, bagaimana, adakah pegawai yang dipertanggungjawabkan, kerana pegawai tidak banyak, pegawai berhubung dengan pengumpulan wang, hutang dan sebagainya itu sahaja pegawai yang dikenakan dan pegawai ini perlulah didaftarkan nama mereka ataupun bukannya pegawai yang temporary sebulan, dua, tiga bulan masuk satu jabatan, satu kawasan, satu seksyen untuk memberi pertanggungjawaban oleh pegawai atasan, oleh kerana ia sendiri tidak ada, ataupun umpamanya saya pegawai akaun yang bertanggungjawab untuk mengumpul wang, hari ini saya cuti satu minggu, saya kata, ambil seorang pegawai kanan mungkin dia tahu kerja ini: "You ganti saya satu minggu." Dalam satu minggu siapa yang bertanggungjawab? Sayakah ataupun dia yang bertanggungjawab di bawah undang-undang ini.

Bukan tanggungjawab yang sehingga praktikalnya, praktikal itu satu, tanggungjawab undang-undang itu tetap satu - lain. Jadi, ini tidak dipastikan dalam ini, adakah *defacto* tanggungjawab ataupun tanggungjawab yang ditetapkan dari segi undang-undang.

Jadi, kalau kita hendak bincang lebih dari itu, memang banyak lagi Tuan Yang di-Pertua, kalau satu persatu kita hendak huraikan soalan disiplin. Kerana kita bimbang kalau disiplin disalahgunakan, kita mendatangkan masalah moral kepada pegawai-pegawai kita dan kita mungkin menekan sangat pegawai-pegawai kita dengan keadaan yang tidak menentu.

Jadi, dengan itu, saya ingin mencadangkan supaya di kementerian itu sendiri mempunyai seorang pegawai yang boleh menjadi penasihat undang-undang di kementerian itu sendiri, boleh menasihati pegawai-pegawai yang terkena masalah yang sedemikian. Kerana dengan adanya orang yang boleh tempat berbincang, tempat menceritakan masalah-masalahnya mungkin soalan kebenaran dan keadilan berhubung dengan penguatkuasaan disiplin ini boleh kita laksanakan dengan lebih teliti, lebih mendatangkan kesan dan mendatangkan keadilan kepada pegawai-pegawai yang terkena.

Kerana kita bimbang bila pegawai kena tuduh, minta maaf sahaja, kita tidak mahu. Kita mahu pegawai itu kalau dia betul-betul tidak bersalah, dia memang mengata tidak bersalah, bukan tanggungjawab dia, kalau orang atasan yang bersalah, umpamanya, baru saya melihat kes berlaku dalam tahun 1998, seorang pegawai dilantik di Sarawak menjadi seorang pegawai perakaunan. Pegawai ini hanya mempunyai kelulusan form tiga, tingkatan tiga. Dia dilantik menjadi sub treasurer di daerah kecil, kerjanya mengambil duit dan mengeluarkan duit.

Jadi, dia tidak pernah dalam perkhidmatan hampir 20 tahun diberi latihan khusus macam mana mengendalikan wang, macam mana hendak masuk lejer, keluar lejer, macam mana hendak keluar resit dan di mana disimpan, semua dia tidak tahu, tidak ada latihan, dengan pendidikan form tiga.

Jadi, dia berjumpa saya, saya buat satu surat, dia sendiri yang sign, saya cuma buat sahaja. Surat itu dihantar kepada pegawai atasan yang hendak buang kerja pegawai ini. Jadi, saya tidak tahu sama ada ini adalah satu kebaikan kepadanya ataupun tidak, pegawai itu tidak jadi dibuang kerja, tetapi dibawa ke mahkamah untuk diadilkan kesnya sama ada dia didapati salah kerana kecuiaan kehilangan wang ataupun resit yang sedemikian. Tetapi pada saya dibawa ke mahkamah itu adalah lebih baik daripada dibuang kerja begitu sahaja kerana latar belakang pegawai ini, tidak ada mempunyai latihan yang khusus untuk tugas-tugas yang tertentu.

Jadi, saya berharap pegawai-pegawai yang dilantik untuk menjalankan sesuatu tugas yang tertentu, mestilah mempunyai bidang pengalaman dan latihan yang mencukupi terutama sekali berhubung dengan sumber-sumber kewangan.

Dan begitu jugalah perkara dalam ini kerana banyak soalan mengumpul wang, menyimpan wang, collect wang dan sebagainya. Kalau pegawai itu tidak mempunyai latihan yang tertentu dan tidak mempunyai pengalaman, latar belakang pendidikan yang rendah, bagaimanakah kita selepas dia melakukan kesalahan nanti, kita tuduh dia sahaja, kena cari kesalahan dia sahaja. Bahkan siapa yang salah awal-awalnya, yang salah awal-awalnya ialah kita sendiri, sebab kita lantik orang yang tidak berpendidikan tinggi, tidak diberi latihan yang tertentu, tidak diberi pengalaman yang tertentu, lepas salah kita hang the dock, than we give them, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, dengan kata-kata yang sedemikian, saya berharap pihak kementerian boleh melihat semula bukan sahaja daripada segi undang-undang ini sendiri, bukan sahaja dari segi 'set up' jawatankuasa itu sendiri dan bukan sahaja daripada soalan macam mana hendak bawa kes-kes ini ke hadapan pengadilan jawatankuasa disiplin ini sendiri, bahkan juga saya meminta kementerian memberi latihan-latihan yang tertentu kepada pegawai-pegawai yang dilantik terutama sekali dibidang pemungutan wang dan penjagaan wang kerana banyak masalah, perkara seperti ini ataupun pekerja sedemikian tidak mempunyai latihan di sekolah, latihan kita di sekolah jauh perbezaannya dengan apa yang kita buat.

Umpamanya, kita hendak lantik orang yang tidak ada kelulusan ijazah mana pun, selepas itu jadi hakim mahkamah ataupun peguam. Ataupun orang yang tidak ada pengalaman akauntan, kita lantik jadi akauntan. Jadi, janganlah marahkan dia oleh kerana dia tidak tahu macam mana mengendalikan kewangan. Jadi, dalam keadaan sedemikian maknanya kerja kerajaan masih banyak untuk melatihkan ataupun memberitahu kepada pihak badan berkanun ini supaya pegawai-pegawai yang dilantik menjalankan mana-mana tugas itu mestilah mempunyai bidang-bidang yang tertentu.

Jadi, saya melihat banyak badan agensi kerajaan, kita ghairah mengadakan seminar, mengadakan workshop, mengadakan bermacam-macam, tetapi kadang-kadang benda yang kita workshop itu tidak relevan dengan apa yang kita buat harian. Yang buat harian belum dilatih, kita sudah cerita hal terbang ke langit dah. Kita cerita hal IT, kita cerita hal komputer tetapi komputer di pejabat pun tidak ada. Kita cerita hal IT tetapi orang ini, pegawai ini hanya perlukan latihan macam mana hendak simpan lejer, macam mana simpan resit, macam mana hendak simpan duit dan di mana tempat simpannya, itu sahaja latihan yang diperlukan. Kalau sudah pandai begini, baru kita simpan dan cerita yang lain lagi, baru satu peringkat ke satu peringkat, jangan diseminarkan pegawai sampai tidak ada duduk di pejabat. Kadang-kadang kita lihat pegawai tidak duduk di pejabat, sebab dia pukul 10.00 minum pagi, pukul 12.00 makan tengah hari, pukul 4.00 hi-tea, lepas itu dia balik. Kalau tidak ada pun, oh dia pergi seminar, dia pergi workshop, pergi mana-mana. Jadi, masyarakat awam yang minta perkhidmatan pegawai ini, berhubung di pejabat ini tidak jumpa orang kerana banyak sangat tea, banyak sangat hi-tea, ada breakfast dan sebagainya. Lepas itu, banyak sangat seminar, banyak sangat workshop tetapi workshop dan seminar ini tidak langsung berhubung dengan tugas dan tanggungjawab harian pegawai yang sedemikian. Jadi, di samping kita mencari untuk mengatasi masalah disiplin, kita mesti juga melihat keperluan pegawai itu sendiri ke atas pendidikan selaras dengan

perkhidmatan beliau sebagai pegawai yang dilantik menjalankan tugas-tugas yang tertentu.

Dengan kata-kata yang sedemikian, saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:**  
Machang.

**4.12 ptg.**

**Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor [Machang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk bercakap membahaskan Rang Undang-undang Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000.

Tuan Yang di-Pertua, inilah kali pertama Parlimen negara ini meluluskan atau dikehendaki meluluskan suatu akta yang serupa ini yang begitu komprehensif di dalam peruntukan-peruntutannya di dalam akta ini bagi mengadakan suatu undang-undang dan peraturan bertujuan untuk menyelaraskan undang-undang mengenai tata tertib kakitangan badan-badan berkanun yang begitu banyak ditubuhkan, diperbadankan oleh kerajaan pada masa ini.

Pada masa yang lepas kebanyakan badan berkanun menerima pakai peraturan-peraturan yang dibuat khusus untuk pegawai-pegawai awam kerajaan. Saya mengharapkan rang undang-undang seperti ini akan diluluskan di peringkat negeri-negeri bagi mengadakan enakmen-enakmen yang serupa dengan akta ini.

Akta yang akan kita luluskan ini tidak terpakai kepada badan-badan berkanun yang ditubuhkan oleh kerajaan-kerajaan negeri. Ia juga tidak terpakai kepada majlis-majlis daerah yang ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan. Ia juga tidak terpakai kepada badan-badan berkanun seperti Bank Negara Malaysia, Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Lembaga Tabung Angkatan Tentera, Lembaga Tabung Haji, Peruntukan Pertubuhan Keselamatan Sosial dan Bank Simpanan Nasional. Mungkin sudah ada peraturan-peraturan mengenai tindakan tata tertib ke atas pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan badan-badan yang dikecualikan yang dibuat di bawah kuasa-kuasa yang diberikan oleh Menteri atau Lembaga di bawah akta masing-masing.

Tetapi alangkah baiknya kalau akta yang akan diluluskan ini dipakai bagi semua badan yang dikecualikan itu. Pada masa yang lepas Bank Negara Malaysia juga pun tidak terkecuali daripada skandal-skandal yang melibatkan kehilangan wang berjuta-juta ringgit yang tentu sekali melibatkan kealpaan pegawai atau kakitangan bank itu sendiri. Begitu jugalah dengan badan-badan yang lain yang semuanya melibatkan pengendalian wang beratus-ratus bahkan beribu-ribu juta ringgit. Jika semua badan berkanun diletakkan di bawah bidang kuasa akta ini, ianya akan memantapkan undang-undang mengenai tata tertib badan-badan berkanun oleh kerana mana-mana kes yang diputuskan oleh mahkamah mengenai mana-mana peruntukan di dalam akta ini akan mengikat semua badan yang tertakluk kepada bidang kuasa akta ini.

Bagi badan-badan berkanun yang dikecualikan, penggunaan bahasa dan perkataan di dalam peraturan-peraturan yang dibuat oleh Menteri atau Lembaga mungkin berlainan dan kerana itu pentafsiran yang dibuat oleh mahkamah bagi mana-mana peruntukan di dalam akta ini tidak mengikat badan-badan yang dikecualikan. Kesalahan yang dibuat oleh pegawai badan-badan berkanun yang mungkin mempunyai kesan yang jauh yang melibatkan kerugian dan kerosakan kepada harta awam atau kepada seseorang individu yang mungkin jika dilakukan oleh orang perseorangan boleh didakwa tetapi oleh kerana badan-badan berkanun ini kebanyakan dilindungi oleh undang-undang seperti Akta Pihak Berkuasa Awam (Public Authorities Protection Act), maka pengawalan terhadap kakitangan badan-badan berkanun ini amat penting sekali dan kerana itu ianya memerlukan undang-undang yang mantap dan tidak

kesamaran dalam prosedur mengenai tindakan tata tertib itu, dan bukan sahaja oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab untuk mengambil tindakan dan juga mereka kena diambil tindakan supaya jangan menimbulkan ketidakpuasan hati oleh mana-mana pihak.

Kita lihat walaupun sudah ada peraturan-peraturan dibuat bagi tata tertib kakitangan kerajaan di bawah Bab D namun demikian, masih terdapat banyak kes yang telah dibawa ke mahkamah dan walaupun mungkin dari segi faktanya, tindakan yang diambil atau tata tertib yang dikemukakan mungkin wajar, namun banyak kes itu telah diketepikan oleh mahkamah yang menyebabkan kerajaan terpaksa membayar beratus-ratus ribu ringgit, bahkan ini mungkin bahawa prosedur ataupun tata tertib bukanlah suatu perkara yang senang dilaksanakan. Kehendak-kehendak rules of natural justice hendaklah dipatuhi, ianya tidak terhad kepada "*audi alteram partem*" iaitu "yang kena tuduh mesti didengar semata-mata" tetapi perkara-perkara lain mesti juga dipatuhi seperti yang mengambil tindakan itu janganlah mempunyai sebab atau peluang untuk bersikap bias.

Badan-badan berkanun mempunyai personaliti perbadanan dan ditubuhkan dengan tujuan menjalankan tugas-tugas khas dan kewujudan mereka di zaman ini sudah begitu ketara. Tugas-tugas mereka adalah pada kebiasaannya memberi perkhidmatan yang tertentu kepada masyarakat. Sebagai contoh, RISDA misalnya untuk memberi perkhidmatan dan menjaga kepentingan pekebun-pekebun kecil dan memberi bantuan kepada pekebun-pekebun kecil.

Serupa juga dengan Lembaga Letrik Negara dahulu untuk memberi perkhidmatan elektrik kepada masyarakat. Perkhidmatan itu adalah untuk kepentingan rakyat di seluruh negara dan tidak mengira fahaman politik. Justeru itu, penubuhan badan-badan berkanun pada amnya adalah untuk membebaskan perkhidmatan yang berkenaan daripada politik. Hal-hal pentadbiran hari-hari adalah di bawah pengelolaan Lembaga masing-masing dan Menteri yang bertanggungjawab kepada Dewan ini dari segi general policy badan-badan berkanun tersebut dan pentadbirannya mengikut kuasa-kuasa yang diberi oleh akta yang berkenaan.

Walau bagaimanapun, oleh kerana Pengerusi dan Ahli-ahli Lembaga biasanya dilantik oleh kerajaan atau Menteri, maka kerajaan dan Menteri mempunyai peluang untuk mempengaruhi Ahli-ahli Lembaga yang dilantik oleh kerajaan atau Menteri. Oleh yang demikian, saya mengharapkan bahawa janganlah ada pegawai badan-badan berkanun diambil tindakan di bawah akta ini oleh sebab-sebab politik kerana ianya menghalang – kerana misalnya menyokong parti pembangkang tetapi dari segi kerja mereka menjalankan tugas secara profesional.

Saya merasa kecewa melihat keadaan dalam Dewan ini sendiri yang mana pihak Menteri, kadang-kadang Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen sekali-sekali menuduh kami dari pihak pembangkang tanpa bukti. Apa sahaja yang pihak kerajaan tidak suka terus melemparkan tuduhan kepada pihak pembangkang di sebelah sini.

Kami di sini dipilih oleh rakyat, rakyat sahaja yang boleh menentukan nasib kami tetapi bagaimana dengan kakitangan atau pegawai-pegawai badan-badan berkanun yang mana tenure of office mereka bergantung kepada Lembaga. Oleh yang demikian, saya mengharapkan bahawa pentadbiran akta yang akan diluluskan ini hendaklah dijalankan dengan telus, sebenar dan tanpa prejudis atau bias.

Kita meluluskan rang undang-undang ini untuk menjadikan rang undang-undang ini sebagai undang-undang tetapi matlamat kita adalah keadilan (*justice*), tanpa *justice* undang-undang hanya merupakan suatu perkara alat. Keadilan dan undang-undang (*justice and law*) adalah dua perkara yang berlainan. Mereka itu adalah sepupu sahaja, [*Ketawa*] kadang-kadang keadilan dan undang-undang tidak bertegur sapa.

Walau bagaimanapun, dalam kes ini saya merasa gembira oleh kerana di dalam definisi 'court' - mahkamah telah dimasukkan Mahkamah Syariah sebagai sebahagian daripada tafsiran 'mahkamah' yang dahulunya tidak dimasukkan di bawah

peraturan mengenai pegawai awam, oleh kerana dalam Akta Interpretasian (Interpretation Act) 'court' tidak termasuk Syariah Court. Tetapi saya merasa syukur kerana dalam kes ini pegawai-pegawai yang akan melakukan jenayah yang disabitkan oleh Mahkamah Syarak akan juga boleh diambil tindakan.

Jadi, oleh yang demikian itulah pandangan saya dan saya harap bahawa selepas diluluskan akta ini kerajaan berhati-hati terutama dalam kes-kes yang mengenai penamatan khidmat (termination of service) yang boleh dilakukan oleh pihak badan-badan berkanun atas alasan kepentingan nasional. Saya mengharapkan bahawa tidak ada kekeliruan di antara nasional dan Barisan Nasional. *[Ketawa] [Tepuk]*

Jadi, oleh yang demikian kalau sesiapa yang – ini pernah berlaku di mana perkara ini tidak boleh dinafikan - pertukaran guru-guru misalnya, atas alasan politik berlaku, atas alasan kepentingan nasional dan oleh yang demikian saya mengharapkan bahawa kekeliruan ini jangan terbawa-bawa dalam amalan di bawah akta ini. Sekian, terima kasih. *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kita beri Sipitang dahulu ya.

4.27 ptg.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan untuk membahaskan sedikit di bawah Rang Undang-undang Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000.

Pertamanya, saya ingin mengucap tahniah kepada kementerian atas usaha untuk mengadakan satu Rang Undang-undang Badan Berkanun yang seragam untuk semua badan berkanun. Ini boleh disamakan seperti Perintah Am Bab D untuk kakitangan kerajaan. Tetapi sebelum itu saya ingin minta penjelasan daripada pihak Menteri mengenai dengan tafsiran 'badan-badan berkanun' yang dimaksudkan bahawa dalam tafsiran ini 'Badan Berkanun', Jadual Pertama tidak dimasukkan dan Jadual Kedua apa pula badan-badan berkanun yang telah dimasukkan dan apakah sempadan badan-badan berkanun ini, apakah yang meliputi cuma badan-badan berkanun untuk perkhidmatan awam ataupun maksud saya ialah badan berkanun yang membuatkan khidmat-khidmat untuk awam dan apakah pula badan-badan berkanun yang memikirkan tentang keuntungan ataupun yang memberi pendapatan bahawa diukur dari segi keuntungan, dengan izin, profit making organization.

Bagaimana pula dengan penggunaan rang undang-undang ini kepada pegawai-pegawai yang bertugas secondment, dengan izin, kepada anak-anak syarikat badan-badan berkanun ini yang mana secara tafsirannya mereka diberi tugas menjadi Pengarah Urusan ataupun Ketua Eksekutif anak-anak syarikat dan pertanggungjawaban mereka adalah lain daripada bidang tugas di mana mereka berada, kerana jikalau pegawai badan berkanun itu telah pun diberi tugas memegang anak syarikat dan syarikat itu mementingkan keuntungan, sudah tentu tingkah laku mereka, tatacara kerja mereka adalah mementingkan keuntungan dan mereka boleh dikenakan tindakan jikalau syarikat yang mereka jaga itu tidak mendapat keuntungan. Tentu sekali tatacara mereka sudah membuat kerja-kerja swasta ataupun yang ada kaitan dengan perhubungan di peringkat swasta.

Dari segi beberapa perkara, misalnya tatakelakuan yang harus dikenakan tindakan. Bagi badan-badan berkanun yang mementingkan keuntungan sudah tentu ada banyak perkara-perkara yang dibuat yang saya rasa bercanggah dari segi misalnya, perkara Bahagian II iaitu Perkara 4(1), misalnya Pekerjaan Luar. Perkara (a) mengambil bahagian sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam pengurusan atau urusan apa-apa perusahaan komersial, pertanian atau perindustrian.

Jikalau badan berkanun ini ada sangkut-paut dengan perusahaan komersial, pertanian ataupun perindustrian, bagaimana kita boleh mengukur sempadan tugas pegawai ini dengan kerja yang sepatutnya mereka terlibat. Inilah persoalannya yang saya minta penjelasan daripada Menteri. Secara keseluruhannya Rang Undang-undang

ini begitu baik tetapi janganlah pula kita seperti yang dikatakan oleh rakan-rakan tadi bahawa dengan Rang Undang-undang ini akan membantut efisiensi badan-badan berkanun tersebut. Sepatutnya Rang Undang-undang ini digunakan untuk tatacara laku disiplin pegawai-pegawai ataupun ketua-ketua eksekutif dan pekerja-pekerja yang lainnya untuk menambah lagi efisiensi ataupun jikalau badan berkanun itu mementingkan keuntungan dari segi ukuran maka ia perlu dinilai di situ dan diharap Rang Undang-undang ini tidak membantut keuntungan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga melihat bahawa tugas kementerian misalnya jawatankuasa disiplin, kebanyakan pengerusi adalah ketua pengarah dan juga ketua setiausaha dan di peringkat rayuan adalah menteri. Kita juga mesti faham bahawa badan-badan berkanun ini adalah suatu perkara yang lain daripada bidang tugas ketua pengarah ataupun ketua setiausaha. Kita minta supaya ketua setiausaha dan juga ketua pengarah yang khususnya yang menjadi pengerusi ini mestilah betul-betul faham tentang tugas dan tanggungjawab pegawai-pegawai yang di mana mereka berada, bukan cuma melihat dari satu sudut sahaja, lebih-lebih lagi jikalau ada perasaan tidak senang. Kalau dilihat dalam jadual ahli lembaga tatatertib tersebut bahawa tiap-tiap komponen ada dua orang ahli jawatankuasa itu adalah yang dilantik oleh pengerusi.

Jikalau pengerusi ini ada niat yang tidak baik dengan seseorang itu, tentu sekali dua orang yang dilantik ini adalah di bawah pengaruh pengerusi dan tentu sekali tindakan ataupun keputusan itu memberatkan kepada keputusan pengerusi dan ini kita tidak mahu perkara ini berlaku dan ada pegawai-pegawai yang teraniaya oleh jawatankuasa yang berat sebelah ini. Kalau boleh, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon bahawa ahli jawatankuasa ini dilantik oleh peringkat tertinggi, ditentukan oleh peringkat tertinggi, peringkat kementerian ataupun mana-mana yang bertanggungjawab bukan dipilih oleh pengerusi. Jadi, adalah tidak adil jikalau dua daripada jawatankuasa tersebut adalah dipilih dua anggota lembaga yang dilantik oleh pengerusi lembaga. Jadi, ini mungkin menjejaskan daripada keadilan dari segi tindakan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membentangkan bahawa dalam banyak badan-badan berkanun ada wakil-wakil daripada kementerian yang duduk di lembaga pengarah ataupun mengawasi badan-badan berkanun tersebut. Tapi yang menjadi masalahnya ialah bahawa pegawai-pegawai ini bertindak lebih pandai daripada jawatankuasa pengurusan badan berkanun itu sendiri dan timbullah pendapat yang bercanggah dengan perjalanan badan berkanun tersebut. Dan akibatnya badan berkanun itu tidak begitu efisien dan banyak masalah yang timbul akibat daripada ketidakcekapan dan juga tatacara yang berlainan daripada badan-badan berkanun tersebut.

Kita berharap kementerian, sebelum mendapatkan pegawai yang memerhati badan berkanun tersebut mestilah pegawai itu yang betul-betul faham tentang perjalanan badan-badan tersebut. Jangan ada pegawai yang ditempatkan itu tidak tahu dengan perjalanan badan berkanun tersebut. Kalau dahulu pegawai-pegawai ini ditempatkan untuk mengawasi peringkat dasar sahaja tidak terlibat dalam hal-hal pengurusan dalam tetapi ada juga wakil-wakil ini terlibat dalam pengurusan dalaman. Kalau masa dahulu perkara ini boleh berlaku kerana pegawai-pegawai yang ditugaskan untuk mentadbir badan berkanun ini belum begitu pakar dalam urusan mereka tetapi hari ini pegawai-pegawai yang telah pun memegang jawatan-jawatan penting dalam badan-badan berkanun ini dengan perjalanan masa dengan latihan yang mereka lalui dengan pendedahan dan pengalaman mereka ini sudah menjadi orang profesional. Sepatutnya kita memberi lebih kebebasan dengan terkawal kepada mereka untuk membuat keputusan-keputusan yang profesional, bukan ada halangan-halangan tertentu yang membuatkan mereka terkongkong sehingga bercanggah dengan profesionalisme mereka. Misalnya satu organisasi yang ingin mencari keuntungan tetapi beberapa arahan mereka tidak boleh membuat keputusan dan terjadilah percanggahan pendapat yang organisasi itu kurang keuntungan kerana tatacara laku yang terhad, yang tidak dibolehkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dengan Rang Undang-undang ini maka badan-badan berkanun ini boleh menjalankan tugas dengan baik dan lebih teratur dan kita minta penjelasan daripada Menteri tadi tentang perkara-perkara yang saya telah sebutkan tadi. Dengan itu saya mohon menyokong, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kubang Kerian.

**Tuan Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]:** Assalamualaikum. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas peluang untuk sama-sama membahaskan Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) ini. Saya tidak akan mengambil masa yang panjang seperti Yang Berhormat Batang Lupar untuk membahaskan Rang Undang-undang ini.

Adalah amat memeranjatkan selama ini badan-badan berkanun telah berjalan tanpa satu tatatertib dan tatakelakuan untuk memandu perjalanan mereka bagi mengelakkan badan-badan berkanun ini diuruskan secara yang tidak cekap dan berkesan.

Saya cuma ingin membangkitkan, apakah tujuan kerajaan mengecualikan – memberikan kuasa yang pertama kepada Perdana Menteri untuk meminda jadual-jadual iaitu jadual 1, 2, 3. Jadual 2, kalau tidak silap saya ialah berkaitan dengan senarai tatalaku dan kesalahan-kesalahan mengikut akta ini dan termasuklah di bawah kesalahan-kesalahan ini ialah untuk menerima hadiah yang berupa rasuah ataupun untuk mengaut kekayaan daripada jawatan mereka dan lain-lain kesalahan yang telah disenaraikan yang pada asasnya adalah satu perkara yang sangat baik iaitu di mana semua badan berkanun seharusnya tertakluk kepada tatacara dan tatakelakuan ini.

Tatakelakuan ini bertujuan supaya setiap pegawai di bawah badan-badan berkanun dapat bertugas tanpa sebarang kepentingan peribadi dan tidak menyalahgunakan kedudukan perjawatan mereka untuk kepentingan diri mereka sendiri. Ini adalah satu tatatertib yang umum, yang relevan untuk semua pihak, bukan sahaja bagi satu-satu badan berkanun yang tertentu tetapi juga untuk semua perjawatan awam. Malangnya kita telah memberikan kuasa dalam akta ini kepada Perdana Menteri untuk meminda Jadual 1, Jadual 2 dan Jadual 3 dengan begitu mudah. Dan, Fasal 24 dan 25 memberi kuasa kepada Menteri untuk mengeluarkan arahan-arahan kepada sesuatu badan berkanun bagi maksud memastikan bahawa badan berkanun itu mematuhi peruntukan-peruntukan akta yang dicadangkan ini. Dan, dengan persetujuan Perdana Menteri, sekali lagi ya, Perdana Menteri untuk mengecualikan mana-mana badan berkanun daripada mana-mana peruntukan Jadual ke-2 atau Jadual ke-3. Iaitu satu kuasa untuk Menteri bersama Perdana Menteri mengecualikan mana-mana badan berkanun yang tertentu daripada peruntukan undang-undang di bawah akta ini.

Saya ingin mendapatkan penjelasan, apakah tujuan daripada pengecualian ini? Sedangkan kita katakan bahawa tiap-tiap senarai tatakelakuan yang telah kita senaraikan di dalam akta ini adalah tatakelakuan yang umum, yang terpakai kepada semua perjawatan termasuklah kepada Perdana Menteri sendiri. Tetapi dalam hal ini kita seolah-olah melonggarkan dengan memberi kuasa kepada Menteri dan Perdana Menteri memberikan mana-mana badan berkanun terkecuali daripada peruntukan-peruntukan ini. Bahkan dicatatkan lebih lanjut untuk mengubah mana-mana peruntukan dalam Jadual ke-2 atau Jadual ke-3 dalam pemakaiannya bagi sesuatu badan berkanun. Jika sekiranya perubahan itu adalah ke arah mengetatkan tatakelakuan dan juga prosiding tatatertib yang ada dalam Rang Undang-undang ini adalah baik tetapi sekiranya dilonggarkan bermakna seakan-akan kita memberikan satu perakuan kuasa bagi membolehkan ataupun mengesahkan tindakan-tindakan yang salah yang telah dilakukan oleh pegawai-pegawai tertentu di bawah badan-badan berkanun ini.

Dan yang akhir sekali ialah berkaitan dengan – saya juga menyokong cadangan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat bagi Jelutong dan Yang Berhormat bagi Sipitang. Jika sekiranya kita meneliti prosiding daripada tatatertib yang ada

dalam Rang Undang-undang ini, wujud seakan-akan keraguan terhadap perjalanan yang tidak berat sebelah kepada mana-mana pihak yang akan dihadapkan kepada mana-mana jawatankuasa tatatertib sebagai satu contoh ketua pengarah bagi sesuatu badan berkanun yang hendak dikenakan tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat, beliau akan dihadapkan kepada jawatankuasa tatatertib yang dipengerusikan oleh pengerusi lembaga.

Dalam perjalanan harian sesuatu badan berkanun, Pengerusi Lembaga dan Ketua Pengarah mempunyai dua dimensi hubungan, satu dimensi ialah hubungan yang sepakat dalam sesuatu urusan, baik urusan itu adalah urusan yang sah dari segi undang-undang ataupun sesuatu urusan yang bercanggah dengan peraturan mana-mana undang-undang atas kepentingan mereka sendiri.

Satu dimensi yang lain ialah bahawa Pengerusi mempunyai satu kehendak yang bercanggah dengan Ketua Pengarah. Jika sekiranya keadaan ini wujud, kedua-dua keadaan ini membolehkan wujudnya satu lubang (loopholes) kepada perjalanan undang-undang ini iaitu misal kata Ketua Pengarah yang takut dikenakan tindakan Jawatankuasa Tatatertib yang dipengerusikan oleh Lembaga yang tidak sebulu dengannya, yang bertentangan pendapat dengannya, maka dia mungkin dalam keadaan terpaksa mengesahkan ataupun melaksanakan beberapa arahan yang bercanggah dengan undang-undang dan pada masa yang sama dia tidak akan dikenakan tindakan undang-undang ataupun tindakan tatatertib di bawah prosiding ini.

Pada masa yang sama jika sekiranya kedua-dua mereka bersekongkol melaksanakan sesuatu kesalahan di bawah undang-undang ini, mereka juga tidak akan dikenakan tindakan tatatertib lebih-lebih lagi anggota jawatankuasa dua orang yang ditambah bagi Jawatankuasa Tatatertib ini dilantik oleh Pengerusi Lembaga. Saya menyokong cadangan Yang Berhormat bagi Jelutong supaya dua orang daripada wakil Kesatuan Sekerja dimasukkan ke dalam Jawatankuasa Tatatertib ini bagi mengimbangi sebarang '*bias*' ataupun berat sebelah ataupun satu penganiayaan berlaku dalam masa kuasa-kuasa ini dijalankan oleh mana-mana peringkat Jawatankuasa Tatatertib termasuklah keanggotaan Jawatankuasa Rayuan Tatatertib. Ini adalah satu aspek yang paling serius saya rasa bagi memastikan perjalanan kedua-dua dimensi undang-undang ini sama ada dalam keadaan Ketua Pengarah ataupun mana-mana pegawai adalah bersependapat ataupun bercanggah pendapat dengan pihak yang lebih atas daripada mereka. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bachok, selepas ini Menteri diminta menjawab.

4.44 ptg.

**Tuan Wan Nik bin Wan Yusoff [Bachok]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berkongsi pandangan dan juga idea dalam membahaskan Rang Undang-undang Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000.

Pertama sekali saya ucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana di atas usaha ini perkara yang belum ada telah dapat diadakan meskipun kita lihat dari sudut kelewatannya telah berlaku kerana kewujudan badan-badan berkanun dalam negara kita telah pun berlaku dalam tempoh awal merdeka lagi. Misalnya FELDA ataupun mana-mana badan berkanun yang lebih awal diwujudkan dalam tahun 1956 lagi. Ini satu ketinggalan dari sudut pemantauan kerajaan ataupun pemerhatian secara langsung daripada pihak kerajaan.

Sebenarnya perkara ini seharusnya diambil perhatian yang lebih dan pihak kerajaan hari ini barulah mengemukakan perkara ini di Parlimen dan pada pandangan saya perkara ini juga berbangkit ataupun dikemukakan kerana hambatan suasana semasa yang melihat kepentingan-kepentingan kerajaan secara langsung di dalam badan-badan berkanun yang ditubuhkan oleh pihak Kerajaan Persekutuan itu sendiri.

Misalnya dalam kes penubuhan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) di Kelantan, tuntutan politik menghambat pihak kerajaan untuk

mewujudkan badan berkanun berkenaan sedangkan dalam masa yang sama Rang Undang-undang yang kita bahaskan hari ini tidak menyokong kepada perjalanan KESEDAR itu sendiri sehingga mana berlakulah beberapa perkara yang tidak diinginkan, semacam satu kes ialah berlaku rentahan tanah secara tidak sah dari sudut undang-undang tanah ke atas bumi Kelantan itu sendiri. Ini satu isu yang saya nampak kerana adanya peraturan yang begitu longgar ataupun adanya peraturan yang tidak memperuntukkan kepada pematuhan sebenar dari sudut perjalanan badan berkanun berkenaan.

Itu satu daripada contoh yang saya cuba tonjolkan demi menyokong usaha mengaktakan peraturan ini. Apa yang sahinya ialah Rang Undang-undang yang dibentangkan ataupun dibahaskan ini yang melibatkan pengecualian tujuh badan berkanun sebagaimana yang telah disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum ini memberi satu jawapan kepada kita betapa kakitangan ataupun pegawai-pegawai di peringkat badan berkanun perlu dipandu dengan satu peraturan yang spesifik sebagaimana juga di dalam perkhidmatan kerajaan secara keseluruhannya. Jadi, dengan adanya undang-undang ataupun akta ini ianya memberi suatu penjelasan dari sudut ruang bertindak sama ada di pihak pengurusan atasan ataupun di pihak pegawai itu sendiri.

Satu perkara yang harus juga saya mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan ialah dengan kuat kuasanya akta ini nanti secara khusus ditumpukan kepada badan-badan berkanun di peringkat persekutuan sahaja. Apa salahnya perkara ini kita boleh mengarahkan badan-badan berkanun di pihak kerajaan negeri untuk menerima pakai ataupun mengambil langsung butiran-butiran di dalam akta ini nanti untuk dijadikan sebagai satu asas demi untuk kita melihat perjalanan badan-badan berkanun di peringkat negeri-negeri juga dipandu dengan secara lebih terarah supaya perkara-perkara yang tidak diinginkan tidak akan berlaku. Malah akan membawa suatu kejayaan yang cemerlang dari sudut prestasi badan-badan berkanun negeri-negeri juga berlaku sebagaimana yang kita harapkan berlaku di peringkat persekutuan itu sendiri.

Perkara ini saya ingat pihak kerajaan di peringkat persekutuan mestilah mengambil tanggungjawab yang serius supaya badan-badan berkanun di peringkat negeri tidak berlaku lagi beberapa perkara yang salah tadbir, salah urus dari sudut kewangan dan salah dari sudut perkara salah laku pegawai dan seumpamanya itu. Mungkin perkara ini dalam pengetahuan kerajaan cuma saya suka menyebutkan bahawa kami di peringkat kerajaan PAS Kelantan telah pun meluluskan satu enakmen yang sama konsepnya iaitu Enakmen Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) untuk negeri Kelantan dalam usaha untuk kita memastikan perjalanan badan berkanun di bawah tadbir kerajaan negeri berjalan dengan lancar dan saya ingat perkara ini pihak kerajaan di peringkat persekutuan seharusnya mengambil satu tindakan di negeri-negeri di bawah Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya rang undang-undang ini bertujuan untuk mewujudkan peraturan-peraturan yang melibatkan tatatertib pegawai-pegawai ataupun kakitangan yang berkhidmat di mana-mana badan berkanun yang disebutkan. Sebarang bentuk pelanggaran yang sekali gus meletakkan pegawai berkenaan melanggar disiplin atau tatatertib badan berkanun berkenaan boleh dikenakan tindakan. Tindakan sampai kepada peringkat penamatan perkhidmatan ataupun sekiranya ia melibatkan kewangan dikenakan apa-apa surcaj. Itu sebenarnya dibuat selepas pihak jawatankuasa tatatertib ataupun disciplinary committee membuat perakuan kepada pihak lembaga berkanun berkenaan sebagaimana maksud di dalam bahagian 3 dan bahagian 4 dalam rang undang-undang ini.

Apa yang penting adalah rang undang-undang ini bertujuan membawa keseragaman, itu yang penting dan sebagaimana yang telah dibentangkan oleh pihak menteri tadi pun, kita bersetuju bahawa undang-undang ataupun rang undang-undang ini akan membawa keseragaman dari sudut undang-undang dan tatacara pengurusan badan berkanun dan dengan ini ianya memberi suatu hala tuju yang seragam dari sudut pencapaian matlamat penubuhan badan-badan berkanun berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, kepada kami di sebelah pembangkang melihat perkara ini adalah suatu senario yang rang undang-undang ini baru dibentangkan tetapi dari sudut pengamalan, saya yakin dan percaya telah lama dibuat, cuma baru dibentang dan pengamalan dari sudut tatacara badan berkanun itu sebenarnya telah lama dipraktikkan. Jadi, memandangkan telah banyak badan-badan berkanun di peringkat Persekutuan hari ini yang telah berusia lebih 20 tahun dan tidak dinafikan ada yang masih baru, misalnya di Kelantan, saya contohkan ialah Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu sudah lebih 28 tahun umurnya tetapi sehingga hari ini kita nampak kesan di sebalik operasinya yang begitu lama, usaha untuk memajukan petani masih tidak berjaya dan dipertikaikan oleh banyak pihak.

Demikian juga Lembaga Pertubuhan Peladang dan seumpamanya. Ini sudah pasti berlaku ketidakpuasan hati dari segi sudut pencapaian, penubuhan badan berkanun ini tidak ada kaitan langsung dengan gerak kerja ataupun apa yang dimaksudkan ialah prestasi kerja pegawai-pegawai atau kakitangan badan berkanun berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun Kerajaan Barisan Nasional cuba membuat suatu pendekatan baru. Pada pandangan saya selepas memasuki tahun 2000 ini, apabila didapati banyak badan berkanun di peringkat Persekutuan mengalami pelbagai permasalahan. Permasalahan dari sudut operationalnya di antaranya ialah persoalan kewangan selalu dilaporkan kerugian atau kegagalan dalam mencapai target. Kemudian, selalu juga berlaku di peringkat badan berkanun ialah pertukaran pengerusi-pengerusi, pertukaran pegawai-pegawai, ada pegawai yang meletakkan jawatan kerana sesuatu kes tertentu.

Jadi, kegagalan membawa misi organisasi, kegagalan mencapai untung besar ataupun matlamat yang membanggakan di sebalik tujuan penubuhan badan-badan berkanun tersebut, pada pemerhatian rakyat munasabah rang undang-undang ini dikemukakan dan pada pemikiran kami pula perlunya Kerajaan Barisan Nasional dalam era kepimpinan masa kini membuat sesuatu demi pemulihan badan berkanun secara total yang jelasnya ialah langkah memperkasakan jentera badan-badan berkanun ini dibuat bukan setakat mengadakan peraturan-peraturan kawalan kepegawaian sahaja tetapi lebih daripada itu seharusnya diperincikan ialah mewujudkan suatu peraturan ataupun satu garisan yang berprinsip untuk melantik Lembaga Pengarah di peringkat badan-badan berkanun berkenaan sebab sebahagian besar hala tuju badan berkanun itu berlaku hasil daripada keputusan-keputusan peringkat pengarah di dalam mesyuarat-mesyuarat pengarahnya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam rang undang-undang badan berkanun ini telah pun dijelaskan kepada kita menekankan isu-isu berkait dengan prosiding ataupun tatatertib, penamatan perkhidmatan dan surcaj mengenai tatalaku pegawai badan berkanun persekutuan. Ini bermakna kejayaan dari sudut visi misi dan juga objektif sesuatu badan berkanun berkenaan pada pandangan kerajaan adalah begitu tinggi pengharapannya dan pengharapan itulah sebenarnya menjadi satu cita-cita setiap rakyat untuk melihat kesan daripada perjalanan badan berkanun itu tidak memberi suatu tanda tanya tetapi menguntungkan semua pihak khususnya rakyat itu sendiri apabila badan berkanun itu, operationalnya adalah untuk membantu dan meninggikan taraf hidup rakyat.

Ini bermakna rang undang-undang ini mengiktiraf faktor manusia sebagai satu penggerak penting dalam menentukan fungsi-fungsi badan berkanun ataupun kejayaan badan berkanun itu sendiri. Oleh kerana itulah dengan adanya rang undang-undang badan berkanun ini yang melibatkan tatatertib dan surcaj ini bolehlah kita anggapkan sebagai suatu rangka kerja yang bertulis bagi memastikan pegawai tidak melakukan salah laku dan sekiranya dilakukan apa-apa salah laku dari sudut peraturan tadi, ianya boleh dikenakan apa-apa tindakan. Misalnya kita ambil contoh, dalam perjalanan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, saya contohkan kerana ada sedikit-sebanyak kepentingan di peringkat kawasan Parlimen saya.

Objektif LKIM ialah untuk memperbaiki kedudukan sosio-ekonomi nelayan dengan penumpuan kepada peningkatan pendapatan nelayan, memperkembangkan dan memajukan perusahaan yang berasaskan perikanan dalam negara kita ini. Jadi, berdasar kepada objektif ini, LKIM, pegawai-pegawainya jelas sekali memerlukan komitmen tinggi terhadap tugas untuk merancang, untuk melatih, menunjuk ajar nelayan dan juga supaya memandu nelayan tadi berdisiplin supaya boleh menghasilkan tangkapan yang lebih tinggi. Ini bermakna jika ada pegawai yang terlibat kerana tugas untuk membimbing nelayan-nelayan berkenaan, dalam masa yang sama pegawai tersebut mengambil kesempatan untuk mencari kepentingan atau mencari sedikit keuntungan daripada tugasnya seperti membuka syarikat untuk perusahaan perikanan, apa-apa syarikat sekalipun yang berkait dengan tugasnya, sudah pasti pada pengamatan sebagaimana yang dibuktikan dalam Jadual 2 dalam rang undang-undang ini di bawah peraturan 4(1)(a), jelas bahawa perkara tersebut boleh dikenakan tindakan oleh pihak Lembaga Tatatertib.

Jadi, sekiranya pegawai itu yang aktif sampai kepada peringkat memegang beberapa kepentingan saham dalam industri berkenaan, sudah pasti ianya boleh dikenakan tindakan. Jadi, jelasnya segala keputusan perancangan pentadbiran yang harus dibawa oleh pegawai berkenaan ialah untuk membimbing bagi memajukan nelayan. Bukannya untuk membimbing mengambil kesempatan untuk memajukan dirinya dari sudut peluang kebendaan yang ada di sebalik tugas yang dipikul.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menyambut dasar-dasar kebelakangan ini yang dipopularkan oleh kerajaan sendiri, beberapa badan berkanun telah dikorporatkan dan juga beberapa badan berkanun telah diswastakan. Jadi, dalam hal ini kita lihat faktor manusia dan juga faktor persekitaran yang mengelilingi perjalanan badan-badan berkanun itu sebenarnya harus diambil kira secara bersekali supaya dalam kes pegawai-pegawai yang bertugas bertungkus-lumus di dalam memajukan matlamat penubuhan badan berkanun tadi diberi pertimbangan yang sama supaya tidak berlaku mana-mana pegawai yang cuba engkar atau melakukan salah laku.

Oleh kerana itu, pertimbangan dari sudut skim gaji, pertimbangan dari sudut elaun, pertimbangan dari sudut insentif, kemudian lagi pertimbangan dari sudut kemudahan-kemudahan untuk promotion, pertimbangan dari sudut keadilan dalam pembahagian tugas dan juga perkara-perkara yang boleh dianggap membeban atau meringankan tugas perlu diambil kira di peringkat badan berkanun berkenaan, barulah kita melihat rang undang-undang ini sebagai satu asas pengawal, dalam masa yang sama pegawai mengambil suatu pendirian bahawa rang undang-undang ini sebagai suatu yang boleh mencetuskan sesuatu motivasi diri kepada menghasilkan gerak kerja yang lebih cemerlang supaya matlamat badan berkanun tersebut tidak terabai malah berjaya dicapai.

Oleh kerana itu, dalam arus kemajuan yang berlaku sekarang, kita lihat tuntutan kebendaan selalu mengelilingi pegawai itu sendiri atau kakitangan sendiri yang sekiranya layanan dari sudut apa yang saya sebutkan dari segi sudut gaji, elaun, insentif dan sebagainya tidak diutamakan di dalam mana-mana badan berkanun sudah pasti pegawai-pegawai berkenaan secara senyap, secara rahsia ataupun secara sulit akan melakukan pelanggaran-pelanggaran dalam bentuk salah laku yang saya sebutkan tadi.

Jadi, demi menyahut cabaran inilah pihak badan berkanun seharusnya memberi perhatian dengan berusaha bagi mewujudkan bukan setakat penguatkuasaan terhadap rang undang-undang yang bakal diluluskan ini tetapi ialah berusaha untuk mewujudkan suasana kerja yang positif kepada pegawai-pegawai dan juga persekitaran badan berkanun berkenaan supaya kita tidak hendak dengar adanya peraturan yang berorientasikan tatatertib dan surcaj ini, pegawai melanggar, pegawai yang dikenakan tidak berdisiplin dan kita tidak hendak dengar peraturan ini seringkali dikenakan kepada pegawai atas alasan pegawai berkenaan telah pun melakukan sesuatu yang bercanggah dengan perkhidmatan mereka.

Oleh kerana itulah tuntutan mewujudkan situasi kerja yang baik ini perlulah diwujudkan dalam masa yang sama penguatkuasaan kepada akta ini berlaku serentak. Jadi demi menyahut cabaran inilah, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan agar pihak lembaga badan-badan berkanun mengambil pendekatan supaya mempertingkatkan lagi kreativiti, kesungguhan, semangat yang berorientasikan knowledge worker ataupun untuk melahirkan lebih ramai tenaga-tenaga, kakitangan-kakitangan di peringkat badan berkanun yang berpengetahuan tinggi berasas kepada konsep 'k-workers' dalam setiap organisasi badan berkanun itu sendiri.

Saya yakin sekiranya pendekatan ini berjaya, tidak ada pegawai yang sanggup membuat pelanggaran terhadap akta ini. Justeru itulah pihak lembaga seharusnya bersifat flexible bagi memastikan program-program yang memberi suatu knowledge ataupun memberi suatu kemudahan kepada kakitangan mendapat promotion dalam jawatan mereka diutamakan. Justeru itulah ianya akan melahirkan kakitangan atau pegawai-pegawai di peringkat badan berkanun yang bersifat bersungguh-sungguh ataupun bersifat 'itqan' dalam konsep Islamnya dan juga bertanggungjawab ataupun 'mas'uliah' di dalam konsep pentadbiran Islamnya. Jadi dengan adanya pegawai yang 'itqan' dan 'mas'uliah', saya yakin dan percaya cita-cita kerajaan sendiri untuk mewujudkan suatu pengurusan korporat yang berjaya, pengurusan badan berkanun yang berjaya mencapai matlamat akan kita capai dan rakyat akan berbahagia dengan keadaan ini.

Jadi, saya sudahi ucapan saya dengan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri, sila.

**5.02 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Bernard Giluk Dompok]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, dari Batang Lupar, dari Machang, dari Sipitang, dari Kubang Kerian dan dari Bachok yang telah mengambil kesempatan untuk membahaskan Rang Undang-undang Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan kerajaan untuk membenteng Rang Undang-undang ini adalah untuk memberikan suatu keseragaman kepada cara tatatertib dalam badan-badan berkanun di mana didapati pada sebelum ini badan-badan berkanun tidak mempunyai satu badan tatatertib yang seragam, ada yang tidak mempunyai langsung dan ada yang sudah memiliki satu badan tatatertib yang lengkap. Fasal itu kalau kita lihat di rang undang-undang ini terdapat tujuh daripada badan-badan berkanun yang terkecuali daripada peruntukan rang-rang undang-undang ini oleh kerana mereka ini ataupun badan-badan berkanun ini sudah mempunyai peruntukan-peruntukan tatatertib dalam undang-undang masing-masing mereka dan badan-badan berkanun ini juga terkeluar daripada Sistem Saraan Baru (SSB) yang dikenalkan kepada kerajaan untuk pegawai-pegawai dan mereka yang bekerja dalam badan-badan berkanun.

Ahli Yang Berhormat dari Jelutong telah memberi suatu ucapan di mana beliau meminta supaya kerajaan bertindak, pekerja-pekerja tidak diturunkan moral oleh kerana kita mempunyai satu undang-undang yang ketat. Saya ingin menjelaskan dalam Dewan ini bahawa tujuan kerajaan memanglah untuk bekerjasama dengan mana-mana pegawai, biar dia bertugas dalam badan-badan berkanun mahupun dalam civil service proper iaitu tujuan kerajaan adalah memupuk semangat bekerjasama di antara pegawai-pegawai supaya kita menjadi satu delivery system yang baik iaitu satu sistem penghantar iaitu menghantarkan kepada rakyat apa yang diilhamkan oleh kerajaan yang baik untuk kepentingan rakyat kita. Jadi tidaklah termasuk dalam fikiran kerajaan ini untuk membuat sesuatu yang tidak menandatangani penyelesaian di kalangan pegawai yang berkhidmat untuk memajukan negara kita ini bersama-sama dengan orang politik.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupa telah ingin tahu berapakah ramainya badan-badan berkanun yang termasuk dalam peruntukan rang undang-undang ini. Pihak Jabatan Perkhidmatan Awam telah mengkaji 71 buah badan-badan berkanun dan terdapat bahawa kebanyakan daripada badan-badan itu tidak mempunyai peruntukan-peruntukan yang seragam berdasarkan tata tertib dan disiplin dan tujuh daripada itu didapati memiliki suatu badan yang bersesuaian untuk mengendali kes disiplin dan surcaj. Jadi jawapan saya adalah dalam lingkungan 64 yang termasuk dalam rang undang-undang ini.

Ahli Yang Berhormat juga telah menyentuh tentang kenapakah nama Perdana Menteri itu dimasukkan ke dalam akta ini dan beliau diberi kuasa untuk mengecualikan dalam Jadual 2 dan 3, perkara-perkara tentang peruntukan Jadual 2 dan 3 ini. Ini adalah hanya satu enabling clause untuk membolehkan Ketua Eksekutif Negara untuk membuatkan sesuatu untuk menyelaraskan peruntukan rang undang-undang ini. Kalau kita ambil contoh dengan badan-badan berkanun seperti badan berkanun yang telah di 'corporatize' atau diswastakan memang ini tidak lagi termasuk dalam bidang kuasa rang undang-undang dan ini perlu digugur dalam senarai yang dijadualkan. Jadi ini satu contoh di mana kuasa ini boleh digunakan. Dan saya mengambil kesempatan ini bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah bertanggungjawab kepada Dewan ini dan rakyat Malaysia dan kalau terdapat kesalahan mereka dalam menjalankan tugasnya memang ini beliau akan dihakimi oleh rakyat. Jadi kalau kita pertikaikan ini, saya fikir tidak ada negara yang boleh ditadbir oleh seorang yang dipilih oleh rakyat.

Ahli Yang Berhormat dari.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri, ada Pokok Sena bangun.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat ada menyebut tentang ada nama Perdana Menteri dimasukkan dalam rang undang-undang ini. Walaupun ada diberikan satu gambaran bahawa mungkin tidak akan berlaku sebarang penyelewengan kerana Perdana Menteri akan dihakimi oleh rakyat kalau dia bertindak bertentangan. Tetapi sejauh mana rang undang-undang ini boleh memberikan jaminan bahawa Perdana Menteri tidak akan menggunakan kuasa dia untuk bertindak ke atas mana-mana pegawai di peringkat badan berkanun yang berkemungkinan untuk bertindak ke atas mana-mana pihak pula yang dianggap ada kepentingan politik ataupun ada kepentingan bersama dengan Perdana Menteri. *[Disorak]*

Saya tunjuk satu contoh di sini, Bangunan MATRADE di KL telah delay lima tahun...dengar dulu, jangan kata 'pirah', Bangunan MATRADE di KL ini telah delay selama lima tahun walaupun ini bukan badan berkanun. Tetapi pihak JKR (Jabatan Kerja Raya) sukar untuk mengambil tindakan terhadap syarikat tersebut. Syarikat tersebut dipunyai oleh sebuah syarikat yang namanya ialah Perangsang. Syarikat dimiliki oleh adik kepada Naib Presiden UMNO dan inilah yang menjadi keluh kesah di kalangan pegawai-pegawai kerajaan khususnya di JKR untuk mengambil apa-apa tindakan terhadap syarikat ini apabila wujudnya kerja-kerja yang dilakukan tidak mengikut spec yang sebenarnya yang ditentukan oleh pihak JKR. Jadi sejauh mana kita hendak memastikan bahawa kalau dalam keadaan tidak ada pun nama mana-mana pemimpin UMNO dalam jabatan tetapi masih juga sukar untuk pihak pegawai-pegawai JKR untuk mengambil tindakan apatah lagi dalam keadaan Perdana Menteri sering disebut. Saya tidak salah....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, saya ingat cukuplah.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Saya katakan tidak salah bahawa nama Perdana Menteri itu boleh disebut....

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** Peraturan Mesyuarat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Pokok Sena, ada Peraturan Mesyuarat.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Sejauh mana boleh memberikan jaminan perlindungan bahawa keselamatan pegawai-pegawai tidak diambil apa-apa tindakan.

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bangkitkan point of order ini. Dia membuat tuduhan yang tidak betul - PISB. Saya hendak membetulkan, kalau tidak point of order, fitnah pun saya hendak membetulkan fakta dalam Dewan yang mulia ini. PISB saya declare, saya dulu adalah Lembaga Pengarah PISB. PISB ini bukannya dimiliki oleh adik kepada Naib Presiden. Saya tahu siapa maksud dia. Dia adalah kepunyaan Kerajaan Negeri Selangor, bukannya kepunyaan individu dan sekarang kita sudah tukar Lembaga Pengarah dia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat cukuplah.

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** Saya hendak betulkan ini sebab PAS ini buat kenyataan dalam Parlimen pun pandai bohong, tambah di luar lagi dia bohong. [Tepuk] Lain kali cakup biar ada faktalah, jangan hendak bohong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat...

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Menteri jawab.

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** Hah, bohong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri, sila.

**Tan Sri Bernard Giluk Dompok:** Tuan Yang di-Pertua, perkara yang telah disentuhkan oleh Yang Berhormat bagi Pokok Sena ini tidak berkenaan langsung dengan perkara yang kita bahas pada hari ini tetapi saya ingin memberitahu, menjelaskan kepada Dewan ini bahawa dalam Rang Undang-undang yang telah dibentangkan ini kita menggunakan cara-cara bagaimana tindakan tatatertib akan diambil, kita tubuhkan jawatankuasa, ada juga Jawatankuasa Rayuan dan si dakwa itu kalau dia mempunyai kes di mana melibatkan undang-undang di mana salah tafsir undang-undang oleh Jawatankuasa Rayuan misalnya, dia boleh pergi ke mahkamah untuk merayu. Ini bukan politik. Di mahkamah ini tiada UMNO, tiada PAS, tiada BN, jadi saya fikir pihak Yang Berhormat sedar.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat ...

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** mengenai perkara ini yang ada kaitan.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Biar Menteri habiskan ...

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Sikit, sikit saja lagi...

**Tan Sri Bernard Giluk Dompok:** Tak payahlah.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Tak, saya rasa ada kaitan sebab saya hendak tanya bagaimana seorang pegawai .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Menteri tak benarkan.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Tak, saya hendak minta penjelasan, saya rasa Yang Berhormat pihak Menteri harus beri sebab ini untuk penjelasan kepada mana-mana pegawai yang ada di sini. Saya rasa .....

**Tan Sri Bernard Giluk Dompok:** Yang di-Pertua, beberapa ahli Yang Berhormat telah berucap, saya....

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** . [Menyampuk]

**Tan Sri Bernard Giluk Dompok:** Beri masa bagi sayalah untuk menjawab perkara yang telah .....

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** ....memberikan gambaran yang sebenar bagaimana kalau seorang pegawai yang hendak bertindak....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat...Yang Berhormat

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** .....umpamanya sepertimana bekas Ketua Pengarah BPR hendak bertindak ke atas bekas Pengarah EPU tetapi dihalang oleh Perdana Menteri, apa tindakan yang boleh dilakukan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat ....

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Ini menunjukkan bahawa .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** ....Yang Berhormat, peraturan ada Yang Berhormat .....

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Apakah prosedur yang ada tetapi kepentingan politik mengatasi segala-galanya. [Disampuk]

**Tan Sri Bernard Giluk Dompok:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita bincang sekarang ini ialah satu Rang Undang-undang untuk badan-badan berkanun. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Kubang Kerian telah menyentuh tentang kuasa Yang Berhormat Perdana Menteri yang saya telah jelaskan tadi. Beliau juga telah menyentuh tentang Ketua Pengarah iaitu bila dia dikenakan tindakan tatatertib, Pengerusi Lembaga Rayuan itu adalah terdiri daripada Pengerusi yang mungkin jadi kawan karibnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir dalam akta ini kerajaan ataupun badan berkanun diberi kelonggaran untuk membuat sesuatu iaitu daripada peruntukan-peruntukan akta ini, Rang Undang-undang ini kita mempunyai peruntukan-peruntukan yang dapat mengelakkan supaya mereka yang berkepentingan dalam kes itu tidak akan menjadi salah satu daripada ahli Jawatankuasa Tatatertib ataupun ahli Jawatankuasa Rayuan.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya, perkara-perkara yang telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat adalah berkisar kepada keraguan mereka tentang pelaksanaan Rang Undang-undang ini dan saya fikir mereka itu pada prinsipnya menyokong dasar bahawa kita memerlukan satu rang undang-undang untuk menyelaraskan semua perkara tatatertib dan surcaj dalam badan-badan berkanun yang sekarang ini belum lagi mendapat satu peruntukan atau satu undang-undang untuk tatatertib dan surcaj dalam badan-badan berkanun.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dengan pandangan mereka dan kalau ada perkara yang saya tak sempat jawab pada kali ini memang kita akan meneliti apa dia kebaikan kalau ini diambil kira dalam penggubalan undang-undang dalam masa-masa yang akan datang. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 hingga 29** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang

**Jadual** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### **RANG UNDANG-UNDANG KERJA (PINDAAN) 2000**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**5.28 ptg.**

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kerja 1955 (Akta 265).

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 1 Rang Undang-undang ini mengandungi tajuk ringkas dan kuasa menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Pindaan yang dicadangkan dalam akta tersebut adalah Seksyen 31 seperti Fasal 2 rang undang-undang ini di mana rang undang-undang ini bertujuan bagi memastikan peruntukan yang baru itu bahawa hak pekerja diberi keutamaan mengatasi hak pemiutang bercagar dan pemegang *debenture* apabila harta majikan dijual, ditahan atau di *banish* oleh mahkamah penerima atau pengurus.

Bagi Fasal 5, rang undang-undang ini bertujuan untuk meminda Seksyen 60D Akta 265 supaya pekerja mendapat cuti am bergaji apabila cuti am tambahan diisytiharkan oleh Kerajaan Pusat. Sekiranya hari yang diisytiharkan oleh Kerajaan Persekutuan sebagai cuti am didapati tidak sesuai oleh majikan maka majikan diberi budi bicara untuk mengganti hari itu dengan hari lain yang difikirkan sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 6 pula dalam rang undang-undang bertujuan untuk meminda Seksyen 60I Akta 265, bukan yang baru ini, bertujuan untuk memberi Ketua Pengarah Buruh kuasa untuk meluluskan skim bayaran insentif.

Fasal 7 adalah menyentuh Seksyen 63 Akta 265, bagi membolehkan Ketua Pengarah memilih salah satu daripada dua cara untuk memberitahu majikan supaya mengemukakan penyata. Pindaan ini juga bertujuan memperluaskan ruang lingkup Seksyen 63 supaya meliputi semua pekerja tanpa mengambil kira gaji bulanan mereka.

Yang terakhir Fasal 8 dalam rang undang-undang ini bertujuan untuk meminda Seksyen 69C Akta 265, untuk membolehkan Ketua Pengarah menyiasat sebarang tuntutan tanggung rugi oleh majikan atau pekerja kerana penamatan kontrak. Peruntukan yang sedia ada hanyalah meliputi tuntutan oleh majikan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan lain yang tidak disebut secara khusus adalah pindaan kecil atau berbangkit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Siapa sokong.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Rais bin Yatim]:** Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Terima kasih.

Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama satu akta untuk meminda Akta Kerja Tahun 1955 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Gelang Patah.

**5.05 ptg.**

**Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyambut baik Tuan Yang di-Pertua cadangan kerajaan untuk meminda Akta

Kerja iaitu Akta 265 tahun 1955. Tuan Yang di-Pertua, para pekerja yang rajin dan dedikasi merupakan salah satu faktor utama yang membantu kejayaan majikan. Dalam semua ekonomi di dunia ini, bilangan pekerja selalunya lebih ramai daripada bilangan majikan.

**Beberapa Ahli: [Ketawa]**

**Tuan Chang See Ten:** Justeru itu untuk memastikan pembangunan ekonomi yang berterusan ini... [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua ramai yang ketawa, saya pun ketawa. Kita mesti memberi pengiktirafan yang sewajarnya terhadap sumbangan golongan pekerja. Hak serta kebajikan para pekerja mesti dipertahankan supaya mereka serta keluarga mereka dapat turut menikmati hasil pembangunan ekonomi negara. Ini adalah sejajar dengan matlamat kerajaan untuk mengagihkan kekayaan negara secara lebih adil dan saksama.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu pindaan yang diperkenalkan kali ini ialah cadangan untuk melindungi hak pekerja dengan memastikan bahawa hak pekerja diberi keutamaan mengatasi hak pemiutang bercagar dan pemegang *debenture* apabila harta majikan dijual oleh mahkamah penerima atau pengurus.

Pada pendapat saya cadangan ini sekiranya diluluskan oleh Dewan yang mulia ini akan memberi satu bentuk perlindungan yang konkrit yang bermakna pada para pekerja. Sungguhpun hak para pekerja akan mendahului hak pemiutang bercagar dan pemegang *debenture*, apabila harta majikan dijual saya percaya tidak ramai pekerja yang mengharapkan harta majikan mereka dijual. Ini adalah kerana harta majikan hanya akan dijual jika majikan mereka hampir bankrap atau diisytiharkan bankrap.

Tuan Yang di-Pertua, menurut undang-undang yang sedia ada hak pekerja tidak mendapat perlindungan secara langsung. Ini mengakibatkan ramai pekerja akan mencari peluang pekerjaan dengan syarikat atau firma lain apabila mengetahui majikan mereka menghadapi masalah kewangan. Perbuatan ini akan merumitkan lagi masalah majikan mereka. Adalah tidak mudah bagi sesebuah syarikat yang menghadapi masalah kewangan mengupah pekerja baru yang berkebolehan untuk sama-sama menyelesaikan masalah yang dihadapi. Kalau pun Lembaga Pengarah telah merumuskan formula yang boleh menghidupkan semula syarikat, rancangan yang digubalkan tidak akan dapat dijalankan jika syarikat tersebut tidak mempunyai kakitangan yang secukupnya. Dengan menjanjikan kepada para pekerja bahawa hak mereka akan diutamakan apabila harta majikan dijual, ini sebenarnya menggalakkan para pekerja supaya terus berkhidmat dengan majikan mereka walaupun kedudukan kewangan majikan mereka mungkin terganggu.

Keputusan para pekerja untuk menghadapi cabaran bersama dengan majikan berkemungkinan besar dapat menyelamatkan semasa sesebuah syarikat daripada pinggir kebankrapan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat panjang lagi kah.

**Tuan Chang See Ten:** Ada lagi, besok sambung boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Banyak lagi kah.

**Tuan Chang See Ten:** Ada, banyak lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Agak berapa lama boleh habis.

**Tuan Chang See Ten:** Sepuluh minit, lebih kurang sepuluh minit atau lebihlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Besok sambunglah.

**Tuan Chang See Ten:** Minta sambung besok, boleh?.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik.

**Beberapa Ahli:** [Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ada ucapan penghargaan.

#### USUL

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT.**

**5.30 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Rais bin Yatim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

“bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

#### UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

#### **Kebebasan Bersuara Perlu Dipulihkan Sepenuhnya**

**5.30 ptg.**

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor [Pendang]:** Bismillahir-Rahmanir-Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana mengizinkan saya untuk berucap dalam Ucapan Penangguhan ini.

Kebebasan bersuara merupakan antara hak asasi yang dijamin oleh Perlembagaan negara seperti yang diabadikan dalam Perlembagaan Malaysia Fasal 10. Hak ini merupakan suatu kurniaan Allah yang diguna pakai oleh setiap bangsa yang bertamadun.

Dalam batas-batas yang diterima sebagai satu konvensyen hak bersuara merupakan saluran bagi manusia menyampaikan dan menerima maklumat bagi memajukan umat manusia.

Perkembangan dan kemajuan intelek rakyat di negara-negara yang menghormati hak bersuara ini jelas dapat dilihat di negara-negara maju sementara negara yang mengehendkan kebebasan bersuara ternyata mundur dari segi perkembangan minda rakyatnya.

Amalan kebebasan bersuara telah sama kita nikmati sejak merdeka dalam darjah kebebasan yang berbeza-beza. Di zaman pemerintahan Perdana Menteri pertama, memberikan kebebasan untuk berhimpun dalam rapat-rapat umum. Kebebasan ini memberikan peluang perkumpulan minoriti dan pembangkang menyampaikan mesej mereka kepada masyarakat.

Selepas Peristiwa 13 Mei 1969, rapat-rapat umum diharamkan, tetapi ceramah umum masih diizinkan. Dalam keterbatasan ini pihak pembangkang masih boleh walaupun dengan bersusah payah berdepan dengan masyarakat dan kita memanfaatkan hak ini bagi membantu pembinaan negara.

Selepas pilihan raya yang ke-10 pada November 1999 yang lalu, yang melihat pencapaian luar biasa parti Barisan Alternatif. Kerajaan Barisan Nasional mengambil sikap yang negatif dengan memutuskan sebahagian saluran perhubungan dan maklumat dari Barisan Alternatif dengan penyokong serta rakyat keseluruhannya. Mereka takut apabila ruang komunikasi antara Barisan Alternatif dengan orang ramai terbuka luas, apa yang berlaku di Terengganu dan Kelantan serta beberapa buah negeri lagi merebak ke seluruh negara.

*Harakah* yang menjadi lidah penyambung PAS dengan rakyat telah dikongkong dengan amat kejam sekali. Permit berceramah pula telah dihadkan begitu

tegas sekali oleh pihak berkuasa. Pihak Barisan Alternatif telah mengadakan pertemuan dengan pihak tertinggi polis sebelum ini bagi mendapatkan kerjasama daripada pihak keselamatan. Pelbagai syarat yang dikenakan telah dipatuhi oleh penganjur-penganjur ceramah di seluruh negara.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Sri Gading bangun. Yang Berhormat ...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masa yang dihadkan untuk Yang Berhormat bagi Pendang .....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Masa 5.30 petang tamat, saya menghormati Ketua Pembangkang, saya tunggu. Jadi, Yang Berhormat, saya hendak minta penjelasan sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sri Gading, sila duduk!

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Belum ada satu pun peristiwa di mana sesi ceramah yang dianjurkan oleh Barisan Alternatif bertukar ganas atau menimbulkan gangguan ke atas ketenteraman awam. Tidak ada sebarang alasan konkrit boleh digunakan oleh pihak berkuasa untuk menolak pelbagai permohonan Barisan Alternatif selain isu pilihan raya yang telah tamat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya hendak buat pertanyaan.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Ceramah Barisan Alternatif bukan semestinya ceramah pilihan raya. Oleh itu, ceramah Barisan Alternatif tidak terikat dengan bila pilihan raya akan diadakan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Sri Gading, sila duduk.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya mohon Yang Berhormat bagi Pendang beri saya sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masa untuk beliau dihadkan hanya tujuh minit sahaja.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya hendak buat sedikit pertanyaan sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak dibenarkan.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Barisan Alternatif juga menyediakan petugas yang ramai bagi mengawal keselamatan dan lalu lintas, malah banyak membantu pasukan polis yang turut hadir dalam ceramah-ceramah Barisan Alternatif.

Jadi, apabila polis meminta surat kebenaran pihak berkuasa tempatan, bagi kegunaan padang awam selain kebenaran tuan rumah meminta geran tanah lapang yang akan dijadikan tempat ceramah, menghadkan penceramah kepada beberapa nama penceramah tertentu, membuat penyiasatan yang bukan-bukan terhadap tuan rumah serta penganjur, membatalkan permit di saat-saat akhir setelah semua persiapan dibuat, semuanya ini adalah langkah-langkah yang menyusahkan serta menimbulkan kemarahan para petugas dan penyokong Barisan Alternatif.

Setakat ini pihak Barisan Alternatif banyak berkompromi dan bersabar dalam menghadapi halangan-halangan ini, tetapi kami mula dihujani persoalan dan rasa tidak puas hati dari ahli dan penyokong di seluruh negara. Rakyat membangkitkan soal keadilan dalam melayani parti pembangkang, kami masih mampu memujuk mereka dengan harapan keadaan akan berubah dan kebebasan bersuara ini dipulihkan. Namun, tiada isyarat-isyarat positif yang kita perolehi daripada pihak berkuasa.

Dalam era teknologi maklumat ini, adalah tidak munasabah kebebasan bersuara dihadkan sehingga menjejaskan daya intelek manusia dalam persaingan untuk memperoleh maklumat mengikut cara yang dirasakan paling berkesan.

Rakyat yang patuh kepada undang-undang tidak akan menyalahgunakan kemudahan ini, sementara bagi penyeleweng, undang-undang yang sedia ada mencukupi untuk menanganinya.

Pembangunan sektor media cetak juga harus menikmati perkembangan semasa, halangan yang dikenakan dewasa ini terhadap beberapa akhbar seperti *Harakah*, *Eksklusif*, *Majalah Detik* dan lain-lainnya adalah langkah mundur yang meletakkan Malaysia jauh kebelakang dalam senarai negara yang mempunyai kebebasan akhbar.

Malah pemimpin negara kita masih tersenarai di kalangan pemimpin yang memusuhi akhbar. Negara sepatutnya membina suasana pertumbuhan akhbar yang mandiri, kompetitif dan berkualiti. Orang akan mentertawakan kita yang ghairah dengan membuka Koridor Raya Multimediana sedangkan media tradisinya sendiri dikongkong.

Bagi berlaku adil kepada rakyat dan bagi memulihkan semula hak asasi rakyat untuk bersuara serta bagi mengembalikan semula imej negara di mata dunia yang tercacat akibat tindakan zalimnya selama ini, kami memohon supaya:-

- (i) Kekerapan *Harakah* dikembalikan kepada dua kali se minggu untuk memberikan semula permit menerbitkannya seperti dahulu oleh Kementerian Dalam Negeri. Segala syarat seperti dahulu tetap akan dipatuhi dan pihak penerbit bersedia untuk ditegur atas sebarang kekurangannya. Jika berlaku perkara yang dikatakan melanggar undang-undang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Ketua Pembangkang, sila gulung, masa sudah cukup untuk Yang Berhormat.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Saya menggulung, Tuan Yang di-Pertua.

Pengurusan *Harakah* sedia dibawa ke muka pengadilan dan biarkan mahkamah membuat penentuan.

- (ii) Pihak Kementerian Dalam Negeri menimbang dan meluluskan permohonan PAS untuk menerbitkan akhbar hariannya *Purnama* dengan terma dan syarat yang sama seperti dikenakan kepada lain-lain akhbar harian. Pihak berkuasa memberikan permit kepada semua permohonan untuk mengadakan ceramah yang melengkap semua syarat biasa tanpa mengenakan syarat-syarat yang tidak munasabah.
- (iii) Campur tangan pihak parti Barisan Nasional membantah penganjuran ceramah oleh Barisan Alternatif tidak harus dilayan sama sekali oleh pihak berkuasa. Kami mengharapkan suasana di mana pihak berkuasa berkecuali dalam menghadapi persaingan di kalangan parti-parti politik di negara kita Malaysia.
- (iv) Meminta kerjasama kerajaan memastikan liputan akhbar harian dan media elektronik kerajaan atau swasta tidak memberikan laporan yang berat sebelah yang memusuhi

Barisan Alternatif. Di samping itu, media kerajaan tidak dimonopoli oleh parti pemerintah dalam memberikan laporan khusus untuk parti pemerintah dengan menggunakan peruntukan wang kerajaan yang datang daripada rakyat.

- (v) Jika keadaan tidak dipulihkan kepada tahap yang lebih demokratik, kerjasama pihak Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) akan diperolehi dan ini tentunya bukan publisiti yang baik bagi Kerajaan Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

5.40 ptg.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]:** Tuan Yang di-Pertua, selepas mendengar hujah-hujah oleh Yang Berhormat pembangkang, saya ingin menjawab sedikit sebanyak apa yang telah pun dihujahkan dalam hujah-hujahnya, yang pertama Malaysia merupakan sebuah negara berbilang kaum yang mana parti-parti politik wujud berteraskan kaum dan etnik.

Oleh yang demikian, kesan politik yang ekstrem jika tidak ada kawalan boleh membawa akibat yang buruk kepada rakyat khususnya dan negara amnya. Menyedari hakikat ini, kerajaan sentiasa memberi perhatian yang berat kepada sebarang aktiviti oleh parti-parti politik agar keharmonian masyarakat majmuk di Malaysia kekal dan keselamatan awam sentiasa terjamin. Aktiviti-aktiviti parti politik ini termasuklah ceramah-ceramah politik.

Tuan Yang di-Pertua, pihak pembangkang tidak dihalang dan diberi kebebasan menganjurkan ceramah-ceramah politik, walau bagaimanapun, mereka perlu memenuhi beberapa syarat yang dikenakan seperti mana yang telah disebut oleh Ketua Pembangkang dan selepas saya mendengar hujah-hujah oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang, orang Kedah kata, 'pi mai pi mai pun balik kat soal *Harakah*' sebab apa *Harakah* ini tidak boleh macam lidah rasmi parti-parti pembangkang ataupun parti-parti politik yang lain, kalau mereka ini boleh dapat mematuhi segala syarat yang ditetapkan, yang berkaitan dengan permit. Jika pihak *Harakah* dapat mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan, hari ini kita tidak payah bising di sini, dalam Parlimen! Masalah ialah *Harakah* memang tidak mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan semasa permit ini diberikan, apa lagi alasan yang lain, yang boleh kita terima dan bukan kali pertama, kali kedua pihak kerajaan telah pun memberi beberapa kali amaran dan teguran supaya *Harakah* bertindak dan membuat laporan mengikut syarat-syarat yang ditentukan.

Tuan Yang di-Pertua, di negara kita memang terdapat begitu banyak parti politik sama ada pembangkang ataupun parti kerajaan. Walau bagaimanapun, semua lidah rasmi parti politik telah diberikan permit untuk membuat penerbitan, bukankah ini satu kebebasan bersuara? Kalau bukan kebebasan bersuara, apa dia ini?

Dan kita balik kepada masalah ataupun soal adakah kebebasan diberikan kepada kita semua di Malaysia ataupun di mana-mana dunia ini mempunyai batasan. Seperti kita semua maklum, Malaysia ini adalah sebuah negara yang berbilang kaum, berbilang bangsa dan agama. Kalau kebebasan yang diberikan kepada rakyat tanpa batasan, saya percaya negara ini akan menjadi huru hara, mungkin pihak parti PAS ataupun wakil-wakil pembangkang memang mahu supaya keadaan ini wujud dalam negara ini, tetapi sebagai satu kerajaan yang bertanggungjawab, memang kita tidak dapat membiarkan keadaan ini wujud di negara kita. Sebab ini adalah untuk kebaikan semua rakyat tanpa mengira bangsa dan agama.

Tuan Yang di-Pertua, pihak polis memang tidak pernah menghalang ataupun campur tangan dari segi .....

**Tuan Haji Mohamad bin Haji Aziz:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sri Gading, ada apa tujuan?

**Dato' Chor Chee Heung:** Tujuh setengah minitlah. Tidak apalah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Boleh?

**Dato' Chor Chee Heung:** Boleh!

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masa dihadkan.

**Dato' Chor Chee Heung:** Okay, cepat sedikit!

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya hendak tumpang tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, ekoran daripada ucapan Ketua Pembangkang, Ahli Yang Berhormat bagi Pendang, beliau selalu menggunakan perkataan Barisan Alternatif, apakah parti ini telah pun berdaftar atau tidak? Kalau tidak, maknanya Ketua Pembangkang mengandaikan dirinya sebagai parti haram. Parti yang tidak berdaftar dalam Dewan yang mulia ini, itu satu.

Yang kedua, Yang Berhormat bagi Pendang menyatakan, menuduh pihak kerajaan punya media berat sebelah, *Harakah*, apakah tidak berat sebelah kepada PAS? Apakah mereka adil kepada kerajaan?

Jadi, tuduhan seperti ini tuduhan yang semata-mata hendak menegakkan benang yang basah. Saya bertanya kepada Yang Berhormat .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Sri Gading, ingin saya hendak maklumkan, masa untuk Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah dekat habis.

**Dato' Chor Chee Heung:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya minta dua minit sahaja. Memang apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat benar. Sebenarnya media-media elektronik kita, surat-surat khabar di negara kita memang tidak berat sebelah. Berat sebelah sebab mereka mengatakan mendakwa bahawa media-media massa ini berat sebelah, sebenarnya apa yang dikatakan ceramah-ceramah mereka itu begitu tidak menggambarkan sebuah masyarakat majmuk, media elektronik sengaja tidak mahu *print* mereka punya *news*. Ini sahaja, mereka memang tidak sukalah. Pihak *Harakah* ini memang kita tahulah, dia berat sebelah sampai habis-habisan, ini yang saya diberitahu.

Yang kedua, pihak polis, pihak kerajaan memang tidak pernah menghalang mereka untuk mengadakan ceramah dan lain-lain aktiviti, asalkan mereka mengikut syarat-syarat yang dikenakan permit itu. Dan untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, kalau kawan-kawan saya dari pihak pembangkang memang tidak mahu terima lagi iaitu semua parti politik tidak kira sama ada pembangkang ataupun Barisan Nasional, jika mereka ingin menganjurkan apa sahaja ceramah atau aktiviti, mereka juga tetap kena patuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak polis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masa untuk Yang Berhormat cukup.

**Dato' Chor Chee Heung:** Baiklah. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih, maka selepas hujah yang begitu pendek, saya berpendapat soal kebebasan bersuara perlu dipulih sepenuhnya tidak timbul sama sekali sebab ianya memang sudah wujud lama, cuma pihak pembangkang tidak mahu mengakui itu sahaja. Sekian, terima kasih.

### Penguatkuasaan “Kod Etika Hakim-Hakim 1994”

5.48 ptg.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof [Kemaman]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Ucapan Penangguhan saya ialah mengenai Penguatkuasaan Kod Etika Hakim-hakim 1994.

Satu kod etika bernama Kod Etika Hakim-Hakim 1994 atau dalam bahasa Inggerisnya, dengan izin, *Judges' Code of Ethics 1994* telah digariskan oleh Ketua Hakim Negara untuk diguna pakai oleh hakim-hakim. Tujuannya ialah untuk mengawal perlakuan hakim-hakim supaya kewibawaan sistem kehakiman negara terjamin.

Pelaksanaan kod etika ini patut diberi sokongan dan pujian. Di antara kandungan kod etika ini adalah seperti berikut, dengan izin:

- 2(2) - *The breach of any provision of this Code of Ethics may constitute a ground for the removal of a judge from office.*
- 3(1) - *A judge shall not:*
- (a) *Subordinate his judicial duties to his private interests;*
  - (b) *Conduct himself in such manner as is likely to bring his private interest into conflict with his judicial duties;*
  - (c) *Conduct himself in any manner likely to cause a reasonable suspicion that*
    - *he has allowed his private interest to come into conflict with his judicial duties so as to impair his usefulness as a judge;*
    - or*
    - *he has used his judicial position for his personal advantage.*
  - (d) *Conduct himself dishonestly or in such manner as to bring the Judiciary into disrepute or to bring discredit thereto; .....dan seterusnya.*

Penggarisan kod etika ini cukup baik sekiranya ia benar-benar diguna pakai oleh semua hakim. Tindakan tegas tanpa mengira kedudukan dan pangkat patut diambil terhadap mana-mana hakim yang melanggar kod etika ini. Sekiranya ianya dikuatkuasakan, maka ia sedikit sebanyak dapat memulihkan imej sistem kehakiman negara yang sudah tercemar akibat daripada tindakan yang tidak bertanggungjawab beberapa orang hakim. Ia akan memberi kewibawaan kepada hakim-hakim yang menjalankan tanggungjawab mereka dengan jujur dan amanah.

Tetapi sekiranya tindakan tegas tidak diambil terhadap mana-mana hakim termasuk Ketua Hakim Negara yang melanggar kod etika ini, maka imej sistem kehakiman negara akan terus tercemar. Keyakinan rakyat dan masyarakat setempat dan antarabangsa terhadap keadilan dan ketelusan sistem kehakiman negara terus menjadi tanda tanya.

Saya ingin penjelasan, siapakah yang bertanggungjawab menguatkuasakan Kod Etika Hakim-hakim 1994 ini? Sekiranya kod etika ini dilanggar oleh Ketua

Hakim Negara sendiri, siapa yang bertanggungjawab mengambil tindakan terhadap beliau. Sebagai rakyat yang prihatin dan bertanggungjawab, apakah tindakan yang boleh diambil terhadap mana-mana hakim termasuk Ketua Hakim Negara sendiri, sekiranya mereka mendapati hakim-hakim ini melanggar Kod Etika Hakim-hakim 1994 ini.

Sekiranya hakim-hakim ini bebas melakukan apa mereka suka, saya takut masyarakat tidak lagi menghormati hakim-hakim dan sistem kehakiman negara. Baru-baru ini negara dikejutkan dengan pertelingkahan di antara seorang menteri kanan dan Ketua Hakim Negara yang menegur tingkah laku tidak sopan Ketua Hakim Negara sekeluarga bercuti dengan seorang peguam V.K. Linggam sekeluarga di New Zealand.

Satu kenyataan akhbar telah dibuat oleh Ketua Hakim Negara mendakwa kononnya perjumpaan beliau dengan peguam V.K. Linggam di New Zealand adalah secara kebetulan sahaja. Walau bagaimanapun, pendedahan yang dibuat oleh akhbar *Asian Wall Street Journal*, Internet dan laporan penyiasat Bowman membuktikan perjumpaan tersebut bukannya secara kebetulan, tetapi hasil daripada percutian yang terancang dan berjadual, siap dengan gambar dan semua butir-butir percutian, perjalanan dan tempat percutian mereka sekeluarga didedahkan. [Tepuk]

Kenyataan Ketua Hakim Negara ini mestilah disiasat sama ada beliau mengeluarkan kenyataan palsu ataupun tidak. Sekiranya ia ternyata kenyataannya palsu, ini melanggar Kod Etika Hakim-hakim 1994, Seksyen 3(1)(d) iaitu, dengan izin, "Conduct himself dishonestly or in such manner as to bring the Judiciary into disrepute or to bring discredit thereto;" Untuk melindungi salah laku beliau bercuti dengan seorang peguam yang mewakili pelanggan-pelanggan di mana Ketua Hakim Negara terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam perbicaraan kes-kes mereka.

Ini jelas dan terang melanggar kod etika hakim-hakim Seksyen 3(1) (a),(b) dan (c) iaitu, dengan izin;

- 3(1) - A judge shall not:
- (e) Subordinate his judicial duties to his private interests;
  - (f) Conduct himself in such manner as is likely to bring his private interest into conflict with his judicial duties;
  - (g) Conduct himself in any manner likely to cause a reasonable suspicion that
    - he has allowed his private interest to come into conflict with his judicial duties so as to impair his usefulness as a judge;
    - or
    - he has used his judicial position for his personal advantage.

Siapakah yang bertanggungjawab menguatkuasakan Seksyen 2(2) kod etika ini iaitu, dengan izin, "2(2) - The breach of any provision of this Code of Ethics may constitute a ground for the removal of a judge from office", terhadap Ketua Hakim Negara yang mengeluarkan kenyataan palsu dan berlaku sumbang ini.

Selain Ketua Hakim Negara, Peguam V.K. Linggam ini juga didapati bercuti bersama dengan Peguam Negara, Tan Sri Mohtar Abdullah di Itali pada tahun 1994. [Tepuk] Gambar-gambar percutian beliau bersama juga tersiar di dalam Internet.

Siapa lagi yang dibawa oleh peguam ini bercuti, Allah sahaja yang maha mengetahui, tetapi memang diketahui umum bahawa peguam ini mewakili pelanggan-pelanggan terkenal yang menyaman pihak-pihak tertentu yang melibatkan saman bernilai berjuta-juta ringgit yang mana Ketua Hakim Negara terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam perbicaraan kes-kes ini.

Penyelewengan dan salah laku hakim-hakim mula terdedah apabila tersebarinya surat layang mengenai amalan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penetapan perjalanan kes-kes tertentu yang didakwa ditulis oleh bekas Hakim Mahkamah Tinggi yang sudah jijik dan jelek dengan penyelewengan berlaku di dalam perbicaraan kes-kes seperti Ayer Molek, MBf. Holdings, V.K. Linggam lwn. Skrine & Co. dan Param Cumaraswamy dan lain-lain lagi.

Surat tersebut walaupun merupakan surat layang tetapi ternyata apa yang diperkatakan di dalam surat tersebut benar-benar berlaku di dalam sistem kehakiman negara ini.

Kelakuan pincang dan sumbang beberapa orang hakim telah lama diketahui umum. Masyarakat pada umumnya tidak jelas apa tindakan yang boleh diambil terhadap hakim-hakim yang berlaku sumbang dan pincang ini seperti baru-baru ini dilaporkan dalam akhbar *Asian Wall Street Journal* bahawa ada bukti-bukti di dalam perbicaraan, satu kes keputusan penghakiman ditulis oleh seorang peguam di pejabatnya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sila gulung.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Okay. Hakim hanya membaca keputusan yang sudah siap ditulis oleh peguam tersebut. Dan kes ini melibatkan peguam V.K. Linggam dalam kes di mana beliau mewakili seorang peniaga terkenal Vincent Tan dan ini terdapat dalam *affidavit* yang dinyatakan oleh 'Raqael Puri'.

Akibat daripada kepincangan salah laku hakim-hakim, sistem perundangan dan Hakim Negara tidak lagi dihormati. Peniaga-peniaga tidak lagi mahu undang-undang Malaysia dijadikan sebagai tempat rujukan *arbitration*, dengan izin, perjanjian perdagangan antarabangsa. Inilah padahnya akibat sikap tidak bertanggungjawab segelintir hakim-hakim. Tetapi mereka terus dilindungi oleh pihak-pihak tertentu. Sudah sampai masanya tindakan tegas diambil terhadap mana-mana hakim yang menyeleweng dan menyalahgunakan kedudukan mereka untuk kepentingan mereka atau menjaga kepentingan pihak-pihak tertentu.

Dengan ini saya mohon supaya Kod Etika Hakim-hakim 1994 dikuatkuasakan dengan serta merta dan mendakwa hakim-hakim termasuk Ketua Hakim Negara yang didapati melanggar Kod Etika Hakim-hakim 1994 ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri.

5.55 ptg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Rais bin Yatim]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sebelum memberi jawapan kepada soalan serta isu-isu dalam Ucapan Penangguhan Yang Berhormat Ahli Parlimen bagi Kemaman, perlu saya menarik perhatian kepada Perkara 127 Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan: "*Kelakuan seseorang Hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi tidak boleh dibincangkan dalam mana-mana Majlis Parlimen kecuali dengan suatu Usul yang tersendiri dan notis mengenainya telah diberi oleh tidak kurang daripada satu perempat daripada jumlah bilangan ahli Majlis Parlimen itu, dan juga tidak boleh dibincangkan dalam mana-mana Dewan Negeri.*"

Sebahagian daripada kehendak Perkara 127 itu sedia terkandung di dalam Peraturan Mesyuarat 36 khususnya kurungan lapan - (8).

Walau bagaimanapun, oleh kerana perkara itu telah tidak dibangkitkan, suara yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat itu tentulah sedang berkumandang.

Soalan yang dikemukakan tidak menyentuh tata kelakuan mana-mana hakim tertentu, sekadar hanyalah meminta penjelasan tentang penguatkuasaan Kod Etika Hakim 1994 dan tindakan yang boleh diambil ke atas hakim secara umumnya.

Tuan Yang di-Pertua, namun apabila disebut jawatan hakim itu, maka sesuatu isu telah timbul yakni adakah (8) kepada Peraturan Mesyuarat 36 telah dilanggar. Ini terserahlah kepada Tuan Yang di-Pertua.

Jika soalan menyentuh tata kelakuan mana-mana hakim, soalan itu tidak boleh dibenarkan atau dibincangkan di dalam Dewan Rakyat atau Dewan Negara melainkan kehendak Perkara 127 Perlembagaan Persekutuan tadi dipatuhi.

Sekarang pergi kepada beberapa persoalan yang dikemukakan. Pertama, siapakah yang bertanggungjawab menguatkuasakan Kod Etika Hakim 1994.

Jawapannya ialah Ketua Hakim Negara atau Presiden Mahkamah Rayuan, Hakim Besar Malaya dan Hakim Besar Sabah dan Sarawak dan jika terhadap Ketua Hakim Negara ialah oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk dilaksanakan tuntutannya di bawah Perlembagaan khususnya Perkara 125.

Soalan dua, apakah tindakan yang boleh diambil terhadap mana-mana hakim termasuk Ketua Hakim Negara sendiri, sekiranya mereka mendapati hakim-hakim ini melanggar Kod Etika Hakim-hakim 1994.

Jawapannya ialah perbuatan yang melanggar kod etika itu bergantung sama ada pelanggaran itu dikelaskan dan terbukti sebagai berat atau tidak berat. Jika pelanggaran itu berat, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau Ketua Hakim Negara selepas berunding dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh membuat representasi kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk melantik sebuah tribunal bagi menyiasat pelanggaran kod etika itu.

Sebaliknya, jika pelanggaran kod etika itu adalah pelanggaran yang tidak berat, amaran lisan sahaja adalah memadai.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan yang diambil terhadap seseorang hakim hendaklah setimpal dengan pelanggaran atau pelanggaran salah laku yang didakwa. Seperti juga tindakan tatatertib yang diambil ke atas pegawai kerajaan di bawah Perintah Am Bab D. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut Peraturan Mesyuarat 17(4) Majlis Mesyuarat ini hendaklah ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Usul disetujui.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Dewan akan bersidang semula pada jam 10.00 pagi hari Selasa, 11 Julai 2000 iaitu hari esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.00 petang.*

---